AT-TAFAKKUR

fi al-Kawn wa al-Insan wa al-Qur'an

Utsman Nuri Topbaş

AT-TAFAKKUR

fi al-Kawn wa al-Insan wa al-Qur'an

Utsman Nuri Topbaş

PENERBIT ERKAM

KANDUNGAN

PENDAHULUAN

Tidak ada suatu ibadah yang sebanding dengan berfikir.

(al-Baihaqi, *asy-Syu`ab*, jilid 4, halaman 157)

Segala puji-pujian yang abadi dan tidak terbatas, hanya untuk Allah s.w.t tuhan pencipta alam, pemilik kemurahan dan kebaikan seluruhnya. Dialah yang menganugerahkan nikmat berfikir dan merenung serta membukakan jalan untuk mengenal-Nya. Semoga selawat dan salam sentiasa mencurahi baginda Nabi Muhammad s.a.w, sebagai pembaca al-Qur'an yang terbaik, sahsiah yang mengetahui hakikat alam dan manusia. Baginda jugalah yang mengajar umatnya cara membaca dan memahami sesuatu dengan mata hati sebelum mata kepala.

Allah s.w.t telah memberikan nikmat yang agung kepada manusia yang tidak diberikan kepada makhluk selain manusia –khususnya jin- iaitu kemampuan memahami hakikat Al-Qur'an, hakikat manusia dan alam serta kemampuan untuk menggali pelbagai

mutiara yang menerangi kehidupan mereka sendiri. Adapun satu-satunya alat untuk mencapai tujuan ini adalah berfikir (tafakkur) dan merenung (tadabbur).

Pada hakikatnya, berfikir dan merenung adalah syarat mutlak yang tidak dapat dihindari bagi mencapai hakikat dan darjat kerohanian. Al-Qur'an al-Karim berfungsi sebagai pembimbing ke arah kebahagiaan dan petunjuk yang tiada duanya, dari ayat pertama hingga ayat yang terakhir kesemuanya menyeru manusia untuk berfikir.

Al-Qur'an mengharuskan kita untuk berfikir tentang hikmah di sebalik penciptaan manusia, sistem alam semesta yang sangat mengkagumkan (*mu'jiz*) dan juga mengharuskan kita berfikir tentang ayat-ayat Allah s.w.t sehingga mendalami fenomena keagungan dan kekuasaan Allah yang mutlak dalam alam ini.

Di dalam Al-Qur'an, Allah s.w.t mengingatkan orang-orang yang beriman dengan pelbagai cara. Adapun dalam hal ini, Allah s.w.t menyapa mereka dengan ungkapan-ungkapan seperti, *"tidakkah kamu berfikir? Tidakkah mereka memahami? Tidakkah mereka merenung? Tidakkah mereka melihat?"*[1]

Allah s.w.t juga mengajak orang-orang beriman supaya memerhatikan ciptaan makhluk-Nya, sebagaimana firman-Nya yang bermaksud :

1 Lihat: Q.S. al-Baqarah, 219, 266; al-Nisa', 82; al-An`am, 50; al-Ahzab, 27; Yaasin, 68 dan Muhammad, 24.

"*Maka apakah mereka tidak melihat unta bagaimana ia diciptakan*." (Q.S. Al-Ghasyiyah, 17)[2]

Seterusnya, Dia mengajak orang-orang yang beriman untuk melihat alam dan segala isinya. Allah s.w.t berfirman:

"Maka apakah mereka tidak melihat langit yang ada di atas mereka, bagaimana kami menaikkannya dan menghiasinya sedangkan ianya tidak mempunyai retak-retak sedikitpun. (Q.S. Qaf, 6)

Selain itu, Dia berfirman:

"*Katakanlah (Wahai Muhammad): "Perhatikan dan fikirkanlah apa yang ada di*

2 Sebutan *al-Bari' al-Mushawwir*, layak disandang oleh Allah s.w.t kerana telah membekalkan semua makhluk dengan pelbagai bentuk dan rupa, kemampuan yang padan dan sesuai dengan keadaannya, serta tugas yang hendak dilaksanakan. Contoh yang paling jelas tentang hal ini adalah bentuk dan penciptaan unta. Misalnya Dia berikan kepada makhluk ini sebuah tempat yang dapat digunakan bagi menyimpan air yang secukupnya selama berminggu-minggu, kerana binatang ini hidup di daerah padang sahara yang tandus, tiada tanaman dan tiada air. Tempat yang dimaksudkan adalah punuk atau bonggol unta. Selain itu unta adalah binatang yang makan tumbuh-tumbuhan bahkan makanan yang berduri, dapat bertahan tetap segar dalam masa yang lama. Di samping itu, Allah s.w.t telah jadikan keadaan unta yang mampu dan sesuai untuk menghadapi angin berdebu di tengah padang pasir serta panas yang terik. Tentu sahaja ini hanyalah satu daripada beribu contoh yang ada yang ianya menunjukkan tentang ilmu, kekuasaan dan ciptaan Allah s.w.t.

langit dan di bumi dari segala kejadian yang menakjubkan, yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaan-Nya). Dalam pada itu, segala tanda dan bukti (yang menunjukkan kekuasaan Allah), dan segala rasul (yang menyampaikan perintah-perintah Allah dan memberi amaran), tidak akan memberi faedah kepada orang-orang yang tidak menaruh kepercayaan kepada-Nya." (Q.S. Yunus, 101)[3]

Seterusnya, Allah s.w.t juga mengajak orang-orang beriman untuk meneliti peristiwa sejarah terdahulu. Allah s.w.t berfirman:

"A*pakah mereka tidak berjalan di muka bumi ini supaya mereka dapat memerhatikan bagaimana kesudahan orang-orang sebelum mereka; Allah telah menimpakan kebinasaan atas mereka dan orang-orang kafir akan menerima (akibat-akibat) seperti itu."* (Q.S. Muhammad, 10)

Allah s.w.t menyeru kita sebagai hamba, untuk berfikir dalam semua aspek. Allah s.w.t berkehendak agar kita memahami fitrah-Nya – juga disebut dengan hukum-hukum ilahi – yang kekal abadi dan akan berlaku di alam ini apabila syarat yang menyebabkan hukum alam tersebut berlaku dipenuhi.

3 Lihat juga: Q.S. al-Ghasyiyah, 17-20; al-Nur, 43; al-Ra`d, 3; al-Nahl, 65; al-Rum, 50 dan al-Anbiya', 31.

Dalam konteks yang sama, Allah s.w.t juga menghendaki agar manusia menyaksikan alam ini bukan hanya dengan pandangan kosong tanpa memahami dan menyedari, tetapi memandang dengan mata hati yang sedar dan mempunyai kefahaman yang mendalam. Justeru itu, setelah menyebutkan beberapa nikmat ilahi dalam al-Qur'an, maka Allah s.w.t berfirman:

> *"Sesungguhnya pada peristiwa itu terdapat satu pengajaran yang menginsafkan bagi orang-orang yang berfikiran (yang celik mata hatinya)."* (Q.S. Al Imran, 13)

Dia juga berfirman:

> *"Maka insaflah dan ambillah pelajaran (dari peristiwa itu) wahai orang-orang yang berakal lagi celik mata hatinya."* (Q.S. Al-Hasyr, 2)

Allah s.w.t Yang Maha Tinggi lagi Maha Kuasa begitu menggalakan kita berfikir dan merenungi, baik tentang diri kita mahupun tentang alam semesta. Kerana itu, lebih daripada seratus lima puluh tempat di dalam al-Qur'an, Allah s.w.t menggesa kita untuk berfikir tentang fenomena-fenomena yang berlaku (*lukisan keagungan dan kekuasaan ilahi*), serta kesan-kesan keagungan dan kekuasaan ilahi.

Bagi mewujudkan hal yang demikian, Allah s.w.t telah datangkan konsep-konsep seperti *ta`aqqul, tadabbur, tadzakkur* dan *tafakkur.* Berkemungkinan

tashawwuf merupakan metode terbaik bagi pendidikan spiritual yang secara maksimum mengaplikasikan konsep-konsep tersebut dalam kehidupan.

Tasawuf adalah potensi rohani pada setiap individu, selain merupakan nama bagi jalan menuju kematangan dan kesempurnaan bagi mencapai puncak hakikat, sesuai dengan anugerah dan pemberian Allah s.w.t. Oleh itu, mutiara kata yang menyebutkan, *"Barangsiapa yang mengenal dirinya, maka dia mengenal Tuhannya,"* merupakan salah satu prinsip dan dasar terpenting bagi ahli tasawuf dalam menuju kesempurnaan dan kematangan spiritual.

Tidak ada satupun di alam ini yang tidak memberikan peringatan kepada manusia yang memiliki hati yang hidup agar selalu mengingati kepada Sang Pencipta, juga kepada kekuasaan-Nya yang mencipta segala sesuatu di alam ini. Bermula daripada dunia atom hingga ke dunia galaksi di mana kesemuanya membawa kepada menyaksikan keagungan Allah s.w.t.

Faktanya, semua makhluk mengungkapkan hakikat tersebut dengan bahasa perbuatan masing-masing, dalam bentuk paling baik dan paling jelas. Demi menjadikan orang-orang beriman mampu memahami rahsia-rahsia ini dengan sepatutnya, maka Allah s.w.t harus dijadikan kiblat dan tujuan bagi hatinya, seperti halnya Ka`bah itu menjadi kiblat bagi

jasad orang-orang beriman. Dalam salah satu ayat al-Qur'an al-Karim, Allah s.w.t berfirman:

> *"...(iaitu) orang-orang yang mengingati Allah sambil berdiri, duduk atau dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata): "Ya Tuhan Kami, tidaklah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia (tidak bermanfaat), Maha suci Engkau, maka peliharalah kami daripada seksa neraka."* (Q.S. Ali Imran, 191)

Setiap manusia yang ingin memikirkan kekuasaan dan keagungaan Allah s.w.t di alam ini, mestilah terlebih dahulu mengetahui kelemahan dirinya. Kemudian, dia harus selalu mengingati Tuhan yang menciptanya, dalam setiap nafas yang dikeluarkan, dengan pasrah dan patuh sepenuhnya, hingga hatinya dipenuhi dengan sikap takwa. Bersama takwa pula, bertafakkur akan mencapai kekuatan dalam berfikir dan kondisi yang terbaik.

Di sisi Allah s.w.t, manusia tidak dinilai berdasarkan bentuk (fizikal), keadaan lahiriah, mahupun banyaknya material dan duniawi. Allah s.w.t menilai berdasarkan potensi hati, penghayatan spiritual dan kesediaan rohaninya.

Oleh sebab itu, al-Qur'an menguatkan dan mengiktiraf tafakkur orang beriman. Tafakkur mereka memberikan rasa kemanisan iman, membebaskannya

daripada terikat dengan unsur material dan syahwat yang sempit, serta membawanya terbang bebas ke cakerawala rohani yang luas, abadi dan berterusan tanpa batas. Tafakkur orang mukmin – yang menyaksikan jendela dan layar Ilahi di alam semesta; kemudian mampu mengambil pengajaran dan dijadikan renungan; lalu mengasah sifat rohaniyah dengan berfikir secara mendalam dan komprehensif. Akhirnya ia membawa ke puncak kematangan melalui renungan hati – adalah kunci terindah untuk memasuki dan mendalami iman.

Manusia yang tidak sempurna rohaninya, akan sentiasa bergantung pada fenomena kehidupan yang rendah. Pada masa yang sama, potensi berfikirnya lenyap. Lenyap dalam kegelapan cinta yang terbatas dengan waktu, juga mengakibatkan sifat kedekut dan keras kepala menyelinap dalam hati. Hal tersebut tidak dapat menjadikan hatinya terarah kepada pengetahuan, kebenaran dan kebaikan, malah menjadikannya selalu tertarik kepada fenomena-fenomena palsu, fana dan sirna. Sesudah itu menjadi lemah tunduk di hadapan hasrat dan keinginan nafsunya.

Jika tafakkur orang mukmin ini tidak ada pada diri seseorang (dan dia hanya berfikir tentang fenomena-fenomena duniawi), maka tiada lain melainkan kain kafan akan menjadi pakaian terakhir baginya dalam putaran kehidupan ini. Maut akan menghilangkan

semua kenikmatan yang sementara ini, menyingkirkan pelbagai perhiasan serta barangan palsu yang lain.

Seperti itulah halnya tafakkur yang disokong (*accommodated*) oleh kesedaran iman yang mendalam maka ia akan memberikan ketenteraman dan kebahagiaan abadi. Manakala apabila seseorang bertahan dalam bingkai akal yang gersang, akan menjadikannya semakin rakus, ego dan sombong. Ditambah dengan keadaan hatinya lemah dan lalai.

Sebagaimana cap jari menjadi penentu identiti seseorang, sifat dan peribadi dalam bertafakkur atau merenungi seseorang juga menjadi ciri khas kerohaniannya. Oleh itu, setiap mukmin yang ingin mendapatkan kedalaman rohani, hidup dalam tahap yang sesuai dengan sahsiah kemanusiaannya, serta bertepatan dengan tujuan penciptaannya, maka dia harus memaksa dirinya untuk memasuki suasana tafakkur sepertimana yang dijelaskan al-Qur'an al-Karim.

Ini kerana khusyu` dalam ibadah, kelembutan hati, sikap kasih sayang yang tulus dalam bermuamalah dengan orang lain, hanya dapat dijelmakan melalui cara berfikir seperti itu. Walaupun agama memberi perhatian yang cukup besar kepada persoalan tafakkur dan perenungan, namun manusia sentiasa dilalaikan oleh urusan dunia. Akibatnya manusia menjadi jauh dari tafakkur dan perenungan hakiki. Akhirnya,

manusia lupa tentang kematian dan alpa bahawa dunia ini adalah tempat ujian.

Sementara itu bagi orang-orang beriman yang hidup dalam ketakwaan dan memiliki kemampuan untuk bertafakkur dan merenung (*tadabbur*) – seperti yang telah digambarkan – mereka mampu mengatasi nafsu syahwat sekecil manapun. Mereka dapat mencapai kesempurnaan dan kematangan yang membolehkan mereka menyedari hakikat kemanusiaan mereka sendiri, sekaligus memahami kelemahan mahupun kelebihannya.

Walau apapun keadaan kehidupan lahiriah yang harus ditempuhi oleh orang-orang seperti ini, mereka tetap akan bergantung kepada kepekaan rohani, yang menciptakan ketahanan dalaman (internal). Kesan daripada luasnya hati, mereka mampu mencapai pengetahuan yang melintasi alam kebendaan. Inilah kurniaan Tuhan yang diraih oleh orang yang memiliki iman yang sempurna. Hanya mukmin yang sejati dapat memiliki sifat-sifat tersebut yang kemudiannya membuatkan mereka tidak lagi melihat kehidupan (dunia) sebagai nikmat yang patut disenangi. Di mata mereka yang beriman, impian-impian dunia yang berhias dengan sifat-sifat seperti di atas, hanyalah jerat-jerat usang yang rendah.

Di samping itu, umur mesti dipandang dan ditempatkan sebagai modal, kerana ia satu-satunya modal untuk meraih kehidupan abadi. Setiap orang

mukmin yang menyedari hal ini, sudah tentu mereka berasa sangat menyesal atas perbuatan mereka yang tidak selari dengan ayat al-Qur'an yang mengatakan;

"Maka tetaplah kamu pada jalan yang benar, sebagaimana diperintahkan kepadamu." (Q.S. Hud, 112)

Supaya mereka tidak bersedih dan tidak menyesal, maka sedetikpun tidak boleh dilupakan firman Allah berikut:

> *"Dan belanjakanlah sebahagian dari apa yang telah Kami berikan kepadamu sebelum datang kematian kepada salah seorang di antara kamu; lalu dia berkata: "Ya Tuhanku, mengapa Engkau tidak menangguhkan (kematian)-ku sampai waktu yang dekat, yang menyebabkan aku dapat bersedekah dan aku termasuk orang-orang yang salih?" Dan Allah sekali-kali tidak akan menangguhkan (kematian) seseorang apabila telah datang waktu kematiannya. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan."* (Q.S. Al-Munafiqun, 10-11)

Kesimpulannya adalah Allah menghendaki agar setiap mukmin mengetahui hakikat keagungan Allah, dan hikmah yang terdapat di sebalik sistem alam semesta, seterusnya intipati (essence) hakikinya. Apa yang pasti, Allah menghendaki agar hamba-Nya tidak meletakkan kepercayaan kepada nikmat-nikmat dunia fana yang telah dimiliki. Ini supaya mereka menjadi hamba yang soleh, dan menikmati kehidupan yang

disokong oleh takwa serta layak mendapat syurga di akhirat nanti.

Demikian, dalam buku kami ini (yang sudah tentunya memiliki kelemahan dan kekurangan), kami hendak membahas tentang kepentingan, manfaat dan cara melakukan tafakkur. Hal ini kerana tafakkur merupakan salah satu sunnah Rasulullah al-Mushtafa s.a.w.

Di sini, tidak ada lagi yang dapat saya lakukan selain berterima kasih kepada Dr. Murad Kaya dan Muhammad Akif Kunay, yang telah banyak membantu saya dalam menyiapkan buku ini. Saya sangat berharap kepada Allah s.w.t agar menjadikan upaya ini sebagai amal jariah dalam timbangan kebaikan kelak.

Ya Tuhan kami, perbaikilah segala perasaan dan fikiran kami dengan redha. Kurniakanlah kepada kami semua dengan memberikan pertolongan hingga dapat menyempurnakan umur yang fana ini dengan sifat-sifat di atas. Dan agar kami dapat mencapai punca pengenalan dan cinta kepada-Mu. Amin.

Utsman Nuri Topbaş
Istanbul

PEMIKIRAN TENTANG ALAM SEMESTA, MANUSIA DAN AL-QUR'AN

Batas-batas Akal

Islam memberikan perhatian yang cukup besar kepada akal fikiran manusia. Demi alasan itu, Islam menempatkan akal fikiran sebagai salah satu daripada dua syarat utama dalam kewajipan (*taklif*) ke atas manusia.[4] Islam mengajar manusia bagaimana cara-cara yang sepatutnya digunakan akal fikiran. Seiring dengan itu, Allah s.w.t. menjelaskan kemampuan manusia dalam memahami alam semesta tidaklah mutlak, kerana sesungguhnya Allah s.w.t tidak

---

4 Ada dua syarat yang ditetapkan oleh Islam, yang mesti dipenuhi oleh setiap Muslim dalam menjalankan semua kewajiban. Syarat pertama, *al-bulugh* (baligh, dewasa), iaitu usia seorang anak yang telah menginjak masa dewasa. Syarat kedua, *al- 'aql* (berakal), adanya akal fikiran pada diri seseorang, yang mampu membuatnya membezakan antara salah dan benar. Atas dasar itu, dalam syariat Islam, kanak-kanak dan orang gila tidak akan dipertanggungjawabkan atas perbuatan yang mereka lakukan, dan tidak pula diberi beban kewajiban (*taklif*).

menganugerahkan kemampuan yang mutlak dan tidak terbatas kepada makhluk ciptaan-Nya.

Kemampuan untuk memandang dibatasi oleh kemampuan mata, kemampuan mendengar dibatasi oleh kemampuan telinga, dan kemampuan untuk mengetahui sesuatu juga dibatasi oleh kemampuan akal fikiran. Oleh sebab itu, jika ada kehidupan yang tiada had batasan maka mata tidak mungkin dapat melihatnya, kerana kewujudan tersebut berada di luar kemampuan mata untuk melihatnya. Kalau ada banyak suara yang jumlahnya tidak terhingga, maka telingapun tidak mampu mendengarnya, kerana suara-suara tersebut berada di luar kemampuan telinga untuk mendengarnya. Pada gilirannya, dapat ditegaskan bahawa banyak hakikat yang tidak mungkin dicapai dan diketahui oleh manusia kerana hakikat-hakikat tersebut berada di luar kemampuan manusia untuk mencapai dan memahaminya. Ertinya, akal fikiran sahaja tidak cukup untuk memahami seluruh hakikat.

Contoh, para ahli falsafah yang berkeyakinan bahawa kemampuan akal tidak terbatas (bersifat mutlak) dalam mencapai dan memahami hakikat. Kesannya, manusia yang terpengaruh dengan mereka

telah menuju kepada jurang penderitaan bukan pula kepada kebahagiaan yang mereka cari-cari.[5]

---

5 Ada satu peristiwa yang terjadi pada zaman Yunani Kuno yang menunjukkan kelemahan akal fikiran dan kemampuannya yang terbatas. Ada seorang pemuda menemui salah seorang ahli falsafah untuk mempelajari ilmu hukum daripadanya. Dia menyatakan kepada sang ahli falsafah bahawa dia akan membayar separuh yuran yang telah ditetapkan. Dan separuh yang lain akan dibayar ketika dia telah menjadi peguam dan menangani kes perbicaraan di mahkamah. Ertinya, ketika sang pemuda menerima pendidikan yang baik, maka dia layak untuk menjadi peguam dan mula menangani kes-kes di mahkamah. Dan saat itulah sang guru akan memperoleh separuh bayaran yang kedua. Akan tetapi, ketika pemuda itu telah menyelesaikan pendidikannya, dia berkata kepada sang ahli falsafah, gurunya, bahawasanya dia tidak akan membayar baki yuran pendidikannya, dan menganggap cukup dengan membayar separuh yang pertama.

Akibat diperlakukan sedemikian oleh sang murid, gurunya membawa perkara ini ke mahkamah. Dan perlu diketahui bahawa inilah kes pengadilan pertama yang dikendalikan oleh sang murid (yang menuntut supaya dia melunasi pembayaran terhadap gurunya). Ketika sang murid menghadap di mahkamah pengadilan, dia berkata: "Saya tidak perlu membayarkan baki pembayaran yang kedua, sekiranya saya menang kes ini ataupun kalah." Salah seorang anggota dewan hakim bertanya: "Mengapa?" Dia pun menjawab: "Kerana kalau saya menang kes ini melalui keputusanmu, maka tentunya saya tidak patut membayarnya; dan kalau saya mengalami kekalahan dalam kes pertama yang saya kendalikan di mahkamah, maka tetap juga saya tidak harus melunaskannya, sesuai dengan perjanjian yang telah saya sepakati dengannya." Sang ahli falsafah juga mengatakan: "Saya juga tidak harus mengambil wang daripadanya, sama ada saya menang kes ini ataupun kalah." Ketika dia ditanya oleh salah seorang hakim, "Mengapa?" Dia menjawab: "Kalau saya memenangi kes ini ber-

Diyakini bahawa Allah s.w.t mengetahui pelbagai karakter/ pelbagai spesifikasi penciptaan hamba-hambanya, lebih daripada pengetahuan mereka sendiri. Menurut pelbagai riwayat yang ada, Allah s.w.t telah mengutuskan seratus dua puluh empat ribu orang nabi dan rasul sepanjang sejarah kehidupan umat manusia. Hikmahnya kerana akal manusia itu lemah dan tidak mampu mencapai hakikat. Lembaran dan kitab-kitab suci yang telah diwahyukan oleh Allah s.w.t kepada para rasul dan nabi merupakan media terbaik yang menghubungkan antara wilayah kemanusiaan dan

---

dasarkan keputusan kalian, maka saya tidak boleh mengambil wang daripadanya. Sebab kami telah bersetuju bahawa syarat untuk saya ambil baki pembayaran daripadanya adalah jikalau dia – sebagai peguam – dapat memenangi kes pengadilan yang pertama kali dia kendalikan.

Berdasarkan cerita di atas kita ketahui bahawa tuduhan dalam perkara yang melibatkan ahli falsafah dengan muridnya, sampai tahap tertentu, merupakan permainan logik dan akal fikiran. Dapat pula dikatakan bahawa dua orang yang terlibat dalam contoh di atas telah mengurung dirinya dalam tembok-tembok logik yang mereka bina untuk menjadi perangkap bagi diri mereka sendiri, sekaligus menjebakkan mereka ke dalam lorong-lorong yang membuat mereka tidak dapat keluar daripadanya. Selanjutnya, bagaimana mungkin akal yang tidak mampu memberikan jawapan pada banyak perselisihan yang terjadi dalam kehidupan mereka mampu memahami dan mencapai hakikat-hakikat Ilahiah yang tidak berbatas dan tidak terhingga. Walhasil, selamatnya akal fikiran dari pelbagai kerosakan bergantung kepada tuntutan yang diberikan oleh wahyu dan kesediaan hati untuk menerima bimbingan daripadanya.

wilayah hakikat dan menghubungkan hakikat kepada manusia.

Atas dasar itu, bimbingan wahyu terhadap akal fikiran dianggap sebagai suatu syarat yang mutlak, kerana akal yang tidak disinari bimbingan Ilahiah bagaikan kuda liar yang tidak akan sampai pada tempat tujuan. Bahkan boleh jadi terjatuh ke dalam lubang dan tercampak ke dalam mara bahaya.

Oleh sebab itu, kita perlu menjinakkan dan melatih kuda tersebut dengan cara mengikat tali kendali melingkari tubuhnya agar dapat dikendalikan dan diarahkan kuda tersebut dengan sempurna. Hal yang sama perlu dilakukan terhadap akal manusia. Kita harus memberikan pendidikan rohaniah – yang intipatinya adalah wahyu dan sunnah yang suci – kepadanya sehingga ia menjadi akal yang sihat dan benar. Jika tidak, akal akan menjadi seperti senjata bermata dua sama ada digunakan sebagai alat untuk mencipta kebaikan atau menjadi perangkap untuk mendatangkan keburukan.

Peranan Hati

Pada pandangan Islam, iman adalah pengakuan kebenaran yang dilakukan oleh hati, dan pernyataan yang diutarakan dengan ucapan. Dalam hal ini, akal tidak menyediakan tempat bagi terletaknya (reside) iman (dalam hal ini iman tidak dapat direalisasikan

dengan akal), kerana sesungguhnya hati merupakan pusat berputarnya seluruh perasaan manusia. Hal ini perlu kita lihat, kerana sesungguhnya iman adalah sebuah cita rasa yang tinggi, sedangkan akal merupakan medium sebagai penghantar mencapai keimanan melalui peringkat-peringkatnya yang mengarah ke sana.

Hakikat-hakikat Ilahiah yang diakui dan dibenarkan oleh akal, tetapi tidak disertai dengan pengakuan yang datang dari hati, tidak akan menghasilkan keimanan yang hakiki. Selama mana iman tidak bertapak di hati, maka tidak akan diikuti dengan perbuatan, hasilnya tidak melahirkan perilaku dan tindakan yang baik. Jika ini terjadi, maka amal perbuatan itu tiada nilainya di sisi Allah s.w.t. Orang yang mengetahui hakikat-hakikat ilahiah tetapi tidak memahami dan menghayatinya (akibat kelalaian hatinya) dia dianggap sama dengan keldai yang memikul lembaran-lembaran kitab suci yang tebal. Allah s.w.t berfirman:

> *"Perumpamaan orang-orang yang dipikulkan kepadanya Taurat, kemudian mereka tiada memikulnya, adalah seperti keldai yang membawa kitab-kitab yang tebal. Amatlah buruknya perumpamaan kaum yang mendustakan ayat-ayat Allah itu. Dan Allah tiada memberi petunjuk kepada kaum yang zalim."* (Q.S. al-Jumu'ah, 5)

Oleh sebab itu, mengetahui hakikat ilahiah (*ma'rifah al-haqa'iq al-ilahiah*) bukan hanya

mengumpul dan menghimpunkan fail hakikat itu di dalam akal kita, tetapi juga dapat mengungkap rahsia sistem besar dalam kehidupan dan alam semesta melalui pemikiran, renungan, dan perbuatan yang diperlukan untuk mencapai ma'rifat tersebut. Siapapun yang melakukan hal tersebut, maka hatinya akan dipenuhi dengan sinaran cahaya keimanan.

Suatu hasil boleh tercapai oleh akal ketika mana memikirkan tentang manusia, alam semesta dan al-Qur'an—yang dianggap sebagai cermin bagi hakikat-hakikat tersebut—seperti halnya bahan mentah yang dikeluarkan dari perut bumi. Sedangkan pengolah bahan mentah yang dikeluarkan sehingga menjadi sesuatu yang berguna dan bernilai tinggi adalah hati. Kerana hati adalah pusat perenungan, tafakkur, dan perasaan. Tatkala perasaan hati yang diungkapkan sebagai "gerak hati, bisikan hati, ilham, dan inspirasi" berpadu dengan dalil-dalil yang dikemukakan oleh akal fikiran, maka ia akan menghasilkan sebuah pemahaman yang sempurna terhadap hakikat. Ini seperti proses membuat kembali pecahan-pecahan sebuah pasu seramik yang hancur berderai kepada bentuk asalnya.

Dengan kata lain, pengamatan yang baik dan sempurna terhadap kebenaran dan kebaikan akan terjadi apabila akal telah dididik oleh wahyu; diiringi dengan pengakuan terhadap kekurangan yang dimiliki oleh akal bagi sesuatu yang tidak dapat dicapai olehnya, juga disertai dengan penjelajahan (exploration)

di relung-relung (niche) hati dan matang di bawah cahaya keimanan.

Harga sebuah tafakkur itu ditentukan oleh proses mempertajamkannya melalui pelbagai pengamatan dan renungan. Dengan maksud, ia memiliki kemampuan untuk bekerja sesuai dengan arahan hati dan fikiran, dalam keseimbangan yang sempurna. Jika manusia hanya mementingkan akal dan fikiran sahaja mungkin dia menjadi manusia duniawi yang baik, iaitu manusia pragmatic (pencari keuntungan). Namun jika dia ingin menjadi mukmin yang sempurna, maka dia harus melatih hatinya punca atau pusat kesedaran dan perasaan beriringan dengan pendidikan rohaniah. Jadi, hati harus menjadi pembimbing bagi akal kerana ia adalah pusat yang mengarahkan akal untuk berfikir. Sementara berfikir itu diarahkan oleh akal untuk menuju mencapai kehendak.

Boleh dikatakan bahawa sebab asas bagi munculnya perbuatan-perbuatan yang didasari oleh kehendak adalah hati yang merupakan tempat kesedaran itu berdiri tetap dan kukuh. Dari sudut ini, maka menempatkan dan memantapkan hati dalam bingkai perintah-perintah Allah adalah hal yang paling penting dibanding anggota tubuh yang lain. Ini kerana, pemikiran rasional (rational) dalam mengendalikan kehendak syahwat, ditambah pula tanpa bimbingan daripada hati yang sihat apatah lagi dihinggapi penyakit-penyakit hati – seperti ujub,

tertipu dan sombong – akan membuat pemikiran seseorang itu menyimpang dan membawanya ke arah kesesatan dan kebinasaan.

Maulana Jalaluddin Rumi berkata:

"Sekiranya syaitan tidak menjunjung tinggi akal fikirannya semata-mata, sudah tentu dia tidak akan menjatuhkan martabatnya ke dalam kondisi atau kedudukan yang dia alami sekarang ini."

Ertinya, akal tidak berguna dan tidak bernilai dengan sendirinya. Akal harus dikendalikan dengan bijak. Kesedaran rohaniah dalam hati mesti dimatangkan dan disempurnakan demi mewujudkan akal yang benar-benar lurus.

Singkatnya, setiap tafakkur yang hakiki bermula dari suatu titik di mana ada akal yang bersinar dengan cahaya wahyu dan hati yang matang secara spiritual. Dan ketika kami menggunakan konsep tafakkur, maka yang kami maksud adalah bentuk tafakkur yang sah, iaitu tafakkur yang dibimbing dan dibekali dengan hakikat-hakikat Ilahi, serta dikukuhkan oleh renungan dan penghayatan hati.

Menurut erti kata lain, *tafakkur* adalah bermaksud mendalami dan menyelami sesuatu untuk mengambil pengajaran. *Ta'ammul* adalah berfikir secara terus-menerus, berfikir secara teliti, serta menghalusi pelbagai peristiwa dan alam semesta untuk mengambil pengajaran atau iktibar, nasihat demi mencapai hakikat.

Sedangkan *tadabbur* pula adalah memikirkan kesan dan akibat perbuatan tertentu. Tapi ketika ini, di Turki kita mengungkapkan semua istilah di atas dengan satu perkataan sahaja, iaitu "tafakkur" atau "Düşünmek". Tidak diragukan lagi bahawa hal ini merupakan kesan pahit daripada kemusnahan yang terjadi dalam bahasa kita, yang bertujuan untuk melepaskan bangsa kita yang terhormat ini daripada budaya Islam yang tulen dan sah . Hal ini kerana manusia berfikir menggunakan perkataan, sedangkan konsep-konsep dan susunan perkataan itulah yang menjadi perkakas dan alat ekspresinya. Corak pemikiran Islam yang mendalam dan luas tidak akan terbuka dengan lidah yang lemah, kacau dan terbatas.

Dari sisi ini, kita harus mengawal perkataan-perkataan yang berasal daripada budaya Islam dan menghidupkannya dengan menggunakannya dan mengabaikan setiap bahasa yang dusta dan palsu dan digantikan dengan budaya Islam yang bersumber daripada al-Qur'an.

Kepentingan Berfikir

Dalam kitab Allah s.w.t dan hadith-hadith Rasul s.a.w, terdapat banyak perintah dan motivasi yang berkaitan dengan penelitian, pemahaman secara mendalam, berfikir dan mengambil pengajaran. Dalam hal ini, kami sebutkan dua dari ratusan ayat yang terdapat di dalam al-Qur'an al-Karim. Allah s.w.t berfirman:

"Dan mengapa mereka tidak memikirkan tentang (kejadian) diri mereka? Allah tidak menjadikan langit dan bumi dan apa yang ada di antara keduanya melainkan dengan (tujuan) yang benar dan waktu yang ditentukan. Dan sesungguhnya kebanyakan di antara manusia benar-benar mengingkari adanya pertemuan dengan Tuhan mereka." (Q.S. Ar-Rum, 8)

Dan firman-Nya:

"Katakanlah: "Sesungguhnya aku akan memperingatkan kepadamu satu hal sahaja, iaitu supaya kamu menghadap Allah (dengan ikhlas) berdua- dua atau sendiri-sendiri; kemudian kamu fikirkan (tentang Muhammad) bahawa tidak ada penyakit gila sedikitpun pada kawanmu itu. Dia tidak lain hanyalah pemberi peringatan bagi kamu sebelum (menghadapi) azab yang keras." (Q.S. Saba', 46)

Ada juga ayat-ayat yang menekankan agar manusia memikirkan secara mendalam tentang ibadah mereka kepada Allah s.w.t, sama ada secara individu mahupun secara berjamaah. Begitu juga gesaan memahami dengan baik akan hakikat ibadah tersebut[6]. Ayat-ayat

6 Secara umumnya, fikiran masyarakat dan kelompok majoriti mempengaruhi fikiran individu. Untuk melepaskan individu dari pengaruh tersebut dan melahirkan kebenaran adalah dengan cara kembali dan merujuk kepada pembimbing, bertanya kepada hati serta melakukan tafakkur dan merenung. Berdasarkan ayat di atas, maka hukum-hukum yang lahir dari akal kolektif manu-

ini menjanjikan bahawa mereka hanya dapat meraih hasil dan kejayaan jika mereka berpegang kepada nasihat yang tiada duanya ini.

Rasulullah s.a.w Selalu Bertafakkur

Rasulullah s.a.w itu selalu berdiam diri dan banyak berfikir. Sebelum diutus sebagai Rasul, baginda banyak menghabiskan waktu dengan berkhalwat, menyepi (*khalwat*) dan mengasingkan diri ('*uzlah*).

Beliau pergi dan tinggal berhari-hari di gua Hira' yang jaraknya lebih kurang lima kilometer dari Makkah al-Mukarramah. Dalam suasana *khalwat* dan *uzlah* itu, ibadah yang baginda lakukan adalah berfikir, menyaksikan, mengambil iktibar dan merenungkan kerajaan langit dan bumi, seperti yang dilakukan oleh datuk baginda, Ibrahim a.s.[7] Dengan cara ini, Allah s.w.t mempersiapkan Rasul-Nya untuk memegang tugas kerasulan yang suci.

Sepanjang tempoh berhari-hari di gua Hira itu, Rasulullah s.a.w selalu berfikir tentang alam semesta dan sifat keadaannya, serta tentang kehidupan setelah mati. Tentang masa ini, Hindun ibn Abi Halah

sia tidaklah selamanya selalu benar atau mendekati kebenaran. Dengan demikian, setiap individu harus memiliki gagasan yang bebas, mampu mengkritik fikiran kolektif tersebut dan mencapai gagasan yang benar dan bebas .

7 Al-`Aini, *Umdah al-Qari'*, Beirut, tt, jilid 61, 14, halaman 128.

bercerita, *"Rasulullah s.a.w ketika berpusing muka maka turut berpusing kesemua tubuhnya. Tatapan matanya merendah, lebih banyak memandang ke bumi daripada ke langit. Sebahagian besar tatapannya adalah tatapan mencari tahu. Baginda menjadi pelopor bagi para sahabatnya dan mendahului mengucap salam dengan orang yang berjumpa dengannya. Selalu bersedih dan selalu berfikir. Tidak pernah berehat, tidak pernah berbicara jika tidak diperlukan dan selalu dalam keadaan diam. Selalu memulai dengan mengakhiri kata-kata dengan senyuman. Berbicara dengan kata-kata singkat, penuh keutamaan tanpa berlebihan dan tanpa kecuaian. Halus tutur katanya, tidak keras dan tidak terlalu rendah. Mengagungkan nikmat meskipun sedikit. Tidak pernah menghina mahupun memuji makanan. Tidak pernah marah kerana dunia dan apa yang ada di dalamnya. Jika membahagikan hak, maka tidak seorangpun mengetahuinya. Tidak ada sesuatupun yang memancing kemarahan yang tidak mampu Baginda kuasai. Tidak pernah marah dan tidak pernah kalah kerana nafsu. Ketika menunjukkan sesuatu, maka Baginda menggunakan semua telapak tangannya. Ketika merasa kagum, Baginda balik telapak tangan itu. Ketika berbicara, Baginda satukan telapak tangan kanan dengan ibu jari kiri. Ketika marah, Baginda berpaling dan membuang muka. Jika tertawa, Baginda memejamkan mata, dan biasanya hanya tersenyum sejuk laksana salji."* (Ibn Sa`ad, *ath-Thabaqat*, jilid 1, halaman 422-423)

Dalam merangka bagi mendorong umatnya supaya berfikir, Rasulullah s.a.w bersabda:

> "*Tuhanku menyuruhku untuk melakukan sembilan perkara; takut kepada Allah sama ada ketika bersendirian mahupun di tengah orang ramai, berkata adil sama ada ketika marah mahupun tenang, berhemat sama ada ketika miskin mahupun kaya, menyambung silaturahim dengan orang yang memutus hubungan denganku, memberi kepada orang yang tidak mahu memberi kepadaku, memaafkan orang yang menzalimiku, menjadikan diam sebagai tafakkur dan bicara sebagai zikir, pandangan sebagai sumber pelajaran, serta menyuruh kepada kebaikan. Ada yang mengatakan "bil ma`ruf"*"." (Diriwayatkan oleh Razin, dalam al-Jazari, *Jami` al-Ushul*, 11, 786, no. 7139)

Nabi s.a.w bersabda:

> "*Tidak ada ibadah yang sebanding dengan berfikir (merenungi).*" (al-Baihaqi, *asy-Syu`ab,* jilid 4, halaman 157)

Dalam hadith lain, baginda bersabda, "*Jadilah kamu tetamu di dunia, jadikan masjid sebagai rumahmu, biasakan hatimu dengan kelembutan, perbanyakkanlah berfikir dan menangis, jangan sesekali mengikuti hawa nafsu, kamu membina rumah yang tidak kamu diami, mengumpulkan harta yang tidak kamu makan dan mengharapkan apa yang tidak kamu temukan.*"

(Abu Nu`aim, *al-Hilyah*, jilid 1, halaman 358, dan as-Suyuthi, *Jami` al-Ahadits*, no. 15843)

Abu Dzar al-Ghiffari r.a. berkata: "Aku duduk di sisi Rasulullah s.a.w lalu bertanya, "Wahai Rasulullah bagaimana Shuhuf Ibrahim a.s itu?" Maka baginda menjawab, "Shuhuf itu berisi pelbagai pesanan bijak (berguna); *(seperti) wahai penguasa yang diuji dan tertipu, Aku tidak mengutusmu untuk mengumpulkan dunia, tapi Aku mengutusmu untuk mengembalikan doa orang yang terzalimi kepada-Ku, kerana Aku tidak menolaknya sekalipun dari orang kafir.*" Dalam Shuhuf itu juga ada contoh bagi orang yang berakal, agar dia membahagi waktu menjadi beberapa bahagian. Ada waktu untuk bermunajat kepada Tuhan, ada waktu untuk bermuhasabah diri, ada waktu untuk memikirkan ciptaan Allah, dan ada waktu untuk mencari keperluan makan atau minum. Orang berakal tidak boleh berjalan kecuali untuk tiga hal; mencari bekal untuk akhirat, untuk kehidupan atau untuk kenikmatan yang halal. Orang berakal harus berwaspada terhadap zaman, menghadapi urusan dan menjaga lisan. Barang siapa menghitung ucapan daripada amalnya, maka dia tidak akan berbicara kecuali perkara penting. (Abu Nu`aim,*al-Hilyah*, jil. 1, 167)

Luqman r.a. adalah orang yang suka menyendiri dan menghabiskan waktu duduk seorang diri. Ketika ditanya tentang hal itu, dia menjawab, "Menyendiri dalam tempoh waktu yang lama itu lebih memudahkan

berfikir, dan lamanya berfikir adalah petunjuk menuju jalan ke syurga."[8]

Abu Darda' r.a. berkata:

> "*Berfikir satu jam lebih baik daripada solat satu malam*." (al-Baihaqi, *Syu`abul Iman*, jilid 1, halaman 531, no. 811)

Ketika ditanya tentang ibadah apakah yang paling utama, Said ibn al-Musayyab menjawab, "Merenungkan makhluk Allah dan mendalami agama-Nya." (al-Barsawi, *Ruhul Bayan*, tafsir Surah an-Nur, ayat 44).

Seiring dengan apa yang telah kami jelaskan di atas, sesungguhnya tafakkur yang membawa seseorang untuk mengetahui keagungan Allah s.w.t adalah aktiviti intelektual. Sedangkan hati adalah perkara yang mampu membantu tenaga dan aktiviti ini ke arah menghasilkan hasil yang sempurna. Oleh kerana hati merupakan anggota tubuh yang paling mulia, maka tentu sahaja pekerjaan hati itu lebih utama daripada pekerjaan anggota tubuh lainnya. Begitu juga kerana hati adalah tempat yang dilihat oleh Allah s.w.t.

Ada satu hakikat yang sangat jelas menerangkan bahawa tafakkur akal fikiran yang dibimbing oleh wahyu merupakan punca bagi cahaya yang menerangi hati. Tafakkur seumpama inilah satu-satunya alat dan

8 Al-Ghazali, *Ihya Ulum ad-Din*, Beirut, 1995, Dar al-Khair, jilid 6, halaman 45.

jalan yang membawa manusia untuk sampai kepada (hidupnya) mata hati. Sekali lagi, tafakkur semacam ini adalah alat untuk mencapai pengetahuan, zuhud, menjauhi maksiat dan cinta kepada Allah s.w.t.

Tafakkur yang paling tinggi adalah memikirkan kekuasaan, keagungan, kebijaksanaan, dan takdir Allah s.w.t. Dalam suasana tafakkur sebegini, manusia berfikir untuk memperbaiki kehidupan dunia dan menjauhi segala perkara yang membahayakan kehidupan akhiratnya.

Ketika seseorang merenungkan nikmat, pemberian, perintah, larangan, asma' dan sifat Allah s.w.t bererti dia sedang menumbuhkan benih-benih cinta dan ma'rifat dalam hati, serta sedang melangkah menuju kawasan spiritual. Ketika dia berfikir tentang akhirat dan menyedari dunia adalah kawasan ujian dan bersifat fana, juga faham akhirat adalah rumah kemuliaan dan keabadian, maka dia semakin cinta kepada akhirat dan lebih menghargainya serta memperhatikan hal-hal yang melampaui dunia.

Dia sedar bahawa kehidupan dunia ini adalah satu perjalanan singkat dari rahim seorang ibu menuju ke alam kubur. Selain itu juga, apabila semakin bersemangat, ghairah dan berusaha terus-menerus untuk membuat umurnya lebih berkat, seraya menyedari bahawa umur adalah modal termahal untuk mencapai kebahagiaan di akhirat. Lalu ia mengetahui bahawa waktu merupakan satu kurnia

yang mesti digunakan sebaik dan seindah mungkin demi melakukan amal-amal yang baik dan benar.

Betapa indah ucapan Sayyid Abu al-Hasan al-Kharqani yang berkata, *"Setiap anggota tubuh orang beriman harus sentiasa sibuk kerana Allah s.w.t. Orang beriman harus mengingati Allah s.w.t di dalam hatinya dan menyebut-Nya dengan lisan. Hendaklah ia melihat apa yang dikehendaki Allah s.w.t. untuk dilihat, memberi dan menyampaikan dengan tangannya, berjalan untuk mengunjungi sesama manusia dengan kedua kakinya, melayani orang-orang beriman dengan akal, berdoa dengan penuh iman dan keyakinan, berusaha dan berjuang untuk mencapai pengetahuan (ma'rifat) dengan akalnya, beramal dengan ikhlas, serta mengingatkan orang lain tentang kedatangan dan hiruk-pikuk hari kiamat yang amat dahsyat. Saya jamin bahawa setiap individu yang berbuat seperti ini, pasti akan ke syurga di mana dia bangkit dari kuburnya sambil mengheret kain kafannya."*[9]

9 Abu al-Hasan al-Kharqani, *Risalah as-Siyar wa as-Suluk*, Istanbul, 2006, halaman 107.

Tafakkur Tentang Alam Semesta

Manusia memang aneh. Dia bingung dan hairan ketika melihat sebuah istana yang penuh dengan hiasan dan tersergam indah. Selepas itu, dia pun tidak dapat melupakan istana itu dan selalu berbicara tentang keindahan istana itu sepanjang hayatnya. Tapi sayang, dia tidak dapat melihat dan memahami alam semesta yang agung tanda kebesaran Allah s.w.t yang begitu menakjubkan. Tidak pula dia berfikir tentang keindahan alam mahupun membicarakannya secara terperinci. Orang yang tidak memahami dan tidak merenungi benda-benda di alam ini diibaratkan batu besar yang sedikit pun tidak merasakan hujan pada musim bunga yang indah. Padahal istana yang dikagumi dan diagungkan oleh manusia itu hanyalah satu unsur kecil daripada unsur-unsur dunia yang merupakan molekul terkecil dalam semesta raya yang begitu luas dan menakjubkan.

TAFAKKUR TENTANG ALAM SEMESTA

Segala sesuatu yang ada di alam ini, dari atom hingga galaksi, adalah merupakan mukjizat Allah yang luar biasa. Alam semesta, dalam semua segi - dengan fenomena hikmah yang tidak terhingga - adalah pertunjukan seni atau artistik bagi ukiran dan pameran (window) kekuasaan Allah yang dipersembahkan kepada manusia. Penciptaan, susunan dan keseimbangan alam semesta menjadi alat yang penting untuk mengambil pengajaran dan direnungi bagi manusia yang berfikir. Terdapat banyak ayat yang mengungkapkan konsep ini, antaranya firman Allah s.w.t :

> *"Maka apakah mereka tidak melihat akan langit yang ada di atas mereka, bagaimana Kami meninggikannya dan menghiasinya dan langit itu tidak sedikitpun mempunyai retak-retak? Dan Kami hamparkan bumi itu dan Kami letakkan padanya gunung-gunung yang kukuh dan Kami tumbuhkan padanya segala macam tanaman yang indah dipandang mata, untuk menjadi pelajaran*

dan peringatan bagi tiap-tiap hamba yang kembali (mengingat Allah)." (Q.S. Qaf, 6-8)

Dan firman-Nya:

Apakah kamu tidak memperhatikan, bahawa Allah menurunkan air dari langit, kemudian diatur menjadi sumber-sumber air di bumi kemudian ditumbuhkan-Nya dengan air itu tanaman yang bermacam-macam warnanya, lalu menjadi kering lalu kamu melihatnya kekuning-kuningan, kemudian dijadikan-Nya hancur berderai-derai. Sesungguhnya pada yang demikian itu benarbenar terdapat pelajaran bagi orang-orang yang mempunyai akal. (Q.S. az-Zumar, 21)

Air yang berada di muka bumi berfungsi untuk memenuhi kehendak manusia untuk pelbagai keperluan dan kegunaan seperti makanan, minuman dan kebersihan. Oleh sebab itu, kadangkala air itu tercemar atau kotor tetapi Allah s.w.t mengajarkan hamba-Nya cara yang begitu mengagumkan untuk membersihkan kembali air tersebut.

Betapa indah ucapan Maulana Jalaluddin Rumi ketika berbicara tentang keharusan berfikir tentang perubahan air. Beliau berkata: "Ketika air menjadi kotor dan tercemar, meimbulkan kegelisahan, kebingungan dan kehairanan kepada manusia, lalu mereka mula meminta tolong, bermunajat dan berdoa kepada Allah s.w.t, dan Allah mengabulkan permintaan tersebut

dengan cara mengewapkan air laut dan mengangkatnya ke langit. Dengan pelbagai cara, air (awan) itu berjalan di angkasa sehingga benar-benar suci. Lalu Allah turunkan air itu ke bumi semula dalam bentuk hujan atau salji. Dan akhirnya, air tersebut dibawa ke lautan yang luas."

Maulana Jalaluddin Rumi mengingatkan dengan peristiwa alam yang sering terjadi ini supaya manusia dapat mengambil iktibar darinya. Rumi berkata, "Hai manusia, dekatlah kepada Allah s.w.t. Sucikan hatimu daripada segala noda, seperti air yang suci di atas langit, dan jadilah seperti hujan yang menyebarkan berkah dan rahmat."

Dari sudut yang lain pula dengan mengambil pengajaran daripada penciptaan alam semesta dan menyaksikan keseimbangannya sudah cukup untuk mengetahui adanya sistem yang sempurna tanpa kesilapan mahupun kekurangan serta pelbagai rahsia dan hikmah yang ada di dalamnya. Tambahan lagi, untuk mengetahui bahawa segala sesuatu adalah lembaran-lembaran kekuasaan yang bebas tanpa batas dan tanpa penghujungnya.

Tafakkur Tentang Langit

Kerajaan Ilahi yang tampak di langit, di bumi dan pada bintang-bintang adalah merupakan salah satu daripada bukti kekuasaan dan keagungan Allah

s.w.t. Tidak bertafakkur terhadap keajaiban-keajaiban di langit itu menjadi punca yang menyebabkan pengetahuan manusia tidak mampu menyaksikan hikmah yang agung tersebut.

Jika dibandingkan dengan langit, bumi hanyalah seperti setitis air di laut, bahkan lebih kecil lagi daripada itu. Terdapat banyak ayat al-Qur'an yang berbicara tentang keagungan langit. Bahkan terdapat banyak ayat yang bersumpah menggunakan langit. Allah s.w.t berfirman:

> *"Demi langit yang mempunyai gugusan bintang."* (Q.S. Al-Buruj, 1)

Juga firman-Nya:

> *"Maka aku bersumpah dengan masa turunnya bahagian-bahagian al-Quran. Sesungguhnya sumpah itu adalah sumpah yang besar kalau kamu mengetahui."* (Q.S. Al-Waqi`ah, 75-76)[10]

Luasnya alam semesta berserta pergerakan orbit-orbit di dalamnya dan jarak di antara orbit-orbit tersebut diungkapkan dengan angka-angka besar yang di luar kekuasaan dan kemampuan manusia serta tidak dapat digambarkan melalui daya imaginasi. Kerana itu, para ilmuwan tidak mempunyai pilihan lain selain mengatakan, "Sesungguhnya alam semesta

10 Lihat juga Surat adz-Dzariyat, 7; an-Najm, 1; at-Takwir, 15; ath-Thariq, 1; dan asy-Syams, 1,2,5.

ini membuatkan orang berada dalam ketakjuban dan kekaguman yang melebihi kemampuan kita untuk berimaginasi serta sangat membingungkan."

Kerana orbit-orbit yang terdapat di angkasa ini saling berjauhan dan bergerak dengan kecepatan yang luar biasa."[11] Para pengkaji luar angkasa memperkirakan jarak setengah wilayah alam semesta adalah 14 trillion tahun cahaya. Padahal kecepatan cahaya adalah 300 ribu kilometer per detik atau saat.

Galaksi

Di langit terdapat ratusan billion galaksi dapat dilihat dengan teleskop moden. Galaksi adalah merupakan kumpulan bintang raksasa yang terdiri daripada sejumlah bintang yang berkisar antara 10 juta hingga 1 billion bintang secara terperincinya dari kategori bintang, gas, dan debu.. Galaksi "*Bima Sakti*" yang di dalamnya terdapat matahari hanyalah salah satu daripada galaksi-galaksi tersebut.

Himpunan yang mencakupi ratusan atau ribuan galaksi itu disebut dengan "Klaster" atau "Galaksi Kerdil". Sedangkan kumpulan yang terdiri daripada kumpulan galaksi disebut dengan "Super Klaster" atau "Galaksi Raksasa". Galaksi *Bima Sakti* yang di dalamnya terdapat matahari dan sekitar tiga puluh

11 Yusuf al-Haj, *Mausu`ah al-I`jaz al-Ilmi*, Damaskus, 2003, halaman 413.

galaksi ini membentuk "Galaksi Kerdil."

Adapun galaksi "*Virgo*" yang dianggap sebagai salah satu himpunan galaksi yang dekat dengan galaksi kita, jauhnya sekitar 65 juta tahun kecepatan cahaya, dan terdiri lebih kurang daripada 2000 galaksi.

Sedangkan "Galaksi Raksasa", atau Super Klaster terdiri daripada ribuan himpunan galaksi di mana keluasannya mencapai 100 tahun kecepatan cahaya. Selain itu, "Pertembungan Galaksi" adalah antara cerminan keagungan ilahi dalam alam semesta. Pertembungan Galaksi adalah peristiwa yang sering terjadi apabila perjalanan atau putaran dua galaksi terhenti, atau jika kedua galaksi itu saling mendekati antara satu sama lain. Meskipun galaksi-galaksi itu terdiri dari milion bintang namun jarak antara bintang itu luar biasa jauhnya. Dalam fasa kosong (empty phase) atau vakum (vacuum), bintang-bintang itu tetap bergerak dan melayang tanpa saling menyentuh atau saling berlanggar. Namun kerana pengaruh pertembungan itu, material terdiri daripada bintang-bintang, gas dan debu terkumpul di tempat-tempat tertentu. Keadaan ini mempercepatkan pembentukan bintang-bintang.

Atas sebab itu, pengamatan terhadap pengaruh ledakan saat pembentukan bintang dalam galaksi yang saling berlanggar telah dilakukan dan diyakini bahawa ledakan seumpama ini akan terjadi 300 billion tahun yang akan datang di antara galaksi Bima Sakti

dan galaksi Andromeda. Kedudukan kedua galaksi ini semakin dekat dengan kecepatan yang mencapai 500 km/ jam. Sedangkan jarak keduanya mencapai 2.2 trilion tahun cahaya. Dengan demikian, keduanya akan bertembung sekitar 3 billion tahun yang akan datang.

Ada sekitar 200 billion bintang dalam galaksi Bima Sakti. Matahari hanyalah salah satu daripada bintang-bintang tersebut. Luas wilayah galaksi Bima Sakti mencapai 100 ribu tahun kecepatan cahaya. Ia berputar dengan kecepatan kurang lebih 274 km/detik dan bergerak menuju bintang "Vega" dengan kecepatan 900 ribu kilometer. Sedangkan "Galaksi Heraclius" terdiri daripada 10 ribu galaksi kerdil, dan jauhnya dari dunia kita adalah sekitar 25 tahun cahaya.

Matahari

Matahari yang berada dalam galaksi Bima Sakti adalah seluas 12 billion kilometer. Umur matahari diandaikan telah mencapai 4.5 hingga 5 billion tahun. Jauhnya dari pusat galaksi adalah 30 ribu tahun cahaya. Setiap detik, matahari mengubah 564 juta ton hidrogen menjadi 560 juta ton helium. Kandungan gas yang mencapai 4 juta ton disebarkan dalam bentuk cahaya dan tenaga.

Jika kita hitung pengurangan isipadu matahari berdasarkan trilion ton, maka boleh dikatakan bahawa

matahari itu kehilangan 400 trilion ton kandungannya setiap detik. Jika matahari menghasilkan tenaga dengan kecepatan yang sama sejak 3 billion tahun yang lalu, maka jumlah kandungan yang hilang daripada isipadunya selama fasa tersebut akan mencapai 400 billion didarab satu trilion ton (4 00 000 000 000 000 000). Angka ini bererti bahawa isipadu matahari sekarang hanya mewakili 1 nisbah 5000 isipadunya yang asal.

Seterusnya, panas di permukaan matahari mencapai 6000 darjah celcius manakala panas pada pusat matahari mencapai 20 trilion darjah celcius. Panas matahari ini selalu bertambah dan luasnya semakin besar. Oleh kerana matahari terus-menerus mengalami pembesaran, maka beberapa waktu kemudian ia akan meledak. Ledakan ini memungkinkan dapat memusnahkan planet-planet yang berdekatan dengannya seperti Mercurius, Venus, Bumi dan Mars. Gugusan matahari pula mencapai 2 x 1027 ton. Sedangkan separuh keluasan matahari mencapai 700 000 kilometer. Ukuran matahari adalah 324 529 kali lipat ukuran bumi.[12] Allah s.w.t berfirman:

> *“Maha suci Allah yang menjadikan di langit gugusan-gugusan bintang (cluster) dan Dia*

12 Lihat: Yusuf al-Haj, *Mausu`at al-I`jaz al-Ilmi*, halaman 413- 417, Akrom Ahmad Idris, *al-Falak wa ath-Thibb Amama Uzhmah al-Qur’an*, halaman 112-190.

menjadikan juga padanya matahari dan bulan yang bercahaya." (Q.S.Al-Furqan, 61).

Langit Selalu Berkembang

Allah s.w.t sudah menunjukkan bahawa langit merupakan bangunan yang kuat dan kukuh yang terus-menerus berkembang. Dia berfirman:

Dan langit itu Kami bangun dengan kekuasaan (Kami) dan Sesungguhnya Kami benar-benar berkuasa. (Q.S. Adz-Dzariyat, 47)

Pada tahun 1929, para ilmuwan telah menemukan bahawa kabut (Nebula)[13] bergerak jauh daripada galaksinya. Hasil penemuan ini, mereka meninggalkan teori bahawa alam semesta ini mengembang secara tetap (constant).[14] Berdasarkan teori yang menjadi salah satu penemuan terpenting di abad ke-20 ini, maka dikatakan galaksi-galaksi itu bergerak saling berjauhan antara satu sama lain dengan kecepatan yang terus meningkat sesuai dengan jarak masing-masing.

---

13 Nebula (*as-sadim*) adalah unsur yang berada di langit yang berte-baran, terbentuk daripada gas yang keluar dari hydrogen dan gas alam. Peranan Nebula dalam pembentukan bintang terzahir apabila memasuki gugusan bintang-bintang. Barangkali kumpu-lan matahari terbentuk berdasarkan kabut yang disebut dengan kabut matahari.

14 Lihat: Zaghlul an-Najjar, *as-Sama'*, halaman 82-93.

Pada tahun 1950, para ilmuwan menggunakan hukum di atas dan mampu menghitung kecepatan gerakan galaksi yang saling berjauhan, hingga diketahui bahawa galaksi yang berjarak sekitar 10 trilion tahun kecepatan cahaya, bergerak berjauhan daripada kita dengan kecepatan 250 kilometer per saat. Sedangkan galaksi yang berjarak sekitar 10 billion tahun kecepatan cahaya bergerak berjauhan daripada kita dengan kecepatan 250 ribu kilometer per saat.

Alam semesta yang berkembang dan meluas secara tetap ini menunjukkan ketidakmampuan kita untuk mengetahui dan memahami kebesaran Allah s.w. dengan sempurna. Ali Haidar Bik, dalam kalimahnya yang sangat indah mengungkapkan kebingungan dan kekaguman terhadap kebesaran Allah s.w.t. yang tidak terhitung. Dia mengatakan:

Tuhan, Engkau Maha Agung lagi Maha Besar
Di sisi-Mu segala yang besar menjadi kecil
Semesta yang agung ini akan berakhir
seperti saat ia bermula.

Allah s.w.t berfirman:

"... (iaitu) pada hari Kami menggulung langit seperti menggulung lembaran-lembaran kertas. Sebagaimana Kami telah memulai penciptaan pertama, begitulah Kami akan mengembalikannya. Itulah suatu janji yang pasti

Kami tepati; sesungguhnya Kamilah yang akan melaksanakannya." (Q.S. Al-Anbiya', 104)

Pada hari kiamat nanti, keadaan alam semesta ini akan berubah. Sebagaimana firman Allah s.w.t seperti berikut:

"(iaitu) pada hari (ketika) bumi diganti dengan bumi yang lain dan (demikian pula) langit, dan mereka semuanya (di Padang Mahsyar) berkumpul menghadap ke hadrat Allah yang Maha Esa lagi Maha Perkasa." (Q.S. Ibrahim: 48)

Firman Allah s.w.t. di atas memberi isyarat bahawa Dia akan menciptakan alam baru dan akan dimulakan dengan kehidupan baru.

Tujuh Lapisan Langit

Allah s.w.t telah membicarakan tentang tujuh lapisan langit dalam beberapa ayat al-Qur'an al-Karim. Penjelasan yang kami sebutkan di atas hanyalah berhubung dengan langit pertama atau langit dunia. Sementara langit-langit yang lain tidak mungkin difahami atau diketahui oleh akal manusia. Allah s.w.t berfirman:

"Yang telah menciptakan tujuh langit berlapis-lapis. Kamu sekali-kali tidak melihat pada ciptaan Tuhan yang Maha Pemurah sesuatu yang tidak seimbang. Maka lihatlah berulang-ulang, adakah kamu lihat sesuatu yang tidak seimbang? Kemudian

pandanglah sekali lagi nescaya penglihatanmu akan kembali kepadamu tanpa menemukan sesuatu cacat dan penglihatanmu itupun dalam keadaan payah. Sesungguhnya Kami telah menghiasi langit yang dekat dengan bintang-bintang, dan Kami jadikan bintang-bintang itu alat-alat pelempar syaitan, dan Kami sediakan bagi mereka siksa neraka yang menyala-nyala." (Q.S. Al-Mulk, 3-5).

Dongakkan kepalamu dan pandanglah ke langit dengan penuh penghayatan. Fikirkanlah sejenak tentang segala perkara yang ada di langit yang tidak terhingga itu, yang berputar dengan keindahan yang luar biasa. Semuanya mengandungi banyak rahsia dan hikmah.

Bila bumi tidak berputar pada paksinya sendiri sudah tentu anda akan melihat sebahagian terkena cahaya dan sebahagian lagi gelap yang akan mengakibatkan kita tidak mampu membezakan waktu kerja dan waktu istirehat. Justeru, putaran bumi yang berterusan selama dua puluh empat jam mengandungi banyak hikmah. Andaikan masa putaran bumi berterusan lebih dari dua puluh empat jam, maka bumi akan menjadi seperti bintang Mercurius di mana suhu udaranya berbeza antara siang dan malam sebesar ribuan darjah. Waktu siang bintang Mercurius yang panjang menjadikannya lebih panas manakala waktu malamnya menjadi begitu sejuk sehingga membeku segala yang terdapat di sana.

Berdasarkan fakta-fakta di atas, renungkan bagaimana Allah membuat malam menyelimuti siang. Bagaimana Dia menjadikan malam untuk istirehat dan siang untuk mencari rezeki. Renungkan tentang fenomena kekuasan dan kasih sayang Allah dalam silih bergantinya siang dan malam tanpa cacat atau kesilapan.

Bayangkan pula seandainya bumi tidak berputar mengelilingi matahari, dan tingkat kemiringan paksi bumi tidak mencapai 23 darjah dan 27 detik, sudah tentu tidak akan ada empat musim, tidak akan ada musim kemarau, musim sejuk, musim bunga atau musim gugur, tiada wap air yang naik dari lautan dan setiap benua akan menjadi sebongkah salji.

Selain itu, andaikan jarak bumi dan bulan tidak seperti sekarang -iaitu mencapai 50 mil dan melebihi angka ini, tentu gerakan yang terjadi di bumi tiap hari ini akan berubah menjadi gempa, air akan menutup semua benua dua kali sehari bahkan gunung akan habis dan punah dalam waktu yang singkat.

Renungkan keagungan alam semesta dan banyaknya bintang-bintang. Bagaimana Sang Pencipta mencipta dan menyusunnya dengan menjadikan bintang-bintang dan unsur-unsur raksasa ini bergantung di langit tanpa tiang?

Tanyalah kepada dirimu apakah pernah suatu hari matahari atau bulan berhenti? Pernahkah keduanya

memerlukan penambaikan seperti yang terjadi dengan kehidupan dunia kita? Pernahkah suatu hari puluhan benda di langit keluar dari paksinya yang telah ditentukan Allah s.w.t atau berhenti dan saling bertembungan seperti yang terjadi dalam kemalangan lalu lintas dalam kehidupan kita?

Mengabaikan Tafakkur adalah Dosa Besar

Manusia memang aneh. Dia bingung dan hairan ketika melihat sebuah istana yang penuh dengan hiasan yang sangat indah sehingga tidak dapat melupakan istana itu dan selalu membicarakan keindahannya sepanjang hayatnya. Tapi sayang, dia tidak dapat melihat dan memahami alam semesta yang begitu agung sebagai tanda kebesaran Allah s.w.t yang begitu menakjubkan. Tidak pula dia berfikir tentang keindahan semesta mahupun membicarakannya secara terperinci. Justeru, manusia yang tidak memahami dan tidak merenungi benda-benda di alam ini diibaratkan batu besar yang tidak merasakan hujan pada musim bunga yang indah. Sedangkan istana yang dikagumi dan diagungkan oleh manusia itu hanyalah satu atom kecil daripada atom-atom dunia yang merupakan molekul terkecil dalam semesta raya yang begitu luas dan menakjubkan.

Perumpamaan manusia yang tidak merenungkan kekuasaan Allah s.w.t bagaikan semut yang membina rumah di dalam sebuah istana raja yang menjulang

tinggi, temboknya kukuh, penuh dengan hiasan terindah serta dayang-dayang. Suatu hari, semut tersebut keluar daripada biliknya dan bertemu dengan beberapa teman, tetapi ia tidak bercerita selain tentang bilik tempat tinggalnya. Semut tersebut tidak pernah berfikir tentang istana tempat ia tinggal serta tidak pula memikirkan kekuatan, keagungan dan pengaruh penguasa yang membangun istana tersebut. Selain tidak menyedari istana tersebut, semut itu juga tidak menyedari orang-orang yang tinggal di dalamnya.

Orang yang lalai juga tidak memiliki pengetahuan tentang indahnya makhluk ciptaan Allah yang luar biasa seperti para malaikat, mahupun hamba-hamba pilihan yang hidup dalam kerajaan-kerajanNya. Memang, semut tersebut tidak memiliki kemampuan untuk mengetahui dan menyedari kewujudan istana di mana ia tinggal mahupun keindahan yang meliputi dirinya. Akan tetapi, seharusnya manusia mampu menyelami pelbagai alam melalui tafakkur dan imaginasinya agar dia juga mampu mengetahui keindahan yang luar biasa pada makhluk ciptaan Allah.

Salah satu bukti kasih sayang dan kebaikan Allah terhadap manusia adalah kemampuan manusia untuk mengetahui kelemahan diri berbanding nikmat Allah yang tiada terhingga. Manusia diberi kemampuan untuk mengetahui cara bersujud sebagai ungkapan rasa syukur yang menjadi satu jalan bagi manusia menjadi manusia. Dengan kata lain, hanya orang-

orang yang mahu sujud untuk syukur sahaja yang mampu memahami maksud tanggungjawab, nilai kehormatan dan maruah kemanusiaan.

Oleh kerana manusia adalah makhluk yang mempunyai potensi untuk melakukan tafakkur sesuai dengan fitrah dan penciptaannya, dia tidak boleh mengabaikan tafakkur. Apabila dia membiarkan api tafakkur itu redup dan padam, bererti dia telah mengkhianati amanah Allah dan tidak menunaikan haknya, langsung telah memutuskannya dari salah satu sifat kemanusiaan yang terpenting.

Maulana Jalaluddin Rumi, kekasih Allah s.w.t, menggambarkan keadaan orang-orang lalai seperti orang yang menjalani kehidupan dengan hati yang kasar dan bakhil dalam dunia yang penuh dengan rahsia dan hikmah yang tiada terhitung. Mereka menyaksikan risalah ilahi yang ada pada makhluk dengan wajah terpinga-pinga dan bodoh. Dia berkata:

"Suatu hari, seekor lembu jantan masuk ke kota Baghdad yang merupakan pusat ilmu dan peradaban pada zamannya. Lembu itu menyeberangi kota dari hujung ke hujung, tapi sedikitpun dia tidak melihat keindahan dan kemegahan kota. Dia hanya melihat kulit tembikai yang dibuang di kanan dan kiri jalan kerana binatang ternak ini hanya biasa melihat jerami yang berserakan di jalan, rerumputan serta padang gembala di kiri kanan sepanjang jalan."

Disebutkan dalam sebuah riwayat, pada zaman Nabi Musa a.s. terdapat seorang lelaki yang beribadah kepada Allah s.w.t selama tiga puluh tahun. Allah menghantarkan kepadanya awan yang menjaga dan melindunginya daripada panas terik matahari. Suatu hari, awan ini tiada hingga dia berjalan di bawah terik matahari yang membakar. Ibu lelaki ini tertanya-tanya apakah yang menyebabkan perkara tersebut lalu dia bertanya: "Apakah kamu melakukan dosa?" Ia menjawab, "Tidak." Sang ibu bertanya lagi: "Apakah kamu melihat langit dan bunga-bunga, dan saat itu kamu memikirkan kebesaran dan kekuasaan Allah, atau kamu lupa?" Sang anak menjawab, "Benar ibu. Aku melihat indahnya ciptaan Allah di sekelilingku, tapi aku lupa untuk bertafakkur." Sang ibu kemudian berkata, "Wahai anakku, tiada dosa yang lebih besar daripada dosa ini. Bertaubatlah sekarang dan jauhilah dosa ini."

Orang mukmin yang berakal tidak boleh meninggalkan kewajiban untuk bertafakkur walaupun sejenak. Ketika manusia mengetahui begitu banyak keindahan ciptaan Allah s.w.t melalui jalan bertafakkur dan bertadabbur maka dia akan semakin kenal dengan Allah s.w.t., keagungan dan kebesaran-Nya. Bahkan ,dia semakin dekat kepada Allah s.w.t.

Ali r.a. berkata: "Sesiapa yang membaca al-Qur'an dan mengetahui sedikit tentang astronomi, maka dia

semakin beriman dan semakin dekat kepada Allah s.w.t." Lalu dia membaca firman Allah:

> *"Sesungguhnya pada pertukaran malam dan siang itu dan pada apa yang diciptakan Allah di langit dan di bumi, benar-benar terdapat tanda-tanda (kekuasaan-Nya) bagi orang- orang yang bertakwa"* (Q.S. Yunus, 6)

Setiap makhluk ciptaan Allah ada fungsi tertentu dalam sistem ilahi. Manusia hanya mampu mengetahui sedikit sahaja daripada pemberian Allah s.w.t. yang tidak terhingga banyaknya kepada sekalian makhluk yang tidak diketahui banyaknya pula. Di sini, jelaslah bahawa terdapat pelbagai hikmah yang masih belum difahami dan diketahui berbanding yang sudah difahami dan diketahui. Misalnya, manusia dapat mendengar disebabkan nikmat telinga yang diberikan Allah. Manusia juga mampu melihat dan membezakan bermacam-macam warna disebabkan Allah s.w.t menganugerahinya nikmat mata. Walaupun begitu banyak tanda-tanda ilahi yang ada pada makhluk

yang tidak terhingga jumlahnya namun kita tidak mampu mengetahui kesemua fenomena tersebut kerana tiada kemudahan yang memungkinkan kita untuk mengetahui dan memahaminya.[15]

Manusia yang akalnya terbatas tidak akan mampu memahami secara mendalam tentang semua makhluk dan cirinya. Justeru, bagaimana mungkin dia mengetahui dan memahami Allah s.w.t, Pencipta semua kewujudan dan alam semesta? Kerana itu, para ilmuan muslim yang baru sedikit mengetahui daripada keagungan Allah dan fenomena sifat-sifatNya sudah mengalami kebingungan dan kehairanan. Mereka pun mengungkapkan kelemahan mereka dengan

15 Dalam pandangan ilmuan muslim, alam adalah gabungan dari "*substance-form* (substansi dan bentuk (luaran)) dan subtansi." Substansi (atom@*jauhar*) adalah wujud material, sedangkan zat yang melekat pada benda lain (*a`radh*) adalah perkara-perkara yang dapat diketahui melalui wujud material tersebut. Sebagai contoh, warna dan bau adalah dua kewujudan. Keduanya dapat diketahui hanya melalui wujud material. Seperti telah kami sebutkan, andaikan tak ada mata tentulah warna tak dapat diketahui. Andaikan tak ada hidung, tentulah bau tak dapat dikenali. Sedangkan di akhirat, ketika telah dimulainya kehidupan lain dengan pelbagai sifat yang lain pula, maka kita mungkin dapat mengetahui semua wujud yang memiliki esensi-tekanan, yang di dunia tak dapat kita ketahui. Seperti halnya kita juga dapat mengetahui adanya zat yang melekat pada suatu benda lain (*a'radh*) yang tak dapat kita ketahui, kerana di dunia kita tidak memiliki kelengkapan yang mampu untuk menerima dan mengetahui zat-zat (*a'radh*) tersebut.

ungkapan, "Ketidakmampuanku untuk mengetahui adalah pengetahuan."

Dalam semua makhluk ciptaan Allah s.w.t ini tidak ada sedikitpun menunjukkan fenomena, cerminan atau secebis hakikat zat Allah s.w.t. Segala sesuatu yang diciptakan Allah telah menjadi tanda bagi sifat-sifat Allah. Allah s.w.t tidak pernah menciptakan sebuah tempat yang mampu memuatkan fenomena bagi zat-Nya. Ketika Nabi Musa a.s. meminta dan mendesak agar dapat melihat Allah, maka Allah menjawab permintaan tersebut dalam firman-Nya:

> "*Engkau tidak sekali-kali akan sanggup melihatKu, tetapi pandanglah ke gunung itu, maka kalau ia tetap berada di tempatnya, nescaya engkau akan dapat melihatKu", Setelah Tuhannya "Tajalli" (menzahirkan kebesaranNya) kepada gunung itu, (maka) "TajalliNya" menjadikan gunung itu hancur lebur dan Nabi Musa pun jatuh pengsan. Setelah dia sedar semula, dia berkata: "Maha Suci Engkau (wahai Tuhanku), aku bertaubat kepadaMu, dan akulah orang yang awal pertama beriman (pada zamanku).*" (Q.S. Al-A`raf, 143)

Oleh kerana pelbagai sebab di atas, maka manusia tidak mampu mengetahui hakikat sifat-sifat Allah secara sempurna. Diaa hanya dapat berusaha untuk mengetahui dan memahami hakikat zat Allah. Betapa indah kalimat al-marhum Necip Fazil, seorang penyair Turki yang mengucapkan:

Kesenangan, perhiasan dan kebahagiaan dalam atom
Dikelilingi cahaya dibungkus oleh cahaya
Tuhan, ciptaan-Mu bercampur dengan atom-atom
Tuhan, aku tahu bahwa Engkau adalah Yang
Diketahui dan Yang Tersembunyi

Atmosfera

Terdapat banyak rahsia dan hikmah dalam kekosongan udara yang mengelilingi bumi. Mendung yang berkumpul di udara, angin yang kadang kala bertiup kencang dan kadang kala lembut, petir yang kita dengar, kilat yang kita lihat, hujan yang turun, serta salji yang berjatuhan semuanya adalah fenomena luar biasa yang wujud dengan nyata.

Al-Qur'an al-Karim menyeru manusia untuk merenung pelbagai fenomena yang terdapat di antara langit dan bumi ini. Al-Qur'an juga menyeru manusia untuk melihat bukti-bukti yang menunjukkan kekuasaan Ilahi dalam fenomena tersebut. Allah s.w.t berfirman:

"Sesungguhnya dalam kejadian langit dan bumi dan pergantian malam dan siang serta kapal yang belayar di laut dengan apa yang mendatangkan faedah bagi umat manusia dan hujan yang diturunkan dari langit dan menjadikan hidup dengannya bumi selepas matinya, dan berkembang di dalamnya tiap-tiap jenis binatang yang melata

di bumi, serta pergantian angin dan awan yang ditundukkan antara langit dan bumi (dalam tadbir Ilahi) ada padanya tanda-tanda (kebesaran dan hikmah kebijaksanaan Tuhan) bagi mereka yang menggunakan akal." (Q.S. Al-Baqarah, 164)

Atmosfera yang memeluk bumi dengan penuh rasa cinta dan kasih sayang ini dianggap satu perkara yang menunjukkan dengan jelas rahmat Allah yang tidak terbatas kepada hamba-Nya. Atmosfera terdiri dari 77 % nitrogen, 21 % oksigen, dan 1 % gas lainnya seperti karbon dioksida, orgone, hidrogen, helium dan lain-lain.

Oksigen adalah unsur yang sangat mudah terbakar. Jika jumlah oksigen bertambah 1 % saja dari jumlah di atas, maka ada kemungkinan untuk hutan terbakar kerana disambar kilat yang mengakibatkan ia meningkat sekitar 70 %. Andai kata sekiranya jumlah oksigen lebih dari 25 %, maka ia boleh menyebabkan kebakaran di sebahagian hutan yang sekarang ini kita makan hasilnya lalu akhirnya mengubahnya menjadi tompokan debu-debu.

Pada sudut yang lain, atmosfera bekerja menjaga kesimbangan jumlah oksigen dan karbon dioksida di udara walaupun keduanya kita gunakan secara terus-menerus. Andai di dunia ini hanya ada manusia dan binatang, tentu mereka akan menghabiskan semua oksigen yang ada dan mengubahnya menjadi karbon dioksida. Hatta satu tempoh tertentu, keadaan ini akan

menyebabkan karbon dioksida naik secara signifikan, kesannya manusia dan binatang mengalami keracunan dan binasa. Tapi "kekuasaan yang telah mewujudkan alam" telah menciptakan tumbuhan yang memanfaatkan karbon dioksida dan mengubahnya menjadi oksigen. Ini semua terjadi untuk mewujudkan keseimbangan yang luar biasa di alam semesta, antara oksigen dan karbon dioksida yang semestinya berperanan untuk menjaga kehidupan yang berterusan.

Selain itu, atmosfera telah diciptakan dengan ketebalan yang sangat seimbang kerana jika atmosfera terlalu tebal maka ia akan menyerap seluruh oksigen sekaligus karbon dioksida, hingga tidak mungkin ada tumbuhan ataupun tanaman. Di samping itu, berlaku trilion proses interaksi vital (vital interaction) dalam tubuh kita pada setiap saat dan sangat memerlukan oksigen. Paru-paru berfungsi menyerap udara lalu mengeluarkannya kembali secara terus-menerus. Kadar oksigen pada atmosfera yang sangat sesuai dengan proses pernafasan menunjukkan perancangan yang sangat matang yang tidak diciptakan dengan main-main. Allah s.w.t yang menciptakan tubuh kita dan mengetahui bahawa tubuh ini memerlukan oksigen telah memberikan dan mencurahkan oksigen dengan melimpah-ruah dan dengan kadar ideal Allah meletakkan oksigen itu dalam udara agar mudah didapati untuk membolehkan manusia bernafas dengan sebaik-baiknya. Sesungguhnya, dalam setiap

nafas yang kita sedut dan keluarkan terdapat nikmat Allah yang sangat besar dan berharga.

Ketika menaiki kapal terbang yang dibina dengan teknologi paling canggih, kita mendengar peringatan, "Pada saat tekanan udara menurun pada ketinggian tertentu, maka pakailah topeng oksigen yang akan muncul secara automatik di depan anda." Jika demikian halnya, maka pernahkah seseorang bertanya dengan takjub dan takut, apakah esok hari oksigen akan bertambah dan kadarnya mencapai 25 %, lebih daripada 21 %? Atau adakah ia akan berkurang dari 21 %? Dalam keadaan demikian, haruskah saya membawa persiapan tabung oksigen untuk bernafas? Jawapannya pasti tidak kerana setiap individu, yang beriman mahupun yang kafir hidup di dunia dan menjalani hidup dengan keyakinan bahawa alam semesta ini diatur oleh sistem Ilahi yang pasti dan tidak meragukan. Jika persoalannya adalah sebaliknya dan manusia menyedari pelbagai bahaya dan kerosakan hidup yang akan dihadapi, maka dia akan menjalani kehidupan ini dengan penuh kesulitan.

Dari sudut pandang yang lain, udara itu laksana cermin yang memantul sinaran di sekeliling kita. Sinar itu tidak memberikan cahaya jika tidak bertembung dengan material. Cahaya yang bertembung dengan benda kecil akan bertebaran seperti bunga api dan menyebar ke pelbagai arah dalam keadaan panas dan terang.

Lapisan ruang kosong di luar atmosfera tetap gelap walaupun ada cahaya yang datang dari matahari. Hal itu terjadi kerana ketiadaan elemen mahupun atom. Sebagai contoh, bulan tidak akan bercahaya kerana tiada atmosfera yang dapat memancarkan sinar atau cahaya yang berpunca dari matahari. Disebabkan itu, walaupun bulan boleh menerangi bumi dan sentiasa berada di bawah sinar cahaya yang berterusan dari matahari namun ia sendiri tetap gelap.

Pelbagai fenomena luar biasa di atas merupakan bukti yang sangat jelas bahawa Allah s.w.t telah menciptakan dunia secara tepat dan sesuai dengan syarat-syarat khusus yang membolehkan manusia untuk hidup. Pada saat yang sama, pelbagai keseimbangan tersebut membuatkan kehidupan menjadi anugerah besar dari Allah untuk hamba-Nya dan menjadi salah satu bukti tentang wujud dan kekuasaan-Nya yang tidak terbatas.

Faktanya, pergerakan setiap yang wujud di alam semesta ini pasti berada dalam aturan sistem Ilahi. Setiap sesuatu itu telah direncanakan, dihitung dan diatur menurut ukurannya. Semua itu mengharuskan kita untuk menerima kebenaran adanya Pemilik kekuasaan, aturan dan rencana yang telah menciptakan semua benda dan perkara. Dengan demikian, ketika orang-orang *atheis* mengatakan bahawa kehidupan dan alam semesta itu lahir dengan sendirinya dan keduanya muncul hanya secara kebetulan belaka maka

dakwaan itu tergolong dalam celoteh (*safsathah*) yang menggelikan hati.

Isma`il Fani Ortughral (1855-1946) menjelaskan fakta ini dengan mengatakan: “Ketika kamu menyaksikan kesesuaian dan ketepatan aturan di suatu tempat, maka secara rasional boleh dipastikan ada individu yang mengurus dan yang mengatur tempat tersebut. Katakan anda memiliki sebidang kebun yang ditanami dengan pelbagai tanaman dengan susunan tertentu, lalu pada suatu hari anda pergi ke kebun itu dan menjumpai ada satu tanaman yang mengarah ke depan dan satu lagi mengarah ke belakang. Ketika kamu bertanya punca perubahan itu, maka si tukang kebun menjawab, “Angin kencang menerpanya hingga menyebabkan perubahan ini.” Anda pun menerima jawaban tersebut. Akan tetapi, suatu hari anda kembali ke kebun tersebut dan mendapati tanaman keempat tetap pada tempatnya, yang kelima tercabut; atau tanaman keempat tetap di tempatnya sedangkan yang kelima berubah dan ketika anda bertanya kepada tukang kebun tentang perubahan itu dan ia memberikan jawapan yang sama, adakah anda percaya? Tentu kita tidak akan percaya kepadanya dan kita akan bersangka buruk kepada orang yang membetikan jawapan yang pelik itu. Jika kita dapat mengaitkan peristiwa pertama sebagai suatu kebetulan, maka kita tidak dapat menerimanya pada

peristiwa kedua kerana peristiwa kedua ini tergolong perbuatan yang bersistem, terancang dan dipelajari."[16]

Ertinya, setiap manusia yang dapat berfikir dan berakal tidak akan dapat mengingkari bahawa alam semesta ini seumpama berjalan sesuai dengan perancangan yang tersusun dan dalam keseimbangan yang sangat tepat. Maka, pada halaman-halaman berikut kita akan menghuraikan tentang beberapa keseimbangan tersebut.

Tekanan Udara

Pelbagai gas yang membentuk asmosfera mengeluarkan tekanan dengan kekuatan sekitar 1 kg per 1 cm2. Ertinya setiap tubuh manusia menahan tekanan kurang lebih 15 ton namun Allah telah menyeimbangkan hal ini dengan sangat sempurna kerana sebanyak manapun tekanan udara di luar tubuh, tubuh kita akan mengeluarkan tekanan yang sama sebanding dengan tekanan tersebut. Perbezaan kedua-dua tekanan ini terzahir ketika mana tekanan udara menurun yang menyebabkan ketidakselesaan dialami oleh orang yang mendaki dan menyebabkannya mabuk udara. Atas sebab itu, para angkasawan mengenakan pakaian khusus untuk menjaga tekanan udara ketika berada di angkasa.

16

Keseimbangan Panas dan Dingin

Atom-atom hidrogen dan karbon dioksida (CO2) yang bertebaran di udara melahirkan keseimbangan luar biasa dengan energi panas yang tinggi. Atom-atom itu menyerap sebahagian besar cahaya yang berasal daripada matahari pada waktu siang untuk menghalang kenaikan suhu udara yang ekstrem. Ketika hari berganti malam, matahari terbenam dan cahayanya menghilang, hawa panas yang diserap oleh atom wap itu memberi kehangatan seperti cairan (plasma) tumbuhan dan hawa panas itu tidak pernah hilang dari angkasa yang dingin. Sebagai contoh, bulan yang tidak memiliki atap pelindung semacam ini, pasti akan membara kerana panasnya siang hari dan menjadi beku kerana dinginnya pada malam hari.

Angin

Atmosfera terdiri daripada pelbagai lapisan dengan pelbagai tahap suhu udara, tekanan, kadar kelembapan dan fenomena yang terjadi di dalamnya. Lapisan pertama adalah *troposfera* yang menyebabkan hujan, salji dan angin. Jarak lapisan ini adalah sekitar 16 km dari bumi dan suhu udara sangat rendah iaitu -56 darjah Celcius. Lapisan udara inilah membentuk sistem kitaran yang sempurna.

Kehadiran angin turut berlaku kerana daya penumpuan (*concentration*) suhu panas yang memberikan

kekuatan dan energi kesan daripada kecondongan pusat bumi di mana sinar matahari tidak hanya terarah kepada garis khatulistiwa sahaja. Bahkan, suhu panas turut tersebar di kawasan khatulistiwa. Di kawasan ini berlakunya penyimpanan suhu panas secara luas akibat daripada udara yang panas dan permukaan bumi yang sangat keras. Kemudian, ribuan tan wap air dari lautan memberikan tekanan pada udara yang lembut. Angin mengumpulkan air dan membawanya kepada tanah yang memerlukan. Sebagai kesan daripada peredaran yang terjadi secara terus-menerus ini, maka setiap kawasan dalam lingkaran bulat ini memperolehi air. Semua ini kerana takdir dan kasih sayang Allah SWT yang tiada henti sehingga tiada daerah yang sentiasa kering dan tiada pula yang disirami hujan secara berterusan.

Perpindahan suhu panas berlaku disebabkan putaran atmosfera yang sempurna dan sangat menakjubkan. Ketika udara sejuk di paksi *pivot/axis* utara lebih banyak turun ke paksi *pivot/axis* yang rendah, maka udara panas naik ke paksi rendah di selatan. Ini terjadi kerana pengaruh ke atas pergerakan sistem suhu yang naik dan turun di utara dan selatan selain bantuan daripada gelombang angin yang kuat dan tinggi.

Selain itu, pancaran panas dari matahari ke permukaan bumi dengan tingkatan suhu yang berbeza-beza menyebabkan berlaku perubahan (*diverse*) pemanasan udara yang ada di atmosfera. Udara panas itu naik ke tempat yang lebih tinggi kemudian diganti

dengan udara dingin. Fenomena kewujudan tekanan udara rendah di tempat yang berisi udara panas di atas permukaan bumi dan tekanan udara tinggi di tempat yang berisi udara sejuk akan membentuk sumber-sumber udara yang bergerak yang disebut dengan "pusat udara". Akhirnya, atom daripada bahan yang kecil dan halus mulai bergerak dalam bentuk angin. Melalui angin inilah, terjadinya transformasi kelembapan dan panas, kepadatan dan energi yang berada dalam atmosfera juga menerbangkan dan memindahkan debunga untuk membantu pertumbuhan pelbagai tanaman ke tempat-tempat yang memerlukan.

Tentang hal ini, Allah SWT berfirman:

> *"Dan telah Kami kirimkan angin (untuk) mengahwinkan, lalu Kami turunkan dari langit air (hujan), lalu Kami beri minum kalian dengannya (air itu), dan tidaklah kalian orang-orang yang menyimpan (air itu), dan sekali-kali bukanlah kamu yang menyimpannya."* (Q.S. Al-Hijr, 22)

Justeru, sebagaimana makhluk lain yang ada di alam semesta ini, angin juga tunduk dan patuh sepenuhnya kepada pengaturan, kekuasaan dan keagungan Allah s.w.t. Angin patuh ketika mana Allah mengkehendakinya untuk menjadi perantara bagi rahmat-Nya. Begitu juga ketika Dia mengkehendakinya berubah keadaan sama ada merosakkan dan menghancurkan. Kehancuran kaum Ad yang disebabkan oleh angin adalah contoh paling

baik yang menunjukkan fakta tersebut. Allah SWT berfirman:

"Sesungguhnya Kami telah menghembuskan kepada mereka angin yang sangat kencang pada hari nahas yang terus menerus, yang menggelimpangkan manusia bagaikan pokok kurma yang tumbang." (Q.S. al-Qamar, 19-20)

Manfaat Angin

Selain mampu menahan ribuan tan air yang lembut, angin juga mampu untuk memikul ratusan pesawat udara serta menyebarkan cahaya dan suhu panas. Ia juga menyampaikan suara ke telinga kita melalui ratusan gelombang longitud (*longitudinal*) suara. Telefon bimbit merupakan satu contoh yang paling menarik. Dari sudut yang lain, udara dapat menyebarkan pelbagai bau ke hidung kita. Tanpa atmosfera, sudah tentu kita tidak akan dapat mendengar suara teman-teman yang duduk di samping kita, cahaya tidak akan menerangi dan siang tidak akan bersinar menerangi bumi. Di samping itu, udara juga berfungsi kepada kehidupan kerana kita menggunakan udara untuk bernafas dalam paru-paru dan urat-urat (*veining*) kita. Dengan demikian, angin mengingatkan orang beriman agar berfikir terhadap keagungan dan kekuasaan Allah SWT serta keluasan rahmat-Nya yang tiada terhingga.

Filter Ilahi

Lapisan udara di atas *troposfera* (*troposphere*) adalah lapisan *stratosfera* (*stratosphere*) dengan ketinggian 50 km dari permukaan bumi. Di sini terletaknya lapisan ozon di mana suhu panas naik ke lapisan ini yang mencegah sampainya sinar berbahaya dan tenaga panas yang tinggi ke bumi. Ozon adalah partikel ataupun zarah yang mengandungi tiga bentuk molekul oksigen (O3). Ozon berperanan untuk menapis sinar matahari yang berbahaya. Penyinaran sinar ultra violet (UV) yang berasal daripada matahari akan menghalang pertumbuhan tanaman, menyebabkan kanser kulit pada manusia, membahayakan mata dan memburukkan penyakit gastrik. Lapisan s*tratosfera* (*stratosphere*) menghalang dan memantulkan sinar ultra violet yang berasal daripada matahari serta menukarkan oksigen ke dalam ozon dengan keseimbangan fizik yang luar biasa.

Pada dasarnya, ozon merupakan gas yang beracun dan sangat berbahaya. Menghirup 0.005 gram ozon sudah cukup untuk membunuh manusia. Namun, kasih sayang dan kebijaksanaan Allah s.w.t. telah menjadikan lapisan beracun yang sangat berbahaya ini sebagai lapisan yang mampu mencegah bahaya yang sangat besar dari mengancam manusia. Maka, gas ozon ini dijadikan sebagai *filter* Ilahi untuk menjaga keseimbangan udara.

Bumbung (*Canopy*) Pelindung

Lapisan udara *mesosfera* (*mesosphere*) terletak pada ketinggian 80km, dianggap sebagai lapisan tengah pada atmosfera yang berfungsi untuk menghalang aliran meteor. Meteor yang menyeberangi rintangan planet Musytari, Zuhal dan Bulan tertarik ke bumi kerana graviti bumi lalu dengan cara menakjubkan masuk ke dalam atmosfera. Dalam peristiwa yang disebut dengan "tahi bintang" ini, meteor terbakar ketika bergeser (*friction*) dengan lapisan udara *mesosfera* (*mesosphere*) dan berubah menjadi debu.

Sekiranya bumi tidak mempunyai yang melindungi atau hanya mempunyai lapisan yang lebih nipis, sudah tentulah bertrillion meteor akan jatuh ke permukaan bumi lalu membakar dan melubanginya seperti yang terjadi pada bulan. Oleh yang demikian, perubahan bola-bola yang jatuh dari langit menjadi debu dan tanah sebelum sampai ke bumi dan jatuh menimpa kepala kita adalah satu dari bukti kasih sayang Allah SWT yang tiada penghujungnya.

Seterusnya peristiwa alam yang lain adalah partikel atom-atom debu iaitu titik-titik daripada titisan air hujan. Bagi membentuk dan mewujudkan awan di langit, atom-atom itu harus berukuran sangat kecil dan halus sama ada bersumber daripada bumi mahupun angkasa dan harus sampai ke atmosfera teratas. Atom-atom kecil itu menebal dan berkumpul (*accumulation*) dengan angin basah yang membawanya

ke atas dan membentuk titik-titik awan. Titik-titik awan ini akan berubah menjadi titis hujan yang sangat kecil, mengikut hukum fizik dan perhitungan yang tepat. Kemudian titisan kecil dan halus itu turun ke bumi.

Sebelum gambaran tentang atmosfera ini diketahui manusia, Allah s.w.t. yang menciptakan langit dan bumi telah berfirman dalam kitab-Nya:

> *"Dan Kami menjadikan langit itu sebagai atap yang terpelihara, sedang mereka berpaling dari segala tanda-tanda (kekuasaan Allah) yang terdapat padanya."* (Q.S. al-Anbiya', 32)

Gelombang Radio dan Cahaya

Lapisan udara yang ketinggiannya dari bumi antara 500-1000 km disebut dengan *ionosfera* (*ionosphere*) yang mengandungi atom-atom dan partikel-partikel yang mempunyai radiasi elektromagnetik sama ada dengan memberi ataupun mengambil elektron. Disebabkan penyerapan sinar matahari yang mengandungi energi panas yang tinggi, maka suhu panas pada lapisan ini dapat mencapai 2,000 darjah Celcius.

Lapisan *ionosfera* itu seperti cermin yang diperbuat daripada ion-ion atmosfera yang memantulkan gelombang-gelombang elektromagnetik yang menjalar naik dari bumi ke angkasa sambil mengeluarkan gelombang radio yang kembali ke bumi dan mencapai

ke semua sudut bumi. Oleh kerana itu, gelombang yang bertebaran ini dapat diteliti dan diikuti dengan mudah di semua tempat.

Allah s.w.t. telah menjadikan bumi yang terapung di angkasa gelap dan dingin sebagai tempat tinggal dan rumah yang penuh dengan kehidupan dengan kepanasan yang sesuai. Semuanya berjalan sesuai dengan ukuran dan hikmah-Nya. Bahkan hembusan udara yang paling kecil di atas permukaan bumi yang membentuk udara seimbang juga bukan terjadi tanpa hikmah. Begitu juga daun terkecil pada suatu pohon juga tidak jatuh dengan sendirinya. Segala sesuatu – sama ada makhluk yang paling kecil hinggalah yang paling besar merupakan ungkapan dari sebuah hamparan indah yang menunjukkan keagungan dan keindahan ciptaan Allah s.w.t. Dia berfirman:

> *"Tidakkah kamu perhatikan bahawa Allah telah menundukkan untuk (kepentingan)mu apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi dan menyempurnakan untukmu nikmat-Nya lahir dan batin. Dan di antara manusia ada yang membantah tentang (keesaan) Allah tanpa ilmu pengetahuan atau petunjuk dan tanpa kitab yang menerangi."* (Q.S. Luqman, 20)

Betapa bahagianya orang yang meneliti alam semesta yang penuh hikmah sekaligus penuh dengan kenyataan dan kebenaran. Seterusnya, memahami

rahsia dan nasihat yang ada di dalamnya serta memahami kejadian cakerawala.

Mendung, Hujan dan Salji

Cuba renungkan tentang awan yang melayang di udara yang diibaratkan lautan yang agung dan besar. Salah satu fungsinya adalah mencegah kepanasan yang melampau atau ekstrem terhadap bumi. Setiap kali suhu bertambah panas, air mengewap dan membentuk awan dengan lebih banyak. Mendung-mendung seumpama cermin yang memantulkan sinar matahari hingga suhu bumi tetap berada dalam keseimbangan.

Ketika hendak menurunkan hujan, Allah s.w.t. Yang Maha Pengasih meniupkan angin untuk membawa khabar gembira. Angin itu membawa mendung seperti gelombang laut dan atas perintah Allah ia bergerak ke negeri-negeri dan tempat-tempat yang dikehendaki-Nya. Allah jugalah yang menyebarkan awan di langit, mengumpul bahkan mengeluarkan hujan daripada mendung tersebut hingga tumbuh bercambah tumbuh-tumbuhan di bumi. Hal ini mengingatkan kita bahawa dengan cara yang sama, Allah s.w.t. akan menghidupkan kembali orang-orang mati. Dia perintahkan manusia agar memahami tabir Ilahi yang agung tersebut.[17]

17 Lihat: Q.S. al-A`raf, 57 dan Fathir, 9.

Allah s.w.t. menurunkan rahmat hujan kepada hamba-Nya. Orang yang hidup di padang pasir yang kering akan bergembira dengan nikmat ini. Setelah putus asa, merekapun kembali optimis. Allah SWT berfirman:

> *"Dan Dialah yang menurunkan hujan sesudah mereka berputus asa dan menyebarkan rahmat-Nya. Dan Dialah yang Maha Pelindung lagi Maha Terpuji."* (Q.S. asy-Syura, 28)

Allah s.w.t. mendidik para hamba yang banyak berdosa ini dengan diberikan kemarau dan juga diberikan hujan. Dia menyeksa mereka dan Dia juga menjaga mereka sesuai dengan kehendak-Nya. Allah al-Haq s.w.t. berfirman:

> *"Tidaklah kamu melihat bahawa Allah mengarak awan, kemudian mengumpulkan di antara (bahagian-bahagian)nya, kemudian menjadikannya bertindih-tindih, maka kelihatanlah olehmu hujan keluar dari celah-celahnya dan Allah (juga) menurunkan (butiran-butiran) ais dari langit, (iaitu) dari (gumpalan-gumpalan awan seperti) gunung-gunung, maka ditimpakan-Nya (butiran-butiran) ais itu kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan dipalingkan-Nya dari siapa yang dikehendaki-Nya. Kilauan kilat awan itu hampir-hampir menghilangkan penglihatan."* (Q.S. an-Nur, 43)

Ertinya, ketika Allah SWT menghendaki maka Dia bentuk hubungan langit dan bumi ini seumpama perbuatan manusia dan hati mereka. Dia mengirimkan hujan dalam bentuk titisan hingga tidak akan pernah ada setitis pun bertemu atau bersatu dengan yang lain. Setiap titisan hujan bergerak sesuai dengan perancangan (*planning*) yang tidak pernah menyimpang. Tiada satu titis pun yang lambat atau mendahului perancangan yang ditentukan itu. Andai manusia dan jin bersatu untuk menghitung titisan hujan yang jatuh di suatu kampung atau berusaha menghitung berapa jumlah titisan yang membentuk air, pasti mereka tidak akan mampu melakukannya kerana hanya Allah yang telah menciptakan yang mengetahui jumlahnya.

Di samping itu terdapat beberapa fenomena Ilahi yang tidak dapat dihitung dalam gelas yang penuh dengan air kosong tersebut dan dalam ais yang jatuh seperti bulu kapas yang putih.

Siapakah yang membuat dahan atau ranting terkecil di atas pokok dapat memanfaatkan air hujan dan ais (salju) yang turun dari langit? Air yang tersebar di setiap daun dan tidak dapat dilihat menjadi makanan bagi setiap atom dalam pohon tersebut melalui arteri-arteri (*artery*) pada daun tersebut. Sungguh menakjubkan bahawa air yang biasanya mengalir dari atas ke bawah dapat naik ke atas.

Andai setiap titisan hujan itu turun mengikut hukum graviti bumi, maka sudah tentulah setiap titisan itu akan mengenai bumi dengan cepat secepat peluru yang meluncur daripada senjata api. Namun, diciptakan hujan untuk membawa kehidupan bagi makhluk hidup di mana setiap titisan hujan turun ke bumi dengan kecepatan yang sama tetapi tidak akan menyakiti seseorang, menghancurkan rumah ataupun merosakkan tanaman. Hal demikian kerana titisan-titisan itu terbentuk berdasarkan *standard* tertentu dan berubah menjadi titisan hujan yang sangat kecil. Selanjutnya daya angkat udara itu menyamai pengaruh kekuatan graviti bumi dan membuatkan hujan turun ke bumi dengan kecepatan yang tetap.

Tidakkah fakta-fakta ini saja sudah cukup bagi orang yang mahu melihat dan menyedari sejauh mana keagungan sistem Ilahi ini. Mengetahui keseimbangan yang begitu teliti di alam semesta yang menjadi tempat kehidupan akan menjadikan kita tahu bahawa ilmu Allah, kekuasaan dan hikmah-Nya itu tiada terhingga.

Tafakur tentang Bumi

Hamba-hamba yang bertakwa memiliki tafakur yang mendalam sehingga mereka (iaitu orang mukmin) memahami bahasa bunga yang tumbuh mekar, burung yang terbang dan pepohonan yang berbuah. Segala keindahan, ketelitian dan kelembutan yang ada dalam kejadian ini terpantul dalam kehidupan batiniah

(spiritual) mereka. Atas sebab itu mereka memiliki ruh yang lembut seperti bunga dan kedermawanan seperti pohon yang berbuah. Merekalah orang-orang yang bahagia, orang-orang yang telah mendapat pujian Allah s.w.t. dalam kitab-Nya.

Allah s.w.t. telah menciptakan bumi dengan bentuk yang paling indah untuk manusia hidup di sana. Allah s.w.t. juga telah menciptakan bumi bergerak di atas paksinya dengan kadar yang sesuai agar manusia dapat membuka jalan dan berjalan di atasnya. Dalam hal ini, Allah s.w.t. berfirman:

> *"Dialah yang menjadikan bumi sebagai hamparan bagimu dan langit sebagai atap, dan Dia menurunkan air (hujan) dari langit, lalu Dia menghasilkan dengan hujan itu segala buah-buahan sebagai rezeki untukmu; kerana itu janganlah kamu mengadakan sekutu-sekutu bagi Allah, padahal kamu mengetahui."* (Q.S. al-Baqarah, 22)

Dia juga berfirman:

> *"Bukankah Kami telah menjadikan bumi itu sebagai hamparan?, Dan gunung-gunung sebagai pasak?"* (Q.S. an-Naba', 6-7)

Lalu firman-Nya:

> *"Dialah yang menjadikan bumi itu mudah bagi kamu, maka berjalanlah di segala penjurunya dan makanlah sebahagian dari rezeki-Nya. Dan*

hanya kepada-Nya-lah kamu (kembali setelah) dibangkitkan." (Q.S. al-Mulk, 15)

Di dalam al-Qur'an, Allah s.w.t. banyak berbicara tentang bumi agar fikiran dan pandangan manusia dapat melihat hikmah yang terkandung di dalamnya. Kulit luar bumi adalah tempat orang-orang hidup sedangkan perutnya adalah tempat bagi orang yang mati.

Dalam hal ini Allah berfirman:

"Bukankah Kami menjadikan bumi (tempat) berkumpul orang-orang hidup dan orang-orang mati?" (Q.S. al-Mursalat, 25-26)

Lihatlah bagaimana bumi yang mati kemudian menjadi hidup ketika hujan turun padanya. Ia menjadi subur dan menumbuhkan segala macam tanaman yang indah. Dari perut bumi, tumbuhlah segala tanaman yang bermacam-macam rasa dan warna. Lihatlah bagaimana Allah mengukuhkan bumi dengan gunung-gunung yang kukuh dan megah dengan air tersimpan di bawah gunung tersebut? Bagaimana mata air dan sungai memancar di atas permukaan bumi? Bagaimana air yang tawar dan cair dapat keluar dari batu yang keras dan tanah yang kotor? Bagaimana mungkin tumbuh pelbagai pohon dan tanaman seperti gandum, anggur, zaitun, kurma dan delima? Bagaimana buah yang beraneka ragam itu berbeza-beza pula warna, rasa, aroma, bentuk dan keadaannya? Bagaimana Allah s.w.t. melebihkan rasa yang satu dibanding yang

lain padahal semuanya disiram dengan air yang sama dan tumbuh di atas tanah yang sama.

Tumbuh-Tumbuhan

Ketika sebiji benih jatuh ke tanah yang lembab maka iapun tumbuh dan berkembang. Seiring dengan perkembangan ini, benih itu terbelah. Bahagian atasnya mengeluarkan pohon yang menjulang di atas bumi manakala bahagian bawah benih pula mengeluarkan akar yang berkembang dan menusuk ke dalam bumi. Keadaan ini amat mengagumkan kerana tabiat benih dan pengaruh luaran atau eksternal (*external*) itu sendiri. Dari benih itu keluar bahagian yang meninggi ke udara dan menjulang ke langit dan sebahagian lagi masuk dan menusuk ke dalam bumi. Dua fenomena yang berlawanan ini dan berasal dari satu benda yang memiliki tabiat yang sama adalah sesuatu yang menakjubkan dan menghairankan. Namun hakikatnya, semua ini terjadi atas kehendak Sang Khaliq Yang Maha Agung yang memiliki hikmah dalam segala hal.

Seterusnya dari benih itu tumbuhlah pohon yang subur dan lebat. Bunga-bunga tumbuh mekar dan tersenyum di atas dahan-dahan lalu berubah menjadi buah yang ranum yang beraneka jenis dan mengandungi zat-zat yang berguna bagi tubuh manusia. Setiap buah mengandungi pelbagai khasiat. Contohnya, benih anggur yang keras dan kering tetapi

buahnya basah dan segar. Dengan munculnya pelbagai makanan yang memiliki pelbagai keistimewaan dari benih yang sama dan mendapat pengaruh yang sama sudah pasti ia merupakan rencana dari Pemilik Kekuasaan dan Sang Maha Bijaksana.

Di samping itu, daripada tumbuh-tumbuhan tersebut Allah s.w.t. menciptakan bahan perubatan untuk menyembuhkan penyakit- penyakit manusia. Ada tumbuhan yang menjadi ubat, makanan, penyuntik tenaga bagi tubuh tetapi ada juga yang boleh mengancam nyawa manusia. Ketika bermetamorfosis (*metamorphosis*), terdapat sebahagian tanaman berubah bentuk dan perana yang berbeza daripada asalnya. Ada tumbuhan yang memberikan kebahagiaan dan membaikkan kehidupan bagi manusia, ada pula yang menenangkan dan mengkhayalkan manusia.

Selain daripada itu, tumbuh-tumbuhan tersebut memerlukan karbon dioksida dan air dan melepaskan oksigen yang diperlukan bagi pernafasan semua makhluk. Betapa agung peristiwa ini bagi orang yang mahu mengambil pengajaran.

Hasilnya, tidak ada daun yang tumbuh dan tidak ada kayu yang tersisa yang tidak mengandungi manfaat besar bagi manusia. Tapi hanya segelintir manusia yang mahu mengambil inisiatif untuk memahami hakikat manfaat tersebut.

Dedaunan tanaman yang tumbuh daripada bumi dalam pelbagai bentuk, warna, aroma dan rasa yang berbeza walaupun kecil dan tidak bermanfaat mampu mengalirkan proses-proses fizik yang tidak dapat dilakukan oleh mana-mana ahli kimia. Alangkah mengagumkan semua peristiwa tersebut.

Sistem dan keseimbangan dalam pertumbuhan tanaman juga adalah gambaran pelbagai fenomena keagungan Ilahi. Contohnya, pokok tulip yang menghasilkan trilion benih setiap tahun mempunyai benih berbentuk seperti payung yang dibuat daripada bulu halus, untuk dibahagikan dan disebarkan ke seluruh penjuru. Angin membawa benih-benih tersebut ke pelbagai tempat yang jauh. Jika setiap benih yang berasal dari pohon induk itu dapat menumbuhkan satu pohon tulip yang baru, maka sudah pasti seluruh muka bumi akan penuh dengan pohon tulip yang dapat menyesakkan penduduk bumi. Contoh ini dapat juga berlaku untuk biologi makhluk (*biological creatures*) yang lain.

Beberapa tahun yang lalu, orang-orang Australia telah membuat pagar tanaman daripada pokok kaktus. Akibat tiada serangga yang memakan pohon kaktus menyebabkan tanaman tersebut tumbuh dengan pesatnya. Akhirnya, pertumbuhan yang luar biasa itu telah menggelisahkan penduduk Australia kerana tanaman kaktus yang begitu banyak telah memenuhi ruang dan kawasan negara tersebut. Keadaan ini

telah memaksa para penduduk kota dan kampung untuk meninggalkan tempat tinggal mereka, meroboh dan memusnahkan rumah-rumah mereka. Para ahli serangga Australia berfikir dan berusaha keras untuk mencari jalan bagi menghapuskan pohon kaktus tersebut sehingga mereka menemukan serangga yang hidup dan hanya makan dari pohon tersebut. Mereka segera membawa serangga yang dimaksudkan ke Australia. Serangga itupun berkembang biak (*breed*) dengan cepat dan tidak lama kemudian cara ini berhasil mengatasi pertumbuhan pokok kaktus itu. Justeru, pada hari ini pokok kaktus hanya ada di tempat dan kawasan yang sangat terbatas. Mereka terlepas daripada bencana dan serangga itu digunakan dalam populasi (*population*) yang diperlukan untuk mengawal pertumbuhan pokok kaktus tersebut.

Contoh di atas menunjukkan alam semesta ini berjalan menurut keserasian (*harmonious*) dan keseimbangan dalam lingkungan yang teratur dan terkawal. Akal tidak mampu mengetahui rahsianya dengan mudah. Oleh yang demikian, akal fikiran atau logika tidak dapat mengingkari wujudnya kuasa yang mampu mencegah tumbuhnya sebahagian tanaman dan pembiakan binatang secara ekstrem, hingga mengancam kehidupan di bumi.

Dari sudut yang lain, tumbuhnya jutaan jenis tumbuhan dan buah-buahan yang berbeza-beza di atas tanah yang sama juga merupakan sesuatu yang

mengagumkan. Ini disebabkan Tuhan yang Maha Pemberi rezeki telah menyiapkan aneka jenis punca makanan bagi setiap jenis dan spesies makhluk-Nya.

Sebagai contoh, manusia tidak makan apa yang dimakan oleh kambing dan kambing tidak makan apa yang dimakan oleh manusia. Ini bererti rezeki telah dibahagi dengan seimbang dan cermat sesama makhluk. Ayat di bawah ini mengajak kita untuk berfikir secara mendalam untuk menyingkap kekuasaan Allah s.w.t. yang memenuhi dan membahagi rezeki kepada makhluk-Nya. Allah berfirman:

> *"Dan berapa banyak binatang yang tidak (dapat) membawa (mengurus) rezekinya sendiri. Allah-lah yang memberi rezeki kepadanya dan kepadamu dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."* (Q.S. al-'Ankabut, 60)

Burung yang sihat meletakkan biji-bijian ke mulut burung yang sakit adalah satu fenomena yang begitu agung tentang kasih sayang Allah. Hidangan Ilahi yang tiada terhingga dan mencakupi semua makhluk sejak penciptaan dunia hingga kini pada setiap saat merupakan pengajaran yang sangat besar.

Seterusnya, jika kita terus mengkaji kita akan melihat bahawa tiga perempat daripada bumi ini dilitupi oleh air. Sebahagian besar daripada seperempat wilayah daratan adalah daerah tandus atau padang yang tidak dapat ditumbuhi tanaman,

hanya sebahagian kecil sahaja tanah yang boleh ditanami. Betapa besar kekuasaan Allah s.w.t. yang telah menjadikan di bumi ini sumber makanan yang cukup untuk mengenyangkan semua makhluk hidup.

Lautan Luas

Telah dijelaskan bahawa tiga perempat daripada bumi yang kering ini dilitupi oleh air. Namun, kedinginan kutub bumi yang beku tidak mempengaruhi seluruh dunia dan kepanasan daerah khatulistiwa tidak dapat membakar seluruh wilayah tersebut. Ini kerana bahagian daratan yang memanas dek sinar matahari di siang hari memantulkan suhu panas yang terkumpul padanya ke seluruh sudut bumi sama seperti radiator.[18] Sedangkan lautan walaupun menyerap berjuta-juta serpihan panas dari matahari namun ia hanya memanas dalam suhu yang sangat rendah dan tidak mudah pula dingin.

Lautan yang lebih banyak daripada daratan merupakan pengawal suhu panas dalam sistem cuaca dan berperanan mencegah suhu menjadi panas sehingga melebihi batas atau dingin yang bersangatan. Pada waktu yang sama, proses pengewapan menjamin keperluan air di daratan. Seandainya lautan di bumi lebih kecil daripada yang ada sekarang maka jumlah pengewapan akan berkurangan hingga air juga turut

18 Radiator adalah perangkat penyeimbangan panas dalam generator.

terjejas yang boleh menyebabkan perubahan bumi menjadi padang yang tandus dan kering.

Ciri-ciri kehidupan dan kekayaan di dalam laut setara dengan kekayaan yang ada di atas bumi. Dari dalam laut kita dapat menggali mutiara, permata dan batu-batu bernilai yang lain. Malah terdapat juga makanan-makanan segar yang sangat penting bagi keperluan manusia.

Air

Setiap makhluk yang hidup di atas bumi ini sangat bergantung kepada air. Jika seseorang memerlukan seteguk air minuman tapi tidak mendapatnya sedangkan dia memiliki semua kekayaan bumi, maka dia tidak akan ragu sedikitpun untuk menukar semua kekayaan tersebut dengan air. Begitu juga jika dia tidak dapat mengeluarkan air yang telah diminumnya, maka dia juga tidak akan ragu untuk mengeluarkan segala yang dimiliki demi mengeluarkan air tersebut. Betapa aneh manusia! Dirham, dinar dan batu-batu permata itu tampak bernilai tinggi di matanya, namun ia tidak mengetahui keagungan nikmat Allah SWT yang ada dalam seteguk air.

Hakikatnya, setiap orang mampu melakukan tafakur tentang pelbagai fakta yang relevan (*relevant*) dengan dirinya tanpa perlu dibantu ilmu yang luas dan kecerdasan yang tinggi untuk mengetahui

pelbagai keperluan makhluk di muka bumi ini untuk hidup dan memperoleh kehidupannya. Dia juga pasti memahami bahawa dirinya hidup dalam alam mukjizat dan pelbagai keluarbiasaan Ilahi, di tengah pelbagai suasana yang membantunya untuk hidup serta dalam situasi yang pasti tidak mungkin ada dengan sendirinya. Setiap akal fikiran yang sihat dan mampu memahami, mengetahui dan mengakui hal itu pasti tidak akan terjerumus ke dalam perbuatan menderhakai Allah s.w.t., Sang Pencipta dan Pengatur alam semesta.

Hikmah dan Rahsia Binatang

Kita harus memerhatikan dengan baik burung-burung yang berterbangan di langit; binatang-binatang darat yang liar mahupun jinak; serangga-serangga kecil yang sukar dilihat. Semuanya mengandungi rahsia keajaiban yang pasti membuatkan kita kagum dan takjub terhadap kebesaran, kekuasaan dan keagungan Allah s.w.t. yang telah menciptakan semuanya.

Bagaimana Allah s.w.t menyusun anggota tubuh yang menakjubkan dalam binatang-binatang kecil yang sukar dilihat dengan mata itu? Bagaimana Dia jadikan semuanya boleh menjalankan fungsinya dengan sempurna? Semua keistimewaan binatang-binatang tersebut yang telah dikaji oleh manusia berada di luar batas pengetahuan dan imaginasi manusia.

Jika manusia melihat dengan teliti binatang yang ada di dunia berserta bentuk dan modelnya, mereka pasti terfikir tentang pelbagai manfaat yang dapat diperolehi daripada binatang-binatang tersebut, seperti kulit, bulu, susu dan daging. Oleh itu, mereka akan dapat melihat rahmat dan kasih sayang Allah yang tidak terhingga. Allah s.w.t. Tuhan Yang Maha Tinggi lagi Maha Kuasa, telah memberi mereka kulit untuk berlindung dari dingin, kuku-kuku yang kuat untuk melindungi kaki serta menghadapi segala keperluan mereka dengan seindah dan sebaik mungkin.

Sebagai contoh, badan kupu-kupu yang terbungkus dalam bingkai yang indah dan menarik yang tidak dapat dilukiskan dengan kata-kata, hanyalah satu dari sekian banyak keindahan Ilahi yang tidak terhingga. Ini adalah keindahan yang dipamerkan untuk dilihat oleh mata, diketahui oleh akal dan disedari oleh hati.

Dalam al-Qur'an al-Karim, Allah mengkehendaki agar kita melihat unta dan berfikir bagaimana ia diciptakan. Dia berfirman:

> *"Maka apakah mereka tidak memerhatikan unta bagaimana ia diciptakan, Dan (melihat) langit, bagaimana ia ditinggikan? Dan (melihat) gunung-gunung bagaimana ia ditegakkan? Dan (melihat) bumi bagaimana ia dihamparkan? Maka berilah peringatan kerana sesungguhnya kamu hanyalah orang yang memberi peringatan."* (Q.S. al-Ghasyiyah: 17-21)

Ertinya, jika kita merenungkan secara mendalam tentang penciptaan pelbagai binatang dan makhluk lain, maka kita akan melihat banyak tanda keagungan Allah.

Allah telah memberikan keistimewaan dan karakter kepada semua makhluk yang dapat memberikan sumbangan yang bermacam-macam meskipun mereka hidup kerana makan makanan yang sama. Semuanya saling menyempurnakan antara satu sama lain hingga menjadikan kehidupan sempurna.

Contohnya, ketika lembu atau kambing makan daun mulberi (*mulberry*) yang hijau, maka ia menghasilkan daging, susu dan bulu. Namun, jika daun ini dimakan oleh ulat sutera, maka ulat itu menghasilkan sutera, jika ia dimakan oleh kijang maka ia mengeluarkan bau-bauan yang mewangi manakala lebah pula menghasilkan madu daripada manisan (*nectar*) bunganya.

Semua ini berada di luar batas pengetahuan manusia yang merupakan makhluk paling sempurna di alam semesta. Daun-daun yang beraneka warna dan bau serta menghasilkan beraneka bunga daripada tanah yang sama adalah satu keadaan yang luar biasa. Tidak akan mampu dibuat oleh sesiapapun walaupun tinggi kemampuannya.

Manusia (makhluk paling sempurna) tidak akan mampu menciptakan binatang yang boleh memberikan

daging dan susu yang makan dari rumput berdasarkan sistem Ilahi yang Allah telah diberikan. Jika manusia mengumpulkan ribuan tan rumput dan meletakkannya dalam makmal kimia terbaik dengan teknologi moden yang paling canggih sekalipun, maka dia tidak akan mampu menghasilkan daging atau susu walaupun sedikit. Allah s.w.t. berfirman:

"Dan sesungguhnya pada binatang ternak itu benar-benar terdapat pelajaran bagi kamu. Kami memberimu minum dari apa yang berada dalam perutnya (berupa) susu yang bersih antara tahi dan darah, yang mudah ditelan bagi orang-orang yang meminumnya." (Q.S. an-Nahl, 66)

Lebah Madu

Allah s.w.t. telah berfirman dalam Kitab-Nya:

"Kemudian makanlah dari tiap-tiap (macam) buah-buahan dan tempuhlah jalan Tuhanmu yang telah dimudahkan (bagimu). Dari perut lebah itu keluar minuman (madu) yang bermacam-macam warnanya, di dalamnya terdapat ubat yang menyembuhkan bagi manusia. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda (kebesaran Tuhan) bagi orang-orang yang memikirkan." (Q.S. an-Nahl, 69)

Dalam sebuah hadis, Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Demi Zat yang Muhammad berada di tangan- Nya, sesungguhnya perumpamaan orang beriman itu laksana sepotong emas yang ditiup oleh pemiliknya, ia tidak berubah dan tidak berkurang. Demi Zat yang diri Muhammad berada di tangan-Nya, sesungguhnya perumpamaan orang beriman itu laksana lebah yang makan makanan yang baik dan mengeluarkan hasil yang baik. Lalu ia hinggap tapi tidak patah dan tidak rosak. (H.R. Ahmad, *al-Musnad*, jilid 2, halaman 99; al-Hakim, jilid 1, halaman 147; al-Baihaqi, *asy-Syu`ab*, jilid 4, halaman 58)

Rasulullah s.a.w. dalam hadis ini meggambarkan persamaan antara orang beriman dan lebah madu. Persamaannya terletak pada kepintaran dan kecerdasan lebah, perilakunya yang jarang menyakiti, rendah hati, bermanfaat, *qana`ah*, tetap berusaha di malam hari, bersih daripada noda-noda dan makanannya yang baik. Lebah tidak mahu makan daripada hasil kerja lebah yang lain dan ia patuh kepada rajanya. Ada suasana-suasana yang dapat membuat lebah berhenti bekerja seperti kehadiran gelap, mendung, angin, asap, air dan api. Demikian pula orang beriman, dia tidak dapat bekerja tatkala menghadapi beberapa gangguan seperti gelapnya kelalaian, awan keraguan, angin fitnah, asap haram, dan api hawa nafsu.

Tatkala Rasulullah s.a.w menyebutkan sifat-sifat orang beriman dalam hadis tersebut, baginda juga

menyentuh tentang keindahan dan hikmah yang dimiliki oleh lebah.

Husain al-Kasyifi, seorang *mufassir*, mengatakan, "Sesiapa yang mahu merenung dan berfikir, maka dia akan tahu bahawa Allah s.w.t. Maha Mengetahui segala sesuatu dan Maha Berkuasa atas segala sesuatu, telah menciptakan lebah (makhluk yang lemah) dan menciptakan hikmah yang banyak darinya. Lebah itu bersifat rendah hati, tidak pernah menyimpang dari jalan yang lurus. Ia makan buah-buahan yang manis juga yang pahit, tapi mengeluarkannya dalam bentuk madu yang lazat dan manis."

Lebah adalah merupakan binatang yang lembut dan wara' (الورع). Orang lain tidak mengambil daripadanya selain kebersihan dan kesucian.Ia merupakan makhluk yang taat yang tidak pernah melanggar perintah Allah s.w.t.. Ia adalah makhluk yang mencintai tempat tinggal dan tanah airnya, walaupun ia pergi jauh beribu batu namun tetap kembali ke tanah airnya. Selain itu, lebah adalah makhluk yang bersih dan suci yang tidak pernah hinggap kepada kotoran mahupun memakannya. Lebah juga memiliki seni dan ketrampilan yang seandainya seniman dan arkitek seluruh dunia bersatu, mereka tetap tidak akan mampu melakukan apa yang dilakukan oleh lebah. Madu yang ia hasilkan mengandungi ubat untuk pelbagai penyakit lahir juga ubat bagi kebodohan yang merupakan penyakit batin.

Mukjizat Fitrah

Ismail Fani Orthugral turut memberi gambaran tentang perjalanan hidup pelbagai binatang berdasarkan sistem Ilahi yang disebut dengan fitrah. Dia mengatakan: "Secara fitrah dan naluri, binatang-binatang dapat mengetahui makanan yang berguna baginya. Mengetahui perkara-perkara yang diperlukan untuk mempertahankan hidup dan meneruskan reproduksinya. Burung-burung membina sarang-sarang yang indah tetapi burung perantau berkumpul pada hari tertentu bersiap untuk berhijrah. Sebelum mati, beberapa serangga menyengat dan melumpuhkan sejumlah binatang di mana binatang yang lumpuh itu diletakkan di sisinya tanpa dapat bergerak, agar menjadi makanan bagi anak-anaknya saat menetas dari telurnya. Sungguh menakjubkan fenomena ini, kerana serangga-serangga yang lumpuh dan disengat itu menjadi makanan bagi anak-anak serangga sampai besar nanti.

Lebah juga memiliki kemampuan dan potensi untuk menentukan jenis kelamin anaknya sama ada sebagai jantan atau betina iaitu dengan cara mengubah makanan bagi kepompong. Ketika sarang lebah kehilangan ratunya kerana suatu peristiwa, maka lebah mampu mengubah salah satu kepompong untuk menjadi ratu bagi sarang tersebut."[19]

19 *Ajwibah Haula Haqa'iq al-Iman*, halaman 58-59.

Betapa besar iktibar ini bagi orang yang mahu mengambilnya. Lebah tanah mampu mengalahkan belalang dan menguburnya dalam tanah di mana lebah itu tidak membunuhnya, tapi hanya membuatnya pengsan hingga belalang tersebut menjadi seperti daging yang disimpan. Seterusnya, setelah lebah bertelur pada waktu dan tempat tertentu dan kemudian anak-anaknya menetas, maka lebah membawakan daging (belalang) yang lazat itu untuk makanan mereka. Setelah itu, sang ibu pergi dan terbang jauh lalu mati sebelum sempat melihat anak kecilnya. Ini adalah teknik dan rahsia yang tidak dapat dijelaskan, tidak disandarkan kepada naluri atau belajar secara genetic tetapi ini adalah bentuk pemberian dari Allah s.w.t. untuk mereka.

Ikan salmon setelah tinggal beberapa tahun di laut, ia kembali ke sungai, tanah kelahiran asalnya. Ia dapat sampai ke tempat asalnya di sungai itu, tempat ia dilahirkan. Lalu siapa yang memberinya indera kepekaan yang dapat membawanya ke tempatnya yang asal? Kalau kita mengambil ikan ini, lalu meletakkannya di sungai yang lain, maka ia segera tahu bahawa dirinya sedang berjalan di jalan yang salah dan segera kembali ke sungai asalnya. Ikan ini berjalan melawan arus dan segera menuju sungai kelahirannya.

Lebih sukar lagi untuk menghuraikan rahsia ikan ular (*oarfish*). Makhluk ini begitu menakjubkan kerana ketika musim bertelur tiba, makhluk ini yang datang

dari sungai-sungai dan danau-danau di seluruh dunia akan bertelur di dalam laut yang berada di kepulauan Bermuda yang terletak di samudera Atlantik dan setelah itu mereka akan mati.

Ikan-ikan yang hidup di benua Eropah menyeberangi ribuan batu di lautan dan datang ke tempat yang sama. Manakala ikan-ikan kecil yang menetas daripada telurnya itu, sebahagian manusia beranggapan bahawa ikan tersebut tidak tahu apa-apa selain daripada hidup di dalam air, akan berjalan dan kembali ke tempat asalnya. Akhirnya ikan-ikan ini sampai ke tempat yang sama seperti mana induk ikan ini datang. Tidak cukup sekadar itu sahaja bahkan ikan-ikan ini juga akan pergi ke sungai atau tasik kecil di mana induk mereka pernah hidup di sana.

Sehingga kini masih belum ditemukan dengan ikan Amerika yang merupakan sejenis ikan ular yang hidup di Eropah atau sebaliknya. Maha Suci Allah, ikan Amerika ini lebih panjang umurnya dibandingkan dengan ikan Eropah disebabkan jarak yang begitu jauh. Kita boleh bertanya dengan penuh kehairanan: “Siapakah yang mengajarkan semua ini kepada ikan tersebut dan menggariskan panduan yang begitu jelas untuk mereka?”

Perkara luar biasa yang terdapat pada binatang itu menunjukkan dengan nyata bahawa semuanya tidak terjadi dan bergerak secara kebetulan. Semua binatang tersebut bergerak menurut aturan dan kuasa Sang Maha

Pencipta yang telah menciptakan semuanya. Bukti lain yang jelas menunjukkan kewujudan, kekuasaan dan keagungan Ilahi adalah dengan mempunyai naluri fitrah yang tinggi.

Allah s.w.t. telah memperlihatkan bukti-bukti tersebut kepada manusia. Sebahagian manusia yang melihat kebenaran tersebut lalu tunduk patuh kepada Allah. Namun ada juga sebahagian manusia yang lain masih buta walaupun begitu banyak fenomena yang diperlihatkan di hadapan mata mereka. Golongan ini tetap membantah dan ingkar terhadap Allah dan kebenaran yang nyata. Keadaan seperti ini telah digambarkan dalam ayat al-Qur'an:

> "*Sesungguhnya Allah tidak malu membuat apa sahaja perbandingan, (seperti) nyamuk atau suatu yang lebih rendah daripadanya (kerana perbuatan itu ada hikmatnya), iaitu kalau orang-orang yang beriman maka mereka akan mengetahui bahawa perbandingan itu benar dari Tuhan mereka; dan kalau orang-orang kafir pula maka mereka akan berkata: "Apakah maksud Allah membuat perbandingan ini?" (Jawabnya): Tuhan akan menjadikan banyak orang sesat dengan sebab perbandingan itu, dan akan menjadikan banyak orang mendapat petunjuk dengan sebabnya; dan Tuhan tidak akan menjadikan sesat dengan sebab perbandingan itu melainkan orang-orang yang fasik.*" (Q.S. al-Baqarah, 26)

Penciptaan Alam Semesta Secara Berpasang-Pasangan

Allah s.w.t. telah menciptakan semua makhluk yang ada di muka ini secara berpasangan tetapi hanya zat-Nya sahaja yang Esa. Firman Allah s.w.t.:

> *"Dan tiap-tiap jenis Kami ciptakan berpasangan, supaya kamu mengingati (kekuasaan Kami dan mentauhidkan Kami)."* (Q.S. adz-Dzariyat, 49)

Dalam ayat yang lain Dia berfirman:

> "*Dijadikannya langit tanpa tiang sebagaimana yang kamu lihat, ditanamkannya gunung-gunung dalam bumi, supaya tidak bergoncang, lalu ditebarkannya makhluk hidup. Kami turunkan hujan dari langit, lalu kami tumbuhkan segala macam tumbuh-tumbuhan yang bagus-bagus*" (Q.S. Luqman, 10)

Fakta mengenai semua makhluk hidup secara berpasangan ini disokong oleh ilmu moden, namun hakikatnya perkara ini telah pun dikemukakan dalam ayat al-Qur'an al-Karim sejak empat belas abad yang lalu.

Semua makhluk sama ada manusia, binatang, tumbuhan ataupun atom, bahkan unsur-unsur yang tidak dilihat seperti elektron dan proton yang berada dalam atom, semuanya mengikut hukum yang menakjubkan iaitu "Hukum Berpasangan". Sudah

semestinya hal ini dapat membuka cakerawala berfikir yang luar biasa dan besar bagi manusia.

Berfikir Tentang Nikmat Allah s.w.t.

Nikmat terbesar yang diberikan Allah s.w.t. kepada kita adalah dengan menciptakan kita dalam bentuk manusia, menghidupkan kita ke dunia ini dalam lingkungan Islam. Selain itu, di antara nikmat yang paling besar lagi adalah Dia jadikan kita sebagai umat Rasul yang mulia, Muhammad s.a.w. seperti mana yang terkandung di dalam al-Qur'an al-Karim.

Bagi kita, Rasulullah s.a.w. adalah model Qur'ani yang sempurna di mana tercermin dalam semua perilaku dan perbuatannya. Baginda telah mengajarkan al-Kitab dan al-hikmah serta menyucikan batin dan hati kita. Sekiranya kita benar-benar mengetahui tingginya nikmat yang satu ini, sudah pasti kita tidak akan bangun-bangun daripada sujud syukur kepada Allah s.w.t.

Nikmat yang diberikan oleh Allah s.w.t. itu tidak terbatas hanya dalam hal ini sahaja. Nikmat-Nya begitu banyak sehingga diibaratkan banjir besar yang mengelilingi kita, para hamba-Nya. Sehubungan dengan hal ini, Rasulullah s.a.w. bersabda: "Allah s.w.t. berfirman:

"Berinfaqlah, nescaya Aku berinfaq kepadamu." Baginda bersabda: "Tangan Allah

(Perbendaharaan Allah) itu sentiasa penuh dan tidak pernah berkurangan kerana dinafkahkan. Sentiasa mengalir pada waktu siang dan malam." Baginda bersabda: "Tahukah kamu apa yang Dia nafkahkan sejak diciptakan langit dan bumi, tetapi apa yang ada di tangan-Nya (perbendaharaan-Nya) tidak pernah berkurangan. Arsy-Nya di atas air, dan di tangan-Nya terdapat timbangan yang sentiasa turun dan naik." (*al-Bukhari*, at-Tauhid, 22)

Kewajipan kita sebagai hamba-Nya terhadap nikmat yang dikurniakan adalah merenungkan nikmat tersebut dan menggunakannya sebagai bukti kewujudan Sang Pencipta. Merenungkan kekuasaan dan pemberian-Nya serta mensyukuri segalanya.

Umar ibn Abdul Aziz r.a. berkata, "Menggerakkan lidah untuk berzikir kepada Allah s.w.t. adalah kebaikan; dan merenungkan nikmat Allah s.w.t. adalah ibadah yang paling utama." (Abu Nu`aim, *al-Hilyah*, jilid 5, halaman 314)

Manakala kufur nikmat bererti tidak mensyukuri nikmat yang diberikan dan menggunakan serta menghabiskannya menurut hawa nafsu hanyalah perbuatan untuk menjauhkan hamba daripada Allah s.w.t., sang Pemberi nikmat dan kebaikan.

Tiga Jenis Syukur

1. Syukur dengan hati, iaitu merenungkan nikmat.
2. Syukur dengan lisan, iaitu memuji nikmat.
3. Syukur dengan perbuatan, menunaikan kewajipan atas nikmat yang dikurniakan.

Ada yang berpendapat bahawa, "Syukuri nikmat itu sendiri merupakan salah satu nikmat yang dikurniakan." Ini bermaksud apabila Allah s.w.t. memberi kita suatu nikmat, maka kita hendaklah menyalurkan nikmat itu kepada orang-orang yang tidak mendapatkannya. Perkara ini telah disebutkan dalam ayat al-Qur'an:

> *"Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan."* (Q.S. al-Qashash, 77)

Merenungkan Segala Nikmat Yang Diberi

Dhiya' Pasya, seorang penyair Turki, mengatakan: "Pada setiap daun di alam semesta, terkandung ribuan

pengajaran untuk mengenal Allah. Wahai Tuhan, betapa indahnya sekolah itu, sekolah alam semesta."

Dalam menjelaskan hal ini, Sufyan bin Uyainah, seorang tokoh ilmuan Muslim, berulang kali membaca rangkap syair yang mengatakan: "Jika orang memiliki fikiran, maka segala sesuatu mengandungi pengajaran."

Atas sebab itu, orang Arab mengatakan: "Banyak sekali pengajaran tetapi hanya sedikit orang yang mahu mengambilnya."

Setiap Atom Berzikir dan Bercerita tentang Allah

Jika manusia mampu membaca kitab alam semesta lalu memikirkan dan merenunginya, maka setiap atom yang mereka lihat sudah pasti memberitahu tentang keagungan Allah s.w.t. dan mendekatkannya kepada *ma'rifatullah*. Seorang penyair Turki, Fudluli al-Baghdadi berkata : "Seandainya seorang yang bijak pandai mampu mengetahui wahyu, maka setiap atom dalam alam semesta adalah Jibrail yang menyampaikan perintah Allah kepadanya."

Allah SWT berfirman:

"*Maka Aku bersumpah: Demi segala (yang nyata) yang kamu melihatnya, - Dan segala (yang ghaib) yang kamu tidak melihatnya, - Bahawa*

sesungguhnya al-Quran itu ialah (wahyu dari Kami) yang disampaikan oleh Rasul yang mulia." (Q.S. Al-Haqqah, 38-40)

Salah satu hikmah daripada sumpah yang terdapat di dalam al-Qur'an al-Karim adalah bagi menarik perhatian untuk mengambil pengajaran, teladan dan hikmah. Selain daripada itu ia juga bertujuan untuk memberi kesedaran kepada hamba-Nya dengan cara mengajar dan menunjukkannya kepada kebesaran tersebut.

Di samping itu juga, semua makhluk sama ada yang dapat dilihat mahupun tidak adalah menjadi tanda-tanda kekuasaan dan ketuhanan Allah s.w.t.. Ketika manusia merenungi makhluk-makhluk tersebut membolehkan mereka untuk mengambil pengajaran dan menemukan hikmah yang tidak terhingga.

Rahsia, hikmah dan pengajaran yang dicapai melalui tafakur dan renungan serta santapan ruh al-Qur'an al-Karim akan menjadi besar seperti benih pokok *Sycamore* yang sangat kecil kemudiannya menjadi besar apabila berubah menjadi pohon raksasa kerana ia hidup di atas bumi yang subur.

Allah s.w.t. berfirman:

"*Sesungguhnya pada langit dan bumi terdapat tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang beriman. Dan pada kejadian diri kamu sendiri, serta (pada kejadian)*

segala binatang yang dibiakkan-Nya, terdapat juga tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang meyakininya. Dan (pada) pertukaran malam dan siang silih berganti, dan juga (pada) rezeki yang diturunkan oleh Allah dari langit, lalu Dia hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta (pada) peredaran angin, (semuanya itu mengandungi) tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah, kekuasaan-Nya, kebijaksanaan-Nya, serta keluasan rahmat-Nya) bagi kaum yang mahu menggunakan akal fikiran." (Q.S. Al-Jatsiyah, 3-5)

Allah s.w.t. menganugerahkan hati dan akal serta melihat kepada contoh-contoh tentang tafakur dalam al-Qur'an yang akan membawa hamba-Nya ke dalam "takwa". Begitu juga dengan bunga yang memerlukan udara, air, tanah dan cahaya, maka takwa diperlukan untuk meningkatkan tafakur kepada taraf yang sepatutnya.

Allah s.w.t menghendaki hamba-hamba-Nya menjadi manusia yang aktif, seorang pemikir dan perenung. Oleh sebab itu, setiap Muslim hendaklah bertafakur seolah-olah dia sedang beribadah dengan menggunakan segala kemudahan yang ada. Ucapan Rabi`ah, isteri Ahmad ibn Abi al-Hawari di bawah ini adalah contoh yang menarik apa yang diperbincangkan. Beliau berkata:

"Setiap kali mendengar suara azan, aku teringat kepada penyeru hari kiamat. Setiap kali melihat salji, aku melihat lembaran-lembaran yang berterbangan. Dan setiap melihat belalang, aku teringat pada hari perhimpunan (Padang Mahsyar)."

Dikisahkan bahawa suatu hari, Khalifah Harun al-Rasyid masuk ke dalam bilik air. Secara tidak sengaja seorang pelayan tertumpah air mandian yang panas mendidih dan mengenai tubuh beliau. Bersegeralah Harun al-Rasyid keluar daripada bilik air tersebut kerana merasa sakit yang bersangatan lalu dia bersedekah. Ketika ditanya tentang perkara itu, beliau menjawab: "Aku tidak sanggup menahan kepanasan air mandian, lalu bagaimana jika pada hari kiamat nanti aku berjalan menuju ke neraka Jahanam?"

Rasulullah s.a.w. selalu memuji dan mengucap syukur kepada Tuhannya, dan selalu mengambil pengajaran daripada segala apa yang dilihat. Kita hendaklah berusaha bersungguh-sungguh dan mempersiapkan bekalan rohani kita untuk melihat keagungan Ilahi dalam setiap perkara. Apabila seorang Muslim melihat bulan, matahari, atmosfera, penciptaan dirinya sendiri, anak-anak, nenek moyangnya dan lain-lain, maka dia harus membaca risalah Ilahi dengan mata hatinya. Dia hendaklah merenung bagaimana dan dari mana dia datang? Bagaimana dia bertahan untuk hidup? Siapa yang memberi bentuk dan ukurannya? Siapa yang membataskan umurnya?

Dan ke mana dia hendak pergi setelah mati? Dia juga seharusnya memikirkan bahawa kehidupan dan alam semesta ini berjalan mengikut hikmah dan tidak ada sesuatu pun yang diciptakan dengan sia-sia. Dia tidak boleh membiarkan dirinya berjalan mengikut keinginan tanpa kendalian dan kawalan.

Mengapa Allah Menciptakan Alam Semesta?

Allah s.w.t. berfirman:

> *"Dan tidaklah Kami ciptakan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya, secara main-main; Tidaklah Kami menciptakan keduanya (serta segala yang ada di antaranya) melainkan kerana menzahirkan perkara-perkara yang benar; akan tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui (hakikat itu)."* (Q.S. ad-Dukhan, 38-39)

Justeru, manusia yang merenungkan alam semesta seharusnya bergerak mengikut kehendak Tuhan dan perlu mengetahui bahawa Allah s.w.t. menciptakan segala sesuatu dengan tujuan tertentu. Mereka perlu berkhidmat sebagai hamba Allah. Seterusnya, mereka perlu merenungkan tanggungjawab mereka terhadap Allah s.w.t. dan berusaha menunaikan hak kehambaan dengan penuh istiqamah dan bersungguh-sungguh. Hal ini kerana dengan mengingkari pemberian dan kedermawanan Allah yang begitu besar adalah satu

kelalaian pahit yang tidak seiring dengan kehormatan dan harga diri manusia.

Manusia tidak boleh lupa yang mereka akan dihisab atas pelbagai nikmat yang telah diberikan. Sebagaimana firman-Nya:

> "*Selain dari itu, sesungguhnya kamu akan ditanya pada hari itu, tentang segala nikmat (yang kamu telah menikmatinya)!*" (Q.S. at-Takatsur, 8)

Secara kesimpulannya, kita sebenarnya menanggung hutang iaitu hutang kehambaan dan syukur yang tanpa batas kepada Allah s.w.t. atas segala nikmat Ilahi yang kita nikmati, sama ada yang kita lihat mahupun tidak. Betapa bahagianya hati yang mengetahui tentang tanggungjawab ini, yang hidup dalam kesedaran ini serta berusaha bersungguh-sungguh untuk memenuhi tanggungjawab tersebut.

Tafakkur Tentang Manusia

Mari sejenak kita renungkan tentang bumi yang kita pijak, yang dipenuhi dengan jasad manusia yang telah mati dan berubah menjadi debu. Ia bagaikan bayang-bayang yang saling bertindihan. Hari esok, kita juga akan dikuburkan bersama dengan amalan kita di dalam tanah ini, dan akan hancur dalam bayang-bayang yang padat tersebut. Setelah itu, perjalanan menuju kehidupan yang abadi akan bermula. Ketika itu, kita perlu memikir sejenak dan merenungkan betapa besar manfaat yang akan dipetik oleh akal fikiran ketika masa yang akan datang berganti dengan keabadian yang tiada bertepi.

TAFAKKUR TENTANG MANUSIA

Rahsia yang Mengagumkan dalam Penciptaan

Allah s.w.t. berfirman:

وَفِي الْاَرْضِ اٰيَاتٌ لِلْمُوقِنِينَۙ.
وَفٖي اَنْفُسِكُمْۜ اَفَلَا تُبْصِرُونَ

"*Dan pada bumi ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan dan kekuasaan Allah) bagi orang-orang (yang mahu mencapai pengetahuan) yang yakin. Dan juga pada diri kamu sendiri. Maka mengapa kamu tidak mahu melihat serta memikirkan (dalil-dalil dan bukti itu)?*" (Q.S. adz-Dzariyat, 20-21)

Allah s.w.t. telah menciptakan manusia sebagai makhluk yang sangat agung. Walaupun banyak penemuan-penemuan baru melalui kemajuan ilmu dan teknologi masa kini mengenai manusia, namun penemuan itu belum mampu untuk mencapai puncak

hikmah dan rahsia luar biasa mengenai kehidupan manusia. Firman Allah s.w.t.:

> "*Wahai manusia! Apakah yang memperdayakanmu - (berlaku derhaka) kepada Tuhanmu yang Maha Pemurah? - Tuhan yang telah mencipta dan mengatur kejadianmu, lalu menjadikan anggotamu sesuai (dengan tujuan yang kerananya anggota itu diadakan), serta menjadikan (binaan tubuh badanmu) sama padan dengan kekuatannya; Dalam bentuk dan rupa apa sahaja yang dikehendaki-Nya, Dia menyusun kejadianmu.*" (Q.S. al-Infithar, 6-8)

Dalam ayat al-Qur'an tersebut, Allah s.w.t. mengingatkan kepada manusia tentang masa lalu dan mengajaknya untuk merenungkan tentang penciptaan dirinya. Ini kerana manusia telah Allah jadikan sebagai makhluk yang paling mulia dan dibentuk dalam keadaan yang paling baik walaupun diciptakan daripada air yang hina.[20]

Jadi, kerana itu, jika manusia tertipu dengan kekuatan dan kewujudan yang tidak kekal, lalu menderhaka kepada Tuhan, Pemilik ilmu, hikmah dan kekuasaan yang tidak terbatas, maka ini merupakan satu keadaan yang sia-sia dan tidak masuk akal. Lembaran-lembaran kajian tentang penciptaan

20 Lihat, Q.S. Abasa, 17-22; al-Rum, 20, al-Insan, 21; al-Qiyamah, 36-38; al-Mursalat, 20-22; dan Yasin, 77.

manusia mutakhir ini oleh ilmu perubatan telah digambarkan oleh al-Qur'an sejak empat belas abad yang lalu[21] iaitu ketika Allah s.w.t. berfirman:

> *"Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari pati (yang berasal) dari tanah; kemudian Kami jadikan "pati" itu (setitis) air benih pada penetapan yang kukuh; kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi*

---

21 Al-Qur'an al-Karim yang diturunkan 1400 tahun yang lalu, disokong oleh penemuan-penemuan ilmiah setiap hari. Kitab suci ini adalah kitab yang diturunkan kepada Nabi s.aw. yang *ummi* agar disampaikan kepada umat manusia. Di samping mengkaji hukum Ilahi yang berlaku di alam semesta dan peristiwa-peristiwa yang mencerminkan hukum-hukum tersebut, tidak ada satu pun daripada hasil-hasil penemuan moden yang mendustakan walaupun satu huruf daripada al-Qur'an. Hal ini merupakan satu bukti kebenaran kitab tersebut dan menunjukkan bahawa Allah s.w.t. telah mewahyukan al-Qur'an kepada Rasul s.a.w. Ertinya, al-Qur'an itu selalu mendahului ilmu manusia dan semua penemuan itu hanyalah sebagai pembenar terhadap al-Qur'an. Beberapa pemikir barat yang tidak bersikap negatif terhadap Islam, segera mendapat hidayah apabila merasa kagum mempelajari isi kandungan daripada ayat-ayat yang diturunkan sejak 1400 tahun yang lalu itu. Sebagai contoh ayat yang berbicara tentang peringkat penciptaan manusia dan ayat-ayat yang menyampaikan fakta-fakta yang baru dapat dilihat dewasa ini. Salah satu di antara mereka adalah seorang ilmuan Perancis, Maurice Bucaille, pakar bedah, yang memeluk Islam setelah membaca gambaran al-Qur'an yang indah dan luar biasa. Dia menulis sebuah buku yang berjudul, "Taurat, Injil, al-Qur'an dan Sains." Saya sarankan kepada para pembaca untuk membaca buku ini.

seketul daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu Kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta. Kemudian, kamu sesudah itu akan mati dan sesungguhnya kamu akan dibangkitkan hidup semula pada hari kiamat." (Q.S. al-Mukminun, 12-16)

Seperti halnya tentang penciptaan manusia di mana semua anggota tubuh badan dengan bahasa tubuh masing-masing juga menyeru manusia untuk melakukan tafakur. Oleh itu, mata, telinga, tangan, kaki, akal fikiran dan hati; dengan kata lain semua anggota tubuh kita ini berkata, "Pandanglah dengan pandangan mencari pengajaran dan renunglah bagaimana Allah s.w.t. telah mengatur anggota-anggota tubuh yang terdiri daripada daging, saraf dan otot. Bagaimana Dia jadikan semuanya terbina berdasarkan susunan yang mengagumkan dan seimbang. Bagaimana Dia jadikan kepala berbentuk bulat, dan padanya diberi beberapa lubang seperti telinga, mata, hidung dan mulut. Bagaimana Dia jadikan tangan dan kaki ini berbentuk panjang. Hujungnya diberikan jari dan hujung jari diakhiri dengan kuku. Bagaimana Dia ciptakan anggota dalaman tubuh badan manusia seperti jantung, rusuk, paru-paru, usus dan limpa dengan bentuk dan

keadaan yang sangat baik dan harmoni. Tidak ada anggota tubuh ini yang tidak bekerja secara terpisah daripada yang lain. Atau ada satu anggota tubuh yang tidak penting dan tidak berguna. Tetapi adalah sebaliknya di mana semuanya memiliki fungsi yang sangat penting dan diciptakan dalam bentuk yang paling baik menurut fungsi yang perlu dilakukan."

Kemudian setiap anggota tubuh ini terbahagi pula menjadi beberapa bahagian. Misalnya, ada lapisan-lapisan di dalam mata dan setiap lapisan memiliki bentuk dan fungsi yang khusus. Andaikan salah satu lapisan itu berhenti bekerja atau kehilangan salah satu fungsinya, maka mata tidak mungkin dapat melihat.

Tulang

Pembentukan tulang-tulang adalah sesuatu yang patut kita kagumi. Bagaimana Allah s.w.t. menciptakan tulang yang kuat dan sangat keras ini hasil daripada setitis mani yang lemah, hina dan lembut? Bagaimana Dia membentuk tulang-tulang menjadi sebuah bangunan yang sangat kuat, kukuh dan seimbang dalam pelbagai bentuk dan ukuran. Ada yang kecil dan ada yang besar. Ada yang panjang dan ada yang pendek. Ada yang tebal dan ada yang nipis. Manusia tidak hanya terdiri daripada tulang malah tulang-tulang itu berhubung antara satu sama lain dengan sendi-sendi yang bergerak. Masing-masing diberi

bentuk yang sesuai dengan gerakan yang menjadi tugasnya. Pelinciran pada sendi-sendi yang terjadi secara automatik adalah suatu mesin yang sangat indah dan luar biasa. Model pelinciran ini tidak dapat dijelaskan secara tuntas oleh tiga jenis pelinciran yang digunakan dalam teknologi moden masa kini.

Sekarang kita harus berfikir sejenak seandainya kita membuat sendiri satu sahaja daripada sendi-sendi yang ada dalam tubuh kita, maka berapa banyak persoalan dan kesulitan yang mungkin menghalangi kita.

Andaikan Allah s.w.t. menciptakan satu tulang tambahan dalam tubuh kita, maka tulang itu pasti menyebabkan ketidakselesaan dan mendatangkan penyakit. Sebaliknya, jika tulang-tulang dalam tubuh kita berkurangan satu sahaja, maka kita harus berusaha sekeras-kerasnya untuk memperbaiki kekurangan tersebut. Namun walaupun berusaha begitu lama, kita pasti tidak akan mungkin memperbaiki kekurangan tersebut.

Kita juga perlu merenung seandainya kita tidak mampu menggunakan kelima-lima jari yang berada di salah satu tangan kita, maka sejauh mana kesukaran dan kesulitan yang akan kita temui untuk melakukan pekerjaan kita. Keadaan ini adalah sesuatu yang benar-benar perlu kita renungkan.

Selain daripada itu, terdapat beberapa gigi kita berbentuk rata yang sesuai untuk mengunyah

dan memamah. Beberapa lagi berbentuk runcing tajam yang sesuai untuk memotong dan mengoyak. Sedangkan bentuk dan ukuran otot itu berbeza-beza menurut tempat dan keperluan. Terdapat banyak otot dalam mata dan jika salah satu di antaranya sakit, maka kesihatan seluruh mata menjadi terganggu.

Keajaiban-keajaiban yang ada dalam tubuh badan manusia adalah hasil perbuatan dan kekuasaan Allah yang terdapat di dalam setitis air. Ketika melihat lukisan yang indah, maka manusia merasa hairan dengan kepintaran, kecerdasan dan ketelitian pelukisnya. Sang seniman itu pun menjadi bangga padahal apa yang dibuat oleh pelukis itu tidaklah diciptakan dari sesuatu yang tiada. Benda-benda yang digunakan oleh sang pelukis untuk menyelesaikan kerjanya seperti kertas, berus dan pewarna adalah sesuatu yang sudah tersedia ada, bukan diciptakan oleh sang pelukis daripada tidak ada. Papan kanvas yang diciptakan oleh pelukis ini adalah cermin atau gambaran daripada emosi dan rangsangan yang diambil daripada alam ciptaan Allah s.w.t. Walaupun begitu kita masih merasa hairan dan takjub ketika menghayati karya seorang pelukis.

Dengan demikian, tidakkah kita harus berfikir dengan semua anggota tubuh kita dan peristiwa penciptaan manusia yang sungguh indah lagi sangat mengagumkan? Sebuah kesenian yang merupakan penciptaan tiada tandingannya. Kita diciptakan oleh Allah, Sang Pembuat yang mutlak dan Pencipta

yang agung, dengan bahan sperma yang dikeluarkan daripada setitis air.

Anggota Tubuh

Penciptaan telinga, hidung, lidah di mana keluarnya huruf secara terpisah daripada yang lain, dihiaskan mulut dengan gigi, barisan gigi yang teratur seperti biji mutiara yang tersusun, ciri khas suara setiap orang sehinggakan orang buta dapat mengenali orang berdasarkan suara mereka, rambut, jambang, alis, bulu mata, hati, ginjal dan urat merupakan perkara yang perlu kita renungkan dan fikirkan secara mendalam kerana semuanya telah diciptakan berdasarkan ilmu, hikmah dan renungan tahap tinggi. Masing-masing menunaikan fungsinya dengan sangat harmoni dan seirama.

Walaupun ginjal manusia merupakan seketul daging yang kecil, namun ia mampu untuk membezakan benda-benda yang beracun dan benda-benda tidak beracun. Ia berfungsi untuk membuang benda beracun dan mengekalkan benda yang tidak beracun yang terdapat dalam tubuh manusia.

Kita perlu merenungkan tangan kita, bagaimana ia diciptakan dalam keadaan panjang, agar dapat kita hulurkan kepada sesuatu yang kita inginkan. Bagaimana telapak tangan dibahagi menjadi lima jari dan setiap jari dibahagi pula menjadi tiga bahagian.

Empat daripada kelima jari itu berada pada satu sisi dan satu jari di sisi yang berbeza. Jari yang besar (ibu jari) ini dapat bekerja membantu semua jari yang lain. Andaikan semua orang sejak zaman dahulu, sekarang dan masa depan berkumpul dan berusaha membuat suatu bentuk yang lebih indah daripada bentuk jari-jari yang ada sekarang, nescaya mereka pasti tidak akan mampu.

Sekiranya ada orang yang kehilangan satu kuku dan hendak menggaru sebahagian dari tubuhnya, maka dia akan kelihatan sebagai makhluk yang sangat lemah. Di sudut yang lain, jika ia meminta bantuan daripada orang lain untuk menggaru bahagian tubuhnya, maka hal itu dapat berlaku setelah memberikan penjelasan panjang dan usaha atau percubaan yang berterusan.

Tangan seseorang itu sendiri dapat mencapai tempat yang ingin digaru tanpa perlu bantuan, dan tidak menghadapi kesulitan untuk mencapai tempat tersebut. Bahkan tangan itu boleh menemukan tempat tersebut ketika pemiliknya sedang tidur nyenyak.

Selain daripada itu, gerakan paling sederhana yang dilakukan oleh jari dan tangan kita, pada dasarnya memerlukan reka bentuk yang sangat rumit dan teliti. Sebagai contoh, jika kita memikirkan sejauh mana pergerakan robot (manusia mesin) yang dirancang dan dibuat dengan teknologi yang paling canggih masa kini, dibandingkan dengan gerakan anggota tubuh manusia, maka tidak ada yang dapat kita lakukan

selain kehairanan dan kagum terhadap ilmu Allah dan kekuasaan-Nya yang tidak terbatas.

Betapa indah ucapan penyair Turki, Syanasi, yang mengungkapkan bahawa mata yang melihat dan telinga yang mendengar ini menunjukkan setiap saat Allah s.w.t. adalah Sang Pencipta yang mutlak. Dia berkata: "Wujudku menjadi saksi akan wujud Penciptaku. Semua bukti nyata yang lain selain itu adalah sebagai bukti tambahan."

Rahmat dan Kasih Sayang Allah

Lihatlah kasih sayang dan rahmat Allah s.w.t. yang telah melewatkan pertumbuhan gigi sehingga dua tahun selepas kelahiran. Ini kerana selama dua tahun itu, bayi masih menyusu dengan ibunya dan belum memakan apa pun selain susu ibunya. Oleh itu, bayi itu belum lagi memerlukan gigi bahkan dengan adanya gigi pada fasa ini akan mendatangkan kesulitan kepada sang ibu yang menyusukannya.

Semakin besar si anak, semakin bertambah keperluannya kepada makanan kerana mengharapkan susu ibu saja tidak lagi mencukupi. Kali ini ia memerlukan makanan yang keras dan perlu mengunyah makanan. Jadi tentulah pada ketika ini gigi mulai tumbuh, bukan sebelum mahupun sesudah fasa ini. Seandainya gigi tumbuh sebelum fasa ini, tentu akan menyulitkan proses penyusuan. Keluarnya gigi yang keras daripada

gusi yang lembut dan empuk merupakan suatu proses yang benar-benar menakjubkan. Kemudian Allah s.w.t. telah memberikan kedua orang tua (ayah dan ibu) perasaan yang istimewa dan berbeza, iaitu sifat rahmat dan kasih sayang untuk memelihara anaknya. Allah s.w.t. adalah pemilik hikmah dalam setiap perbuatan. Seandainya Dia tidak memberikan sifat rahmat dan kasih sayang di hati ibu dan ayah, lalu siapa yang akan menanggung penatnya untuk merawat dan mengasuh anak?

Tubuh manusia adalah tempat berfikir yang menakjubkan. Dalam *Ihya' Ulumiddin*, al-Imam al-Ghazali mengatakan, "Ini adalah secebis daripada pelbagai keajaiban tubuhmu yang tidak mungkin dapat difahami, padahal tubuh adalah tempat yang paling dekat dengan fikiranmu dan saksi yang paling nyata atas kebesaran Penciptamu, namun kamu melupakannya kerana sibuk dengan perut dan alat kelaminmu. Kamu tidak tahu siapa dirimu, kecuali jika lapar maka kamu makan. Jika sudah kenyang lalu kamu tidur, kamu bernafsu lalu kamu bersetubuh, dan kamu marah lalu membunuh (berperang)."

"Dalam hal ini, semua binatang adalah sama denganmu. Keperibadian manusia yang membezakannya daripada binatang adalah mengenal Allah melalui berfikir tentang kerajaan langit dan bumi, keajaiban cakerawala dan diri manusia. Dengan pengenalan seperti ini, manusia memasuki golongan

malaikat yang didekatkan, dan ditempatkan dalam golongan para nabi dan *shiddiqin*, sambil mendekatkan diri kepada Tuhan semesta alam. Kedudukan semacam ini tidak dapat diraih oleh binatang mahupun manusia yang cintakan dunia dan memiliki syahwat *hewani*, kerana manusia semacam ini jauh lebih buruk daripada binatang. Binatang itu memang tidak dapat berfikir sedangkan manusia telah diberi kemampuan untuk berfikir namun mereka abaikan. Dia telah mengingkari nikmat Allah. Mereka itu seperti binatang, bahkan lebih sesat lagi."[22] (al-Ghazali, *al-Ihya'*, jilid 4, halaman 58-62)

Muka dan Hujung Jari Manusia

Suatu hari, seorang lelaki berjumpa dengan Umar ibn Khattab r.a. seraya berkata: "saya sungguh hairan dengan permainan catur. Luasnya hanya satu kali satu hasta, tetapi jika seseorang bermain sebanyak satu juta kali, maka tidak akan ada dua kali permainan yang sama." Umar bin Khathab menjawab, "Ada sesuatu yang lebih menakjubkan daripada itu iaitu bahawa ukuran muka ini hanya sejengkal kali sejengkal, kemudian kedudukan anggota badan yang ada padanya seperti dua kening, dua mata, hidung dan mulut sama sekali tidak pernah berubah. Tetapi di seluruh dunia, kamu tidak pernah melihat dua orang yang sama. Jadi betapa besar kekuasaan dan hikmah yang menampakkan

22 Lihat: al-Ghazali, *al-Ihya'*, jilid 4, halaman 58-62)

perbezaan tidak terhingga di atas medan yang kecil ini?" (ar-Razi, *at-Tafsir,* jilid 4, halaman 179-180)

Najib Fadlil, seorang penyair, telah berkata: *"Siapakah pelukis hebat yang melukis wajah ini? Tidak adakah orang yang melihat cermin lalu bertanya tentang hal itu?"*

Cap jari manusia juga merupakan mukjizat yang amat besar. Masa kini, cap jari digunakan sebagai kod untuk membuka kelengkapan komputer atau pintu, kerana setiap manusia memiliki cap jari yang berbeza-beza bahkan setiap jari di tangan yang sama memiliki cap jari yang berbeza daripada jari yang lain.

Pada akhir abad kesembilan belas telah ditemukan bahawa setiap manusia memiliki cap jari yang berbeza dan khusus. Dalam sektor perundangan dan keamanan, ciri khusus ini telah diguna pakai sebagai alat untuk menentukan identiti seseorang. Dan pada masa ini, terdapat ilmu yang mengkaji tentang cap jari manusia. Ilmu ini disebut dengan "*dactylology*". Allah s.w.t. yang telah memberikan ciri khusus kepada manusia tersebut dan telah menyebut tentang mukjizat Ilahi tersebut dalam ayat al-Qur'an al-Karim yang diturunkan 1400 tahun yang lalu. Dia memberitahu bahawa setelah jasad manusia dihidupkan kembali di hari kiamat nanti, hujung jari manusia itu akan dikembalikan seperti sediakala. Dalam ayat yang seterusnya, Allah berfirman:

> "*Patutkah manusia (yang kafir) menyangka bahawa Kami tidak akan dapat mengumpulkan tulang-tulangnya (dan menghidupkannya semula)? Bukan sebagaimana yang disangka itu, bahkan Kami berkuasa menyusun (dengan sempurnanya segala tulang) jarinya, (tulang yang lebih halus dari yang lain).*" (Q.S. Al-Qiyamah, 3-4)

Seperti yang kita lihat, al-Qur'an al-Karim itu selalu mendahului sedangkan ilmu manusia datang kemudiannya untuk membenarkan apa yang sudah tertulis di dalam al-Qur'an.

Seperti halnya cap jari yang berbeza antara seseorang dengan seseorang yang lain. Begitu juga dengan mata. Ia berbeza antara mata seseorang dengan seseorang yang lain. Mutakhir ini, mata pula digunakan sebagai kod untuk mengenal seseorang. Teknologi ini telah digunakan dan diaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari. Jadi betapa agungnya Sang Pencipta yang telah menciptakan perbezaan-perbezaan yang tiada terhingga ini di atas medan kecil yang tidak lebih dari satu sentimeter.

Keajaiban Gen

Pelbagai penemuan terbaru dalam ilmu genetik telah menunjukkan fakta bahawa setiap orang memiliki kod genetik yang khusus di mana ia dapat membezakannya daripada orang lain.

Di samping itu, sesuatu yang disebut dengan "gen" ini adalah benda yang sangat kecil, bahkan apabila kita kumpulkan gen dari seluruh makhluk yang ada di atas muka bumi ini, maka gen itu tidak mampu untuk memenuhi bidal jari tukang jahit sekalipun.

Gen-gen tersebut - yang tidak dapat dilihat walaupun dengan menggunakan mikroskop – berada di dalam sel setiap makhluk yang hidup dan memberikan ciri khas bagi setiap manusia, tumbuhan mahupun binatang.

Bidal (sarung jari yang dibuat dengan logam) itu nampak terlalu kecil untuk memuatkan sifat-sifat dan ciri-ciri individu yang membezakan semua manusia yang berjumlah lebih daripada enam bilion orang. Namun dengan berdasarkan kepada fakta-fakta ilmiah kebenaran tentang perkara ini begitu meyakinkan.

Jika demikian halnya, maka bagaimana sesuatu yang disebut gen ini mampu menyimpan data pengenalan daripada sekalian makhluk yang tidak terhitung ini? Bagaimana ia mampu menyimpan semua ciri dan sifat bahkan yang bersifat psikologi bagi setiap orang di tempat yang sangat kecil sukar diterima oleh akal.

Cara tentang bagaimana jutaan atom itu digerakkan dan diputarkan dapat diketahui dalam gen kecil yang tidak dapat dilihat dengan mikroskop. Cara ini wujud hanya sebagai hasil penelitian sains. Allah

s.w.t. telah menyatakan fakta-fakta tersebut dalam firman-Nya:

> *"Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan Dia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil bertanya dengan firman-Nya): "Bukankah Aku tuhan kamu?" Mereka semua menjawab: "Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi". Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: "Sesungguhnya kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini."* (Q.S. al-A`raf: 172)

Tetapi fenomena ini berserta penemuan fenomena kekuasaan dan keagungan Allah yang lain sejak kebelakangan ini telah mengalahkan akal fikiran. Oleh sebab itu, sang penyair abad ke-19, Dhiya' Pasya, menulis sebuah puisi yang sangat bijak: "*Maha Suci Zat yang ciptaan-Nya mengagumkan akal, Maha Suci Zat yang dengan kuasa-Nya mengalahkan orang cerdik cendekiawan.*"

Siapa Yang Mengaktifkan Kilang Tubuh?

Manusia perlu melihat bahawa semua makhluk yang hidup dan segala sesuatu yang ada di langit dan di bumi terutama manusia sentiasa memerlukan kepada Allah s.w.t. Hal ini dapat dilihat bermula daripada

benda yang paling sederhana. Setiap proses yang terjadi di dalam tubuh kita, beroperasi dan berjalan tanpa kita kehendaki. Sebagai contoh: degupan jantung dan pernafasan adalah merupakan proses penting dan berinteraksi antara internal dengan sel terjadi tanpa pemberitahuan mahu pun bantuan daripada sesiapa.

Dapat kita pastikan bahawa andai kata kita diberi kesempatan sehari sahaja untuk mengatur dan mengendalikan ratusan proses kimia yang berbahaya (*vital chemical*) yang terjadi dalam satu rangkaian sel sahaja atau dalam anggota tubuh yang bekerja dengan keseimbangan yang mengagumkan menurut sistem Ilahi, kita tidak akan mampu untuk melakukannya walaupun hanya beberapa saat sahaja. Jadi berapa banyak ketidaklancaran yang akan terjadi selama beberapa saat itu?

Dari sudut yang lain, betapa besarnya pengajaran yang kita saksikan ketika mana Allah s.w.t. menundukkan seekor gajah yang beratnya sepuluh tan terhadap anak kecil yang baru berumur sepuluh tahun. Pada sudut yang lain juga, Allah s.w.t. menjelaskan ketidakmampuan manusia dengan membuat virus kecil yang tidak dapat dilihat dengan mata menjadi sesuatu yang mampu menyebabkan tubuh yang kuat dan keras itu terbujur di atas katil.

Dapat dikatakan bahawa manusia itu tidak boleh mengagungkan dirinya kerana kekuasaan dan kekuatan adalah diberikan Allah s.w.t. kepadanya. Dia juga tidak

boleh melupakan pemilik nikmat yang sejati. Dia perlu sentiasa bersyukur dan kembali kepada Allah lantaran menyedari bahawa dirinya sangat kecil dan kerdil di hadapan kekuasaan Ilahi.

Kesimpulannya, kita telah membahaskan beberapa persoalan tentang tanda kekuasaan dan hikmah Ilahi yang tidak terbatas dan telah diperlihatkan kepada manusia. Ketika kita berfikir tentang manusia, maka akan terlihat bahawa Allah sw.w.t. telah meletakkan banyak hikmah dan rahsia dalam dirinya. Dengan erti kata yang lain, seandainya ditulis satu buku untuk membicarakan tentang satu atom dalam tubuh manusia nescaya maklumat yang ada dalam buku itu tidak akan mencukupi.

Tujuan Manusia Diciptakan

Apakah peranan dan tugas manusia di dunia ini? Manusia yang diciptakan Allah s.w.t. dalam bentuk kejadian yang paling indah, dimuliakan dan dijadikan sebagai satu tanda kewujudan pelbagai pemberian Allah yang tidak terbatas. Apakah yang dinanti dan diharapkan daripadanya? Dan apa tanggungjawabnya?

Allah s.w.t. berfirman:

"*Maka adakah patut kamu menyangka bahawa Kami hanya menciptakan kamu (dari tiada kepada ada) sahaja dengan tiada sebarang*

hikmat pada ciptaan itu? Dan kamu (menyangka pula) tidak akan dikembalikan kepada Kami?" (Q.S. al-Mukminun, 115)

Dan Dia berfirman lagi:

"Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu." (Q.S. adz-Dzariyat, 56)

Dengan setiap sel tubuh yang terdapat dalam badan manusia seharusnya mereka wajib untuk sentiasa bersujud kepada Allah s.w.t. Mereka berkewajipan untuk bersyukur dengan menunaikan ibadah dan sedekah serta saling menasihati atas kebenaran dan kesabaran dan melakukan kebaikan kerana setiap nikmat yang diberikan oleh Allah s.w.t. hendaklah ditunaikan dengan bersyukur kepada-Nya.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Setiap anggota badan manusia diwajibkan atas dirinya sedekah setiap hari. Menolong orang dan menaikkannya ke atas tunggangan atau membawa barangnya adalah sedekah. Kalimah yang baik, setiap langkah yang dilalui menuju (tempat) solat adalah sedekah. Menunjukkan jalan adalah sedekah." (H.R. al-Bukhari, al-Jihad, 72)

Dalam riwayat hadis yang lain, disebutkan Abu Dzar r.a. telah meriwayatkan daripada Nabi s.a.w. bahawa baginda bersabda:

"Setiap anggota tubuh badan kamu adalah sedekah. Setiap tasbih adalah sedekah. Setiap tahmid adalah sedekah. Setiap tahlil adalah sedekah. Setiap takbir adalah sedekah. Menyuruh kepada perbuatan yang ma`ruf adalah sedekah. Mencegah kemungkaran adalah sedekah. Semua itu dapat diimbangi dengan dua rakaat yang dikerjakan di pagi hari (solat Dhuha)." (H.R. Muslim, *al-Musafirin*, 84)

Dalam riwayat yang lain, telah diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. berkata, Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Kamu berbuat adil di antara dua orang adalah sedekah. Setiap langkah yang kamu lalu menuju ke tempat solat adalah sedekah. Kamu menhilangkan bahaya daripada jalan adalah sedekah." (H.R. Muslim, az-Zakah, 56)

Dapat dikatakan bahawa di dunia ini kamu perlu berusaha keras dan bermotivasi untuk menjadi hamba yang soleh bagi Allah s.w.t. Kamu perlu menjalani kehidupan yang penuh dengan ibadah, ketaatan, kebaikan dan amal soleh serta menyiapkan diri untuk akhirat dengan sebaik-baiknya.

Teka-teki Kematian

Muhammad ibn Ka`ab al-Qarzhi menceritakan, "Aku bertemu Umar ibn Abdul Aziz di kota Madinah.

Ketika itu beliau masih muda, tampan dan tegap. Ketika beliau menjadi khalifah, aku datang dan meminta untuk bertemu dengannya. Aku diizinkan untuk berjumpa dengannya dan aku memandangnya dengan tajam. Dia pun bertanya, "Wahai Ibnu Ka`ab, mengapa kamu memandangku seperti itu? Aku menjawab, "Wahai Amirul Mukminin, aku memandang begitu kerana aku melihat warna kulitmu berubah, tubuhmu kurus dan rambutmu kusut". Dia berkata, "Wahai Ibnu Ka`ab, lebih-lebih lagi jika kamu melihatku tiga hari selepas dikuburkan, ketika semut telah mencabut kedua mataku, dan keduanya jatuh di pipiku, hidung dan mulutku mengalirkan nanah. Tentu kamu akan lebih tidak mengenaliku." Sekarang, jangan hiraukan hal itu, maka ulangilah kepadaku hadith Ibnu Abbas dari Rasulullah s.a.w." (H.R. al-Hakim, 4, 300, no. 7706)

Manusia wajib memikirkan akhirat lebih daripada segala-galanya; bagaimana hidupnya akan berakhir? Apa yang akan ditemui dalam kehidupan di alam kubur? Di tingkat (*maqam*) manakah ia akan berada? Persoalan ini merupakan persoalan berkaitan dengan perkara ghaib dan tidak diketahui oleh manusia. Oleh itu, seumur hidup manusia perlu memaksimumkan tenaga agar mampu mengetahui rahsia yang berada di antara lampin (masa kelahiran)[23] hinggalah ke papan keranda (masa kematian). Manusia perlu memahami

23 *Qimath* (lampin) adalah pakaian anak yang baru lahir atau kain yang digunakan untuk membungkus bayi. Doktor Adam Aqin

hikmah kedatangannya ke dunia, seterusnya berangkat menuju ke alam akhirat. Manusia juga sentiasa berusaha untuk memecahkan teka-teki ini dan berusaha mencapai solusi yang abadi.

Pertamanya, manusia sentiasa merenung tentang kewujudannya yang fana. Hal ini kerana ia merupakan sesuatu yang pasti, seperti disebutkan oleh ayat berikut;

> *"Semua yang ada di bumi itu akan musnah."*
> (Q.S. ar-Rahman, 26)

Suatu hari akan datang hari yang tidak memiliki hari esok (hari akhir). Hari tersebut adalah hari yang tersembunyi dan tidak kita ketahui. Allah SWT berfirman:

> *"Dan (apabila sampai ajal seseorang) datanglah "Sakaratulmaut" membawa kebenaran (yang telah dijanjikan, serta dikatakan kepada yang mengingkarinya sebelum itu): "Inilah perkara yang engkau selalu mengelak diri daripadanya!" Dan lagi (apabila sampai saat yang ditentukan) ditiuplah sangkakala (untuk menghidupkan semula makhluk-makhluk yang telah mati); saat itu ialah hari berlakunya amaran yang telah diberikan."*
> (Q.S. Qaf, 19-20)

Setiap manusia yang lahir ke dunia ini melalui satu pintu, iaitu rahim ibunya. Lalu ia menjalani kehidupan di dunia yang merupakan tempat berlumba

dan persaingan yang sengit, penuh dengan emosi dan mengawal hawa nafsu mahupun rohaninya. Setelah menyeberangi perjalanan ini, akhirnya mereka kembali ke alam yang abadi melalui pintu kubur.

Dunia adalah sebuah rumah yang mempunyai dua pintu. Manusia datang dari satu pintu dan akan keluar dari pintu yang lain. Perkara ini terjadi semenjak Nabi Adam a.s. hingga sekarang. Lalu di mana mereka sekarang? Dan di mana kita akan berada beberapa waktu kemudian? Kita tidak tahu. Tetapi yang jelas dan pasti di sini adalah bahawa mati akan datang kepada orang yang zalim mahupun yang dizalimi, ahli ibadah mahupun orang yang fasik. Dan sekarang semuanya tengah menanti hari kiamat yang akan menjadi permulaan bagi kehidupan abadi.

Mari kita renungkan sejenak tentang bumi yang kita pijak, yang dipenuhi dengan berbilion jasad manusia yang telah mati dan berubah menjadi debu. Ia bagaikan bilion bayang-bayang yang saling bertindihan. Hari esok, kita juga akan dikuburkan bersama amalan kita di dalam tanah ini dan akan hancur dalam bayang-bayang tersebut. Setelah itu, perjalanan menuju kehidupan abadi yang tanpa penghujungnya akan bermula. Saat ini, kita perlu berhenti sekejap dan merenungkan betapa besar faedah yang akan dipetik oleh akal fikiran ketika masa yang akan datang berganti dengan keabadian yang tiada penghujungnya.

Tuhan kita telah memberitahu bahawa kehidupan dunia ini sangatlah pendek bila dibandingkan dengan kehidupan yang abadi. Dia berfirman:

> *"(Sangatlah dahsyatnya huru-hara hari itu, sehingga orang-orang yang bersalah merasa) pada masa melihatnya: seolah-olah mereka tidak tinggal di dunia melainkan sekadar satu petang atau paginya sahaja."* (Q.S. an-Nazi`at, 46)

Lihatlah bagaimana seorang penyair Turki, Asyiq Pasya, menjelaskan serta menyimpulkannya keadaan ini dalam kalimah berikut, "Umur kita sangatlah pendek, hanya sekejap sahaja, ketika datang dan berakhir sehingga tidak kita rasakan bagaikan burung yang bertenggek di dahan dan terbang lagi."

Jika umur ini begitu singkat, mengapakah manusia menghabiskan usianya untuk sesuatu yang tidak berguna dan bermanfaat?

Tafakur tentang Mati

Rasulullah s.a.w. menyuruh kita untuk banyak mengingati mati. Baginda bersabda: *"Banyak-banyaklah mengingati sesuatu yang menghancurkan kenikmatan."* (H.R. Turmudzi, az-Zuhd, 4)

Dalam hadith lain, baginda bersabda: *"Sungguh menghairankan orang yang percaya kepada negeri kehidupan, tetapi berjalan menuju negeri yang penuh*

penipuan." (H.R. al-Baihaqi, *Syu`abul Iman*, jilid 7, halaman 843, hadis no. 93501)

Ketika manusia berfikir bahawa hubungannya dengan dunia ini akan berakhir dan dia akan tinggal seorang diri bersama amalannya sama ada yang baik ataupun yang buruk, serta akan melihat amalannya yang lalu, maka sudah pasti dia akan menjauhi maksiat dan dosa serta lebih mencintai amal solehnya. Setelah itu dia jadikan tafakur dan kesedaran tentang mati sebagai perantaraan untuk hidup dengan istiqamah dan memperbaiki kehidupan akhiratnya.Disebabkan itu, dalam sebuah hadith, Rasulullah s.a.w. bersabda: "*Banyak-banyaklah mengingati mati kerana ia membersihkan dosa-dosa dan melahirkan sifat zuhud terhadap dunia. Jika kamu mengingatinya ketika kaya, maka mati menghancurkannya, dan jika kamu mengingatinya ketika miskin, maka ia membuatmu reda terhadap hidupmu.* (H.R. as-Suyuthi, *al-Jami` ash-Shaghir*, jilid 1, halaman 47)

Dalam hal yang sama, Rasulullah s.a.w. mendorong kita untuk berfikir tentang mati. Baginda bersabda: *"Aku telah melarangmu untuk ziarah kubur, tetapi Muhammad telah diizinkan untuk ziarah ke kubur ibunya, maka ziarahlah kamu, kerana ziarah itu mengingatkan akhirat."* (H.R. Turmudzi, *al-Jana'iz,* halaman 60)

Nabi s.a.w. juga bersabda: "*Malulah kepada Allah dengan sebenarnya."* Kemudian kami bertanya, "*Wahai Rasulullah kami sudah malu kepada Allah."* Baginda

bersabda, *"Bukan itu maksudnya, malu kepada Allah sebenar-sebenarnya adalah jika kamu menjaga kepala dan apa yang disedari, menjaga perut dan apa yang ada di dalamnya, mengingati mati dan bala. Dan sesiapa menghendaki akhirat, maka dia akan tinggalkan hiasan dunia. Sesiapa yang berbuat demikian, maka dia telah malu kepada Allah dengan sebenar-benarnya."* (H.R. Turmudzi, *al-Qiyamah*, halaman 24)

Baginda bersabda: *"Banyak-banyaklah mengingati mati, kerana setiap hamba yang banyak mengingati mati, Allah pasti menghidupkan hatinya dan memudahkannya dalam sakaratul maut."* (H.R. al-Hatsami, *az-Zawa'id*, jilid 10, halaman 325)

Dalam hadith yang lain disebutkan: *"Sesiapa yang merendahkan hatinya kerana Allah, maka Allah mengangkatnya. Sesiapa yang sombong, maka Allah merendahkannya. Sesiapa yang berjimat-cermat, maka Allah membuatnya kaya dan sesiapa yang banyak mengingati mati, maka Allah mencintainya."* (H.R. al-Haitsami, *Majma` az-Zawa'id*, 1, 526)

Dalam sebuah riwayat dikisahkan, "Seorang lelaki Anshar berjumpa Rasulullah SAW dan mengucapkan salam. Kemudian dia berkata, *"Wahai Rasulullah, mukmin manakah yang paling utama?"* Baginda menjawab, *"Yang paling baik akhlaknya."* Lelaki itu bertanya lagi, *"Mukmin manakah yang paling bijak?"* Baginda menjawab, *"Yang paling banyak mengingati mati, dan paling banyak bersiap sedia untuk kehidupan*

yang akan datang. Mereka adalah orang-orang yang bijak." (H.R. Ibnu Majah, *az-Zuhd,* 31)

Tafakur Para Sahabat tentang Mati

Suatu hari, Abu Bakar ash-Shiddiq berkhutbah dan berkata;

> *"Di manakah orang-orang yang tampan wajahnya yang membanggakan masa muda mereka. Di manakah para raja yang membangun kota-kota dan membentengnya dengan pagar-pagar tinggi dan kukuh. Di manakah mereka yang meraih kemenangan dalam peperangan? Mereka sudah lemah ketika di zaman tua. Dalam kubur mereka berteriak 'api-api…., tolong-tolong!!!"* (H.R. al-Baihaqi, *Syu`ab al- Iman*, jilid 7, halaman 463, no. 59501)

Sayyidah 'Aisyah bercerita: *"Aku ingat neraka lalu menangis. Maka Rasulullah s.a.w bertanya, 'Ada apa denganmu wahai 'Aisyah?'" 'Aisyah menjawab, "Aku teringat neraka hingga aku menangis. Apakah kita akan ingatkan keluarga pada hari kiamat?" Rasulullah s.a.w. menjawab, "Dalam tiga keadaan ini tidak ada seorang pun yang dapat mengingati orang lain. Pertama, sebelum dia tahu apakah timbangan amalannya ringan atau berat. Kedua, ketika dia menerima kitab catatan amal dan dikatakan "bacalah kitabmu," hingga dia tahu apakah kitab itu diterima dengan tangan kanan atau kiri, atau dari belakang. Ketiga, ketika di atas sirat,*

ketika berada di sisi neraka Jahanam yang diletakkan banyak anjing dan duri yang digunakan oleh Allah untuk menahan makhluk yang Dia kehendaki, hingga dia tahu apakah dirinya selamat atau tidak." (H.R. al-Hakim, *al-Mustadrak*, jilid 4, halaman 622, no. 8722)

Usaid bin Hudlair r.a. berkata, "*Seandainya aku berada dalam salah satu keadaan daripada tiga keadaan, maka aku pasti tergolong penduduk syurga. Aku tidak ragu perkara itu, iaitu; ketika mana aku baca al-Qur'an dan mendengarkannya, ketika mana aku mendengarkan khutbah Rasulullah SAW, dan ketika mana aku menyaksikan jenazah. Kerana setiap kali menyaksikan jenazah, maka tidak ada yang terlintas dalam hatiku kecuali apa yang akan terjadi dengannya dan ke mana ia pergi."* (H.R. Ahmad, jilid 4, halaman 351; al-Hakim, *al-Mustadrak*, jilid 3, halaman 326, no. 5260)

Hikmah Merenungkan Kematian

Sebuah hadits mengatakan: *"Cukuplah mati menjadi penasihat."* (H.R. al-Haitsami, *Majmu` az-Zawa'id*, jilid 10, halaman 308)

Mati mengandungi banyak pengajaran dan iktibar bagi orang yang mahu berfikir dan mengambil pengajaran. Asas penyakit spiritual (hati) adalah cinta kepada perkara-perkara dunia yang bersifat sementara seperti harta, pangkat dan kedudukan, kenikmatan hawa nafsu dan keterikatan hati kepada semua itu.

Cinta dunia menyebabkan manusia berhasad dengki, sombong, riyak dan rakus. Dan ubat yang paling mujarab untuk berlindung daripada akhlak yang tercela dan penyakit hati ini adalah merenungkan kematian, kubur dan keadaan di alam akhirat.

Tujuan dasar tasawuf adalah menjauhkan manusia daripada sikap sombong yang merebak ke dalam hati serta mengeluarkan cinta kepada dunia daripada hati. Jadi, tafakur tentang kematian menjadi prinsip dan dasar yang sangat disenangi dalam banyak tarekat sufi, untuk mewujudkan maksud dan tujuan tersebut. Wirid harian yang dibaca oleh muridnya adalah merangkumi renungan tentang mati selama lima hingga sepuluh detik.

Pada masa *Daulah Uthmaniyah*, banyak makam yang dibangunkan di tengah kota, sama ada di kanan atau kiri jalan dan di halaman-halaman masjid. Perkara ini bertujuan untuk memastikan manusia sentiasa mengingati mati.

Hasil daripada itu, dengan sering mengingati mati, memalingkan kesenangan syahwat dan melakukan persiapan untuk akhirat, akan menghindarkan diri seseorang individu daripada penyesalan yang tidak berakhir. Allah s.w.t. telah memberitahu kepada kita tentang penyesalan mendalam yang akan dirasakan oleh manusia ketika mereka bangun dan sedar daripada kepuasan dunia ketika menghadapi mati. Dia berfirman:

"Dan belanjakanlah (dermakanlah) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu sampai ajal maut kepadanya, (kalau tidak) maka dia (pada saat itu) akan merayu dengan katanya: " Wahai Tuhanku! Alangkah baiknya kalau Engkau lambatkan kedatangan ajal matiku - ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya aku dapat bersedekah dan dapat pula aku menjadi dari orang-orang yang soleh." (Q.S.al-Munafiqun, 10)

Jadi kita hendaklah menanamkan dalam diri kita setiap kali bangun, berjaga dan bekerja keras adalah bertujuan untuk bersiap sedia menghadapi kehidupan akhirat yang merupakan kehidupan yang kekal dan abadi. Agar kita tidak mengalami penyesalan yang begitu pahit dan menyakitkan.

Ketika menziarahi jenazah, al-Hassan al-Basri melihat seorang lelaki tua. Selepas menikmati makanan, al-Hassan bertanya kepada orang tua tersebut, "Wahai orang tua, dengan nama Tuhanmu aku bertanya kepadamu; apakah kamu menyangka bahawa mayat ini ingin dikembalikan ke dunia, lalu dia menyiapkan bekalan daripada amal soleh dan memohon ampun kepada Allah atas dosa-dosa yang lalu?" Orang tua itu menjawab, "Ya." Al-Hassan bertanya lagi, "Mengapa kita tidak seperti mayat ini?" Lalu dia pergi sambil berkata, "Nasihat ini akan berguna kalau hati ini

hidup, tetapi sudah tidak ada lagi kehidupan pada orang yang kau seru." (al-Hasan al-Basri, *az-Zuhd*, halaman 20)

Diriwayatkan juga daripada al-Hasan al-Basri: "Ada dua hari dan dua malam yang tidak pernah ada duanya. Satu malam pertama yang dialami oleh penghuni kubur, yang belum pernah dia alami sebelumnya; dan malam pada pagi harinya adalah hari kiamat. Satu hari ketika Allah memberikan berita gembira kepadamu, sama ada syurga atau neraka. Dan satu hari ketika buku catatan amalanmu diberikan, mungkin kau terima dengan tangan kanan dan mungkin juga dengan tangan kiri. (Abu al-Faraj ibn Abdur Rahman, *Ahwal al-Qabr*, halaman 154)

Mati adalah dugaan yang paling besar dan ujian yang paling berat bagi manusia. Tetapi ujian yang lebih buruk dan lebih besar lagi adalah jika kita hidup tanpa mengingati mati serta tidak pernah merenungkannya. Begitu juga ketika kita tidak mampu melakukan perbuatan yang membuat Allah reda dan layak bagi-Nya. Sedangkan manusia yang berakal adalah orang yang bersiap sedia untuk menghadapi mati sebelum dia mati dan mensucikan diri daripada akhlak yang buruk dan noda yang kotor.

Syeikh Sa'di Syirazi berkata, "Hai saudaraku, akhirnya nanti engkau akan menjadi tanah. Maka jadilah orang yang rendah hati seperti tanah sebelum kamu menjadi tanah."

Diriwayatkan dari Umar ibn al-Khattab, bahawa dia berkata, "Hisablah dirimu sebelum kamu dihisabkan dan berhiaslah untuk menghadapi pertunjukan yang Maha Besar. Hisab di hari kiamat itu hanya menjadi ringan bagi orang yang telah menghisab dirinya di dunia." (H.R. Turmudzi, *al-Qiyamah*, 25/2459)

Ketika tubuh kita yang fana ini dipusarakan di dalam kubur, maka anak-anak dan harta kita tetap tinggal di bumi. Mereka akan pulang ke rumah sedangkan kita akan berada di dalam kubur bersama dengan amalan kita. Dalam kubur tersebut, tubuh dan kafan kita akan menjadi tanah. Tetapi yang masih bersama kita hanyalah amal soleh.

Al-Imam al-Ghazali berkata, "Saat kematian, tidak ada yang masih bersama hamba kecuali tiga perkara. Pertama, jernihnya hati kerana suci dari noda-noda dunia. Seperti firman Allah s.w.t.:

قَدْ اَفْلَحَ مَنْ زَكّٰيهَا

"Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan)" (Q.S. asy-Syams, 9)

Kedua, damainya hati kerana zikrullah. Seperti firman-Nya:

اَلَا بِذِكْرِ اللّٰهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ

"(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah". Ketahuilah dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia." (Q.S. ar-Ra`d, 28)

Ketiga, kecintaan hati kepada Allah. Seperti firman-Nya:

قُلْ اِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللّٰهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللّٰهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللّٰهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ

"Katakanlah (wahai Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani." (Q.S. Ali Imran, 31)

Kejernihan dan kesucian hati itu tidak akan wujud melainkan dengan mencegah syahwat atau nafsu dunia. Kedamaian hati tidak akan wujud melainkan dengan banyak membaca dan membiasakan zikrullah. Cinta kepada Allah tidak akan lahir kecuali dengan ma'rifat. Dan ma'rifat ini tidak akan lahir kecuali dengan selalu berfikir dan merenung. Tiga sifat ini adalah penyelamat dan pemberi kebahagiaan dalam kehidupan setelah mati. (lihat: *Ihya' Ulumuddin*, jilid 3, halaman 387)

Jika manusia ingin membuat persiapan untuk menghadapi mati, maka mereka mestilah memulakan

dengan menganggap kematian sebagai perkara yang indah. Hanya golongan inilah yang tidak takut dan tidak bimbang terhadap kematian. Basyar ibn Harits berkata, "Tempat tinggal terbaik bagi orang yang taat kepada Allah s.w.t. adalah kubur." (Abu al-Faraj Abdur Rahman, *Ahwal al-Qubur*, halaman 155)

Dan alangkah indahnya kalimah Maulana Jalaluddin al-Rumi yang berkata, "Hai anakku, kematian setiap manusia itu sesuai dengan apa yang mereka sukai dan bentuk yang mereka kehendaki. Mati itu nampak seperti musuh yang menakutkan bagi orang yang memusuhi, menghindari dan benci kepadanya, tanpa mahu berfikir bahawa kematian adalah perantaraan yang membawa manusia untuk sampai kepada Allah s.w.t. Kematian juga kelihatan seperti sahabat bagi orang yang berteman dan mencintai kematian."

"Wahai kekasih yang takut dan khuatir terhadap kematian, jika kamu menghendaki kebenaran, janganlah takut kepada kematian, tetapi takutlah kepada dirimu sendiri."

Kerana apa yang kamu lihat dan kamu takuti dalam cermin kematian bukanlah wajah kematian itu sendiri. Itu adalah wajah keburukanmu sendiri. Ruhmu itu seperti pohon sedangkan mati adalah daun di atas pohon tersebut. Setiap daun sudah tentu sama jenis dengan pohonnya.

Kesimpulannya, kematian dan kehidupan kita dalam kubur yang akan berlanjutan sehingga ke hari kiamat itu merupakan kesudahan segala perbuatan dan keadaan kita di dunia.

Oleh sebab itu, banyak ayat al-Qur'an telah menjelaskan situasi kehidupan dunia mahupun akhirat. Dia menghendaki agar kita berfikir bahawa pengakhiran dunia adalah hilang dan suatu hari nanti ia akan musnah dan berakhir. Kita seharusnya menghindarkan diri daripada tipu daya dunia. Allah s.w.t. juga menyuruh kita agar berfikir bahawa hari demi hari, akhirat itu semakin mendekati kita. Akhirat adalah kehidupan yang abadi dan harus kita cintai dan cenderung kepadanya.

Atas sebab itu, sebelum mati setiap hamba hendaklah membersihkan diri daripada semua dosa dengan cara melakukan taubat dengan bersungguh-sungguh. Dia harus memperbaiki kekurangan dalam mentaati perintah Allah dan larangannya. Sekali lagi, dia harus mengembalikan hak kepada pemilik hak yang dia zalimi. Maknanya, kita harus meminta maaf kepada orang yang kita maki, tipu dan hina, pukul dengan tangan, atau kita berprasangka buruk dalam hati kepadanya. Sebelum mati, kita mesti menyucikan diri daripada semua hak dan hutang yang menjadi tanggungan kita.

Manusia yang lalai mungkin sahaja mendapat kegembiraan di dunia ketika memakan hak atau harta

orang lain. Namun pada masa yang akan datang, ketika timbangan keadilan ditegakkan mereka akan menyesal dan berdukacita. Ketika itu dikatakan kepadanya: "Engkau hina. Engkau lemah. Engkau miskin dan rugi. Di sini kamu tidak akan dikembalikan apa-apah hak. Tidak ada seorang pun yang akan menerima permintaan maafmu."

Semasa ajal semakin hampir, Khalifah Abdul Malik ibn Marwan, melihat seorang tukang cuci yang mengikatkan baju di tangannya, maka dia berkata: "Andai sahaja aku adalah seorang tukang cuci yang hari demi hari makan daripada hasil kerja sendiri dan sedikit pun tidak mengurus urusan dunia." (al-Imam al-Ghazali, *al-Ihya'*, jilid 4, halaman 411)

Di samping tafakur yang berterusan dan persiapan untuk menghadapi mati, kita juga tidak boleh berputus asa dari rahmat Allah s.w.t. Diceritakan dari Aqabah al-Bazzar, bahawa dia menceritakan, "Seorang Badwi melihat jenazah, lalu dia berkata, "Selamat jalan wahai jenazah." Lalu aku bertanya, "Untuk apa kamu ucapkan selamat?" Ia menjawab, "Bagaimana aku tidak mengucapkan selamat kepada orang yang diberangkatkan menuju kuarantin Sang Maha Dermawan lagi Maha Pemurah. Rumah-Nya agung dan keampunan-Nya besar." Dia berkata, "Aku seolah-olah tidak pernah mendengarkan ucapan tersebut melainkan pada waktu itu." (Abu al-Faraj, *Ahwal al-Qubur*, halaman 155)

Tafakkur Tentang al-Qur'an

Al-Qur'an al-Karim merupakan sebuah pintu besar yang terbuka bagi orang beriman, pemilik hati dan kesedaran untuk mendalami dunia tafakur. Al-Qur'an adalah cakerawala berfikir nan luas, lidah bumi dan langit. Al-Qur'an adalah gudang yang dipenuhi penjelasan dan penerangan berguna untuk santapan roh. Al-Qur'an adalah mukjizat bayani yang diberikan kepada manusia. Dalam tradisi Islam, sejak lebih daripada 1400 tahun yang lalu, ribuan kitāb malah lebih daripada itu ditulis berkaitan dengan al-Qur'an agar kita boleh memahami dan mendalami kitab ini serta memahami manusia dari dekat.

TAFAKUR TENTANG AL-QUR'AN

Manusia itu selalu cenderung untuk berfikir, tetapi dia perlu pembimbing untuk membebaskan akal fikirannya daripada belenggu hawa nafsu yang sempit dan mendorongnya menuju ke arah kebenaran dan kebaikan. Pembimbing yang paling dipercayai dan paling agung adalah al-Qur'an al-Karim, Kitab Allah yang Maha Mengetahui.

Al-Qur'an al-Karim adalah sebuah pintu besar yang terbuka bagi orang beriman, pemilik hati dan kesedaran untuk mendalami dunia perenungan. Al-Qur'an adalah cakerawala berfikir dan luas, lidah bumi dan langit. Al-Qur'an adalah gudang bagi segala sesuatu dan petunjuk yang tidak pernah habis penjelasannya; sumber makanan bagi roh. Al-Qur'an adalah m*ukjizat bayani* yang diberikan kepada manusia.

Al-Qur'an al-Karim merupakan penjelasan bagi manusia dan alam semesta. Umumnya alam, manusia dan al-Qur'an adalah tiga dunia yang saling berhubungan dan saling menjelaskan di antara satu

sama lain, dengan cara yang sangat indah. Sesiapa yang mendalami al-Qur'an, maka dia mampu membaca diri sendiri mahupun rahsia Tuhannya. Dia pun mula menterjemahkan halaman-halaman hikmah di dalam semesta, melihat banyak rahsia Ilahi dan dalam hatinya akan terbuka jendela-jendela untuk melihat perkara yang lain.

Al-Qur'an menjadi ubat bagi naluri dan keinginan hawa nafsu yang mendorong manusia kepada kehancuran kerohanian mereka. Al-Qur'an adalah perantaraan untuk menyelamatkan diri daripada kehinaan, kebodohan dan kerendahan moral yang membawa manusia ke taraf yang lebih rendah daripada binatang. Dalam al-Qur'an juga terdapat prosedur-prosedur yang perlu dipakai agar keadilan tidak berubah menjadi kezaliman. Oleh itu, ramuan terbaik untuk meraih kebahagiaan manusia dalam kehidupan dan segala keadaan hanya dapat ditemukan di dalam al-Qur'an al-Karim.

Allah s.w.t. Mengajarkan al-Qur'an kepada Kita

Anugerah dan rahmat Allah s.w.t. yang menjadi hadiah terbesar bagi manusia adalah al-Qur'an al-Karim. Ayat al-Qur'an menjelaskan :

"*(Tuhan) Yang Maha Pemurah serta melimpah-limpah rahmatNya. Dialah yang*

telah mengajarkan Al-Quran. Dialah yang telah menciptakan manusia, Dialah yang telah membolehkan manusia (bertutur) memberi dan menerima kenyataan." (Q.S. ar-Rahman: 1-4)

Allah s.w.t. telah mengajarkan al-Qur'an kepada manusia sebagai fenomena agung atas rahmat Ilahi. Dengan cara ini, Allah s.w.t. memberikan banyak rahsia dan hikmah kepada mereka. Dengan demikian, manusia wajib mempelajari al-Qur'an dan memahami isi kandungannya dalam bingkai ajaran Ilahi. Seterusnya, mereka hendaklah berusaha bersungguh-sungguh agar menjadikan al-Qur'an sebagai panduan hidup dalam setiap masa. Malah mereka juga berusaha menyampaikan al-Qur'an kepada seluruh umat manusia dengan sebaik-baiknya.

Semua Kitab Ditulis Kerana Satu Kitab

Dalam sejarah Islam, sejak lebih daripada 1400 tahun yang lalu, ribuan kitāb malah lebih daripada itu ditulis berkaitan dengan al-Qur'an agar kita boleh memahami dan mendalami kitab ini serta memahami manusia dari dekat. Ada ayat menyebutkan:

"Dan sekiranya segala pohon yang ada di bumi menjadi pena, dan segala lautan (menjadi tinta), dengan dibantu kepadanya tujuh lautan lagi sesudah itu, nescaya tidak akan habis Kalimah-

kalimah Allah itu ditulis. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana." (Q.S. Luqman, 27)

Di dalam al-Qur'an terkandung segala rahsia ilmu dan hikmah serta kunci kebahagiaan dunia mahupun akhirat. Al-Qur'an al-Karim itu selalu mendahului manusia sedangkan ilmu pengetahuan manusia datang kemudian selepasnya. Semua penemuan ilmiah ini menjadi pentafsir dan membenarkan fakta-fakta al-Qur'an al-Karim. Allah s.w.t. berfirman:

> "*Kami akan perlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di merata-rata tempat (dalam alam yang terbentang luas ini) dan pada diri mereka sendiri, sehingga ternyata jelas kepada mereka bahawa Al-Quran adalah benar. Belumkah ternyata kepada mereka kebenaran itu dan belumkah cukup (bagi mereka) bahawa Tuhanmu mengetahui dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu?"* (Q.S. Fushilat, 53)

Setiap kali dibuat penelitian dan pengkajian berkaitan al-Qur'an, maka tiap kali itulah muncul pelbagai perkara baru. Benarlah Rasulullah s.a.w. ketika bersabda: *"Kitab Allah itu mengandungi berita tentang apa yang terjadi sebelum kamu dan berita tentang apa yang akan terjadi selepas kamu, serta menjadi hakim di antara kamu. Ia adalah kata pemutus yang sebenarnya. Sesiapa yang meninggalkannya maka Allah akan membinasakannya. Sesiapa yang mencari petunjuk pada selain al-Qur'an, maka Allah akan menyesatkannya.*

Al-Qur'an adalah tali Allah yang kukuh. Dia adalah al-zikr al-hakim dan al-shirat al-mustaqim. Dia adalah kitab yang memastikan hawa nafsu tidak akan tersasar (deviate) . Para ulama tidak pernah berputus asa untuk mengkajinya, dan ia tidak diciptakan dalam keadaan kontroversi (controversy). Keajaibannya tidak pernah habis. Ia adalah kitab apabila jin mendengarnya, maka mereka berkata "Kami mendengar bacaan yang menakjubkan", "yang membawa kepada jalan yang lurus." Sesiapa yang mengucapkannya, maka dia seorang yang benar (jujur), sesiapa mengamalkannya, maka dia mendapat pahala, sesiapa menjadikannya sebagai sandaran dalam mengambil hukum, maka dia menjadi seorang yang adil, dan sesiapa menyeru kepadanya, maka dia diberi petunjuk menuju jalan yang lurus."
(H.R. Turmudzi, *Fadha'il al-Qur'an*, halaman 41)

Al-Qur'an Perlu Dibaca Sambil Berfikir dan Merenung

Para ulama Islam mengatakan bahawa tujuan membaca al-Qur'an adalah memikirkan makna dan hikmahnya serta mengamalkan perintahnya.

Tidak ada sesuatu yang lebih bermanfaat daripada membaca al-Qur'an al-Karim selain untuk memperkuatkan tafakur dan renungan manusia. Ini kerana al-Qur'an adalah Kalam Allah yang mengetahui semua keadaan manusia. Ertinya, al-Qur'an al-Karim ini meletakkan manusia di depan cermin hakikat dan

membuatnya dapat melihat diri sendiri dengan penuh kejujuran. Oleh sebab itu, seseorang mukmin mesti membaca al-Qur'an setiap masa dan ketika. Dan harus memikirkan dan merenungkan apa yang dimaksudkan oleh Allah s.w.t. dalam ayat-ayat yang dibacanya.

Dengan demikian, membaca satu ayat disertai dengan tafakur dan renungan adalah lebih baik daripada mengkhatamkan al-Qur'an tanpa tafakur dan renungan kerana ada rahsia yang tidak terhingga dalam setiap ayat al-Qur'an. Tetapi hanya orang yang banyak merenung yang memiliki hati yang lembut dan halus serta dihiasi dengan akhlak luhur dan amal soleh yang mampu melihat rahsia-rahsia tersebut.

Allah SWT berfirman:

> *"Ini ialah satu "surah" yang Kami turunkan, dan Kami wajibkan hukum-hukumnya, serta Kami turunkan padanya ayat-ayat keterangan yang nyata supaya kamu beringat (mengamalkannya).."* (Q.S. an-Nur, 1)

Dan firman-Nya:

> *"(Al-Quran ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), -Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar."* (Q.S. Shad, 29)

Dia juga berfirman:

"(Setelah diterangkan yang demikian) maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi Al-Quran? Atau telah wujud di atas hati mereka kunci penutup (yang menghalangnya daripada menerima ajaran Al-Quran)?" (Q.S. Muhammad, 24)

Suatu hari, Nabi Muhammad s.a.w. ditanya: "Siapakah orang yang memiliki suara yang paling baik untuk membaca al-Qur'an?" Baginda menjawab: *"Orang yang ketika membaca al-Qur'an akan merasa takut kepada Allah."* (*Sunan ad-Darimi, Fadha'il al-Qur'an*, halaman 34)

Membaca al-Qur'an adalah salah satu amalan yang paling mudah mendatangkan godaan syaitan. Ketika seorang Muslim membaca al-Qur'an, memikirkan janji dan ancamannya, dan merenungkan ayat-ayat yang terang, maka dia semakin rindu untuk beramal soleh. Bacaan al-Qur'an dengan cara ini juga menjadi faktor yang membuat amal soleh itu lebih ikhlas dan lebih baik (*ihsan*). Atas sebab itu, syaitan berusaha sekeras-kerasnya untuk memalingkan manusia daripada al-Qur'an. Oleh sebab itu, sebelum membaca al-Qur'an manusia diperintahkan untuk membaca *ta`awwudz* « أَعُوذُ بِاللهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ». Sesuai firman Allah s.w.t.:

"Oleh itu, apabila engkau membaca Al-Quran, maka hendaklah engkau terlebih dahulu) memohon perlindungan kepada Allah dari hasutan Syaitan yang kena rejam.." (Q.S. an-Nahl, 98)

Bagaimana Rasulullah s.a.w. Membaca al-Qur'an?

Dari Hudzaifah r.a. dia berkata, "Pada suatu malam, aku menunaikan solat bersama Nabi SAW, lalu beliau memulai bacaan dengan surah al-Baqarah. Maka berkata "dalam hati", "baginda akan ruku` pada ayat ke seratus", namun baginda meneruskan bacaan. Maka aku berkata, "baginda nanti ruku` pada ayat ke dua ratus", baginda tetap meneruskan bacaan." Aku pun berkata, "(mungkin) baginda membaca seluruh surah al-Baqarah dalam satu rakaat", namun baginda tetap meneruskan bacaan. Baginda mula membaca surah Ali Imran sehingga selesai, surah al-Nisa' sehingga selesai. Baginda membaca semuanya itu dengan bacaan *tartil*. Jika menemui ayat tasbih, maka baginda bertasbih. Jika menemui ayat permintaan, maka baginda meminta. Dan jika menemui bacaan *ta'awwudz*, maka baginda ber*ta`awwudz*, barulah baginda ruku' dan membaca, "Maha suci Tuhanku Yang Maha Agung."

Lamanya ruku' baginda sama ketika berdiri. Kemudian baginda bangun dan membaca, "Semoga Allah mendengar orang yang memuji-Nya." Lalu berdiri hampir sama lamanya dengan ruku'. Kemudian baginda sujud dan membaca, "Maha Suci Tuhanku

Yang Maha Tinggi." Dan lama sujudnya hampir sama dengan ruku'. (H.R. Muslim, *Shalah al-Musafirin*, 203; dan al-Nasa'i, *Qiyam al-Lail*, 25/1662)

Sesekali Rasulullah s.a.w. membaca suatu ayat dan mengulang-ulangnya sambil berfikir dan merendahkan diri kepada Allah sehingga terbit fajar. Dikisahkan dari Abu Dzar r.a., dia berkata: Nabi s.a.w. berdiri hingga ke pagi dengan membaca satu ayat, iaitu:

اِنْ تُعَذِّبْهُمْ فَاِنَّهُمْ عِبَادُكَۚ وَاِنْ تَغْفِرْ لَهُمْ
فَاِنَّكَ اَنْتَ الْعَزِيْزُ الْحَكِيْمُ

"*Jika Engkau seksa mereka, maka mereka adalah hamba-Mu, dan jika Engkau ampuni mereka, maka Engkau adalah Yang Maha kaya lagi Maha Bijaksana.* (H.R. an-Nasa'i, al-Iftitah, 79)

Dari Abdullah ibn Amr ibn Ash diriwayatkan bahwa Nabi s.a.w. membaca firman Allah dalam surah Ibrahim "*Ya Tuhanku, Sesungguhnya berhala-berhala itu telah menyesatkan kebanyakan daripada manusia, maka sesiapa yang mengikutiku, maka orang itu termasuk golonganku, dan sesiapa yang menderhakai aku, maka Engkau Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.*"

Dan ungkapan Isa a.s., "*Jika Engkau seksa mereka, maka mereka adalah hamba-Mu, dan jika Engkau*

ampuni mereka, maka Engkau adalah Yang Maha kaya lagi Maha Bijaksana."

Lalu baginda menadahkan kedua tangan dan berkata, "Ya Allah, umatku, umatku." Lalu baginda menangis. Maka Allah s.w.t. berfirman: *"Wahai Jibril, temuilah Muhammad –dan Tuhanmu Maha Mengetahui- dan bertanyalah apa yang membuatmu menangis?"* Jibril datang kepada baginda dan bertanya. Setelah dia sampaikan kepada Allah tentang apa yang baginda katakan, padahal Dia lebih mengetahui. Lalu Allah berfirman, *"Hai Jibril, pergilah menemui Muhammad dan katakan kepadanya, "Sesungguhnya Kami akan meredai umatmu dan tidak berbuat buruk kepadamu."* (H.R. Muslim, *al-Iman*, 346)

Jadi Rasulullah s.a.w. itu sangat lemah lembut dan penyayang kepada umatnya. Jika kita menyelami dan merenungi hadith ini, tentu kita benar-benar menghargai, menilai dan memperhatikan cinta tersebut. Kita seharusnya hidup mengikuti sunnahnya sebagai bukti cinta kita kepadanya.

Ibnu Mas`ud menceritakan, "Rasulullah s.a.w. bersabda kepadaku: *"Bacakan al-Qur'an kepadaku!"* Aku menjawab, "Patutkah aku membacakannya kepadamu, padahal ia diturunkan kepadamu?" Beliau menjawab, *"Aku senang untuk mendengarnya daripada orang lain."* Aku pun membacakan Surah al-Nisa' kepada beliau hingga sampai ayat "Maka bagaimanakah (halnya orang kafir nanti), apabila

Kami mendatangkan seseorang saksi (Rasul) daripada tiap-tiap umat dan Kami mendatangkan kamu (Muhammad) sebagai saksi atas mereka itu (sebagai umatmu)." Beliau bersabda, "*Berhentilah*", dan kedua mata baginda telah bergenang dengan air mata. (H.R. al-Bukhari, *at-Tafsir*, 4/9)

Dari Atha' diriwayatkan bahawa dia berkata, "Aku dan Ubaid ibn Umair menemui 'Aisyah r.a. Ibnu Umair berkata, "Ceritakan kepada kami tentang hal yang paling menakjubkan yang engkau lihat dari Rasulullah s.a.w."

Atha' berkata, "Lalu 'Aisyah terdiam, kemudian beliau berkata, "Pada suatu malam, baginda berkata: "*Wahai 'Aisyah, biarkan malam ini aku beribadah kepada Tuhanku*." Aku menjawab, "Demi Allah saya suka berhampiran denganmu dan suka kepada apa yang membahagiakanmu. 'Aisyah berkata, "Baginda kemudian bangun lalu bersuci dan mengerjakan solat. 'Aisyah berkata, baginda menangis dan terus menangis hingga pangkuannya basah dengan air mata. 'Aisyah berkata, kemudian baginda menangis dan terus menangis hingga janggutnya basah dengan air mata." 'Aisyah berkata, "Kemudian baginda menangis dan terus menangis hingga tanah menjadi basah. Kemudian Bilal datang untuk mengalunkan azan bagi solat Subuh. Ketika melihat Rasulullah s.a.w. menangis, maka beliau berkata, "Wahai Rasulullah mengapa engkau menangis padahal Allah telah mengampuni semua dosamu yang terdahulu mahupun yang akan datang?"

Baginda s.a.w. menjawab, "Tidak bolehkah aku menjadi hamba yang bersyukur kerana malam ini diturunkan kepadaku ayat tentang kecelakaan bagi orang yang membacanya tetapi tidak merenungkannya, iaitu:

> "*(iaitu) orang-orang yang mengingati Allah sambil berdiri atau duduk atau dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata): "Ya Tuhan Kami, Tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia, Maha suci Engkau, Maka peliharalah Kami dari seksa neraka.*" (H.R. Ibnu Hibban, *ash-Shahih*, Jilid 2, halaman 386; dan al-Alusi, *Ruh al-Ma'ani*, jilid 4, halaman 157)

Pada malam itu, ketika ayat-ayat tersebut diturunkan, Rasulullah s.a.w. menangis hingga ke pagi. Air matanya menitis seperti biji-biji mutiara yang berkilauan laksana bintang-bintang. Selain itu, air mata orang beriman yang mengalir ketika merenungkan tanda kekuasaan dan keagungan ilahi – kerana kelembutan dan kasih sayang Allah- akan menjadi hiasan bagi malam yang fana, penerang bagi kegelapan kubur dan menjadi embun pepohonan syurga.

Dalam hadith tentang keutamaan al-Qur'an al-Karim dan kewajiban membaca serta memikirkan dan merenungkan rahsia dan maknanya, Rasulullah SAW bersabda: *"Setiap kali suatu kaum berkumpul dalam satu rumah Allah, untuk membaca dan bertadarus al-Qur'an, maka mereka diberikan*

ketenangan, dinaungi rahmat, dikelilingi oleh para malaikat dan Allah menyebut-nyebut tentang mereka dihadapan malaikat yang ada di sisi-Nya." (H.R. Muslim, *adz-Dzikr*, 38; dan Abu Dawwud, *al-Witr*, 14/1455)

Dari Abdullah ibn Amr, diriwayatkan bahawa dia berkata, "Wahai Rasulullah, berapa lama saya boleh membaca dan mengkhatamkan al-Qur`an? Baginda menjawab, "*Dalam sebulan.*" Abu Musa pula berkata, "Saya mampu lebih daripada itu –Abu Musa mengatakan itu berkali-kali- dan meminta agar dapat dipercepatkan hingga baginda bersabda, "*Bacalah dalam tujuh hari.*" Lalu baginda berkata, "*Orang yang membacanya kurang daripada tiga hari, maka tidak akan memahaminya.*" (H.R. Abu Dawud, *al-Witr*, 8/1390, dan at-Turmudzi, *al-Qira'at*, 11/2949)

Rasulullah s.a.w. bersabda: *"Banyak orang yang hafal feqah, tetapi bukan ahli feqah. Sesiapa yang ilmunya tidak bermanfaat untuknya, maka akan memudaratkan dirinya. Bacalah al-Qur'an selagi ia membimbingmu, jika ia tidak membimbingmu, bererti kamu tidaklah membacanya.*" (H.R. al-Haitsami, 1, 481)

Bacaan al-Qur'an para Sahabat

Para sahabat banyak bertadabbur untuk memahami isi kandungan al-Qur'an al-Karim. Mereka membaca ayat-ayat al-Qur'an dan merenunginya

secara mendalam agar dapat menerapkannya dalam kehidupan. Ibnu Umar r.a. berkata:

"Umar belajar Surah al-Baqarah selama dua belas tahun dan ketika khatam al-Qur'an beliau menyembelih seekor kambing." (H.R. al-Qurtubi, jilid 1, halaman 40)

Malik bercerita bahawa beliau mendengar Abdullah ibn Umar mendalami surah al-Baqarah selama lapan tahun. (*al-Muwaththa'*, al-Qur'an, 11)

Pada waktu dahulu para sahabat melakukan hal sedemikian kerana mereka mengambil sepuluh ayat dari Rasulullah s.a.w. dan tidak tergesa-gesa untuk mengambil sepuluh ayat yang seterusnya sebelum mengetahui ilmu yang ada di dalamnya sekali gus mengamalkannya. Jadi mereka belajar ilmu sekali gus mengamalkannya. (al-Kattani, *at-Taratib*, jilid 2, halaman 191)

Suatu hari, seorang lelaki menemui Zaid ibn Tsabit dan bertanya, "Apa pendapatmu tentang membaca al-Qur'an dalam tujuh hari?" Zaid menjawab, "Baik, tetapi aku lebih suka membacanya dalam setengah bulan atau sepuluh hari. Kamu tanyalah kepadaku mengapa demikian?" Lelaki berkata, "Ya, mengapa?" Zaid berkata, "Supaya aku dapat merenungkan dan memahaminya." (H.R. Imam Malik, *al-Muwaththa'*, al-Qur'an, 4)

Abdullah ibn Mas`ud juga berkata, "Siapa yang menginginkan ilmu, maka hendaklah ia merenungkan[24] al-Qur'an, kerana di dalamnya terdapat ilmu orang-orang terdahulu mahupun orang-orang yang akan datang." (H.R. al-Haitsami, 7, 165; dan al-Baihaqi, *Syu`ab al-Im*an, jilid 2, halaman 331)

Sa`id ibn Manshur meriwayatkan dari al-Muthallib ibn Abdillah ibn Hanthab bahawa Rasulullah s.a.w. membaca potongan al-Qur'an di dalam satu majlis yang mana terdapat seorang Badwi, yang berbunyi "*Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)! Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)!.*"

Lelaki Badwi itu berkata, "Ya Rasulullah, apakah yang engkau maksudkan dengan seberat zarah?" Rasulullah menjawab, "*Ya.*" Lelaki Badwi itu berkata, "Alangkah buruknya." Lalu ia berdiri sambil berkata demikian. Maka Rasulullah s.a.w. bersabda: "*Iman telah memasuki ke dalam hati Badwi tersebut.*" (as-Suyuthi, *ad-Durr al-Mantsur*, jilid 8, halaman 595)

Bacaan al-Qur'an Para Wali Allah Yang Soleh

Al-Fudhail ibn `Iyadh berkata, "Al-Qur'an diturunkan untuk diamalkan, maka orang-orang

24 *Yatsuru*; merenungkan makna, tafsir dan bacaannya.

menjadikan bacaan al-Qur'an sebagai amalan." Lalu dia ditanya, "Bagaimana mengamalkannya?" Beliau menjawab, "mereka menghalalkan apa yang dihalalkan al-Qur'an, mereka haramkan apa yang diharamkan al-Qur'an, mereka ikuti perintahnya dan mereka jauhi larangannya serta memahami keajaiban-keajaibannya." (al-Khatib al-Baghdadi, *Iqtidha' al-`Ilm al-`Amal*, halaman 76)

Imam Syafi`i r.a. mengatakan bahawa terdapat banyak makna dalam setiap ayat al-Qur'an. Beliau berkata, "Sekiranya terdapat orang yang merenungi surah al-'Ashr, sudah tentu mencukupi untuknya" (Ibnu Katsir, al-'Ashr)

Al-Ashma`i seorang ulama besar meriwayatkan satu peristiwa yang terjadi tentang renungan terhadap al-Qur'an al-Karim. Dia berkata, "Seorang lelaki menemui Khalifah Hisyam ibn Abdul Malik. Khalifah berkata kepadanya, "Nasihatilah aku wahai Badwi.' Lelaki itu pun berkata, 'Cukuplah al-Qur'an menjadi penasihat. Aku berlindung kepada Allah Yang Maha Mendengar daripada godaan syaitan yang terkutuk. Dengan menyebut Nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang:

> "*Kecelakaan besar bagi orang-orang yang curang (dalam timbangan dan sukatan), Iaitu mereka yang apabila menerima sukatan (gantang cupak) dari orang lain mereka mengambilnya dengan cukup, dan (sebaliknya) apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain,*

mereka kurangi. Tidakkah mereka menyangka bahawa mereka akan dibangkitkan (hidup semula sesudah mati)? Pada hari (kiamat) yang amat besar (huru-haranya), Hari berdiri manusia untuk mengadap Tuhan sekalian alam??”

Kemudian lelaki itu berkata, “Wahai *amir al-mu’minin*, ini adalah balasan bagi orang yang mengurangkan timbangan. Lalu bagaimana pula balasan orang yang mengambil kesemuanya.” (Muhammad Shafwat, *Jamharah Khuthab al-`Arab*, jilid 3, halaman 243)

Muhammad Khadimi, seorang ulama Utsmaniyah yang masyhur, mengatakan, “Satu-satunya cara untuk keluar daripada pelbagai bala, musibah dan krisis adalah berpegang kepada al-Qur’an dan mengamalkannya dalam kehidupan. Oleh kerana itu, istiqamahlah dalam ibadah dan ketaatan. Ibadah dan taat yang paling utama adalah membaca al-Qur’an al-Karim disertakan dengan perenungan, adab dan bacaan yang baik. Ini adalah kerana membaca al-Qur’an dengan cara ini seakan-akan berkomunikasi dengan Allah s.w.t.” (lihat, al-Khadimi, *Majmu`ah ar-Rasa`il*, halaman 112, 194, 200)

Contoh-Contoh Tafakur Tentang Al-Qur’an

Tafakur tentang Ilmu Allah s.w.t.

Terdapat banyak ayat al-Qur’an yang menyeru kepada manusia untuk berfikir tentang ilmu Allah yang tiada terbatas. Allah s.w.t. berfirman:

"Dan pada sisi Allah jualah anak kunci perbendaharaan segala yang ghaib, tiada sesiapa yang mengetahuinya melainkan Dia sahaja; dan Dia mengetahui apa yang ada di darat dan di laut; dan tidak gugur sehelai daun pun melainkan Dia mengetahuinya, dan tidak gugur sebutir biji pun dalam kegelapan bumi dan tidak gugur yang basah dan yang kering, melainkan (semuanya) ada tertulis di dalam kitab (Lauh Mahfuz) yang terang nyata." (Q.S. al-An`am, 59)

Kesimpulannya, ketika membaca ayat-ayat tersebut, setiap mukmin perlu meluangkan masa untuk merenungkannya. Ini adalah kerana dia yakin bahawa Allah s.w.t. memiliki segala kunci alam ghaib (khazanah alam ghaib). Allah s.w.t. mengetahui segala perkara yang menyeluruh (kulli) mahupun sebahagian (juz`i). Segala apa yang kita ketahui tidak akan pernah sama sekali mencapai ilmu-Nya. Allah s.w.t. mengetahui segala yang ada di daratan seperti tumbuh-tumbuhan, binatang ternakan, batu-batan, tanah dan sebagainya. Juga segala apa yang terdapat di laut seperti binatang, batu-batu berharga dan sebagainya. Ilmu Allah s.w.t. juga meliputi diri kita dan segala yang disediakan untuk kepentingan kita. Dia mengetahui segala-galanya.

Allah s.w.t sudah mengetahui bila daun akan jatuh, di mana dan berapa kali berpusing di udara serta bagaimana daun itu berbolak-balik hingga jatuh

di tanah. Dia mengetahui apa yang belum ada apakah ia akan ada atau tidak? Mengetahui apa yang akan ada, bagaimana ia akan ada? Termasuk juga apa yang tidak ada bagaimana jika ada? Ertinya Allah s.w.t. adalah Yang Maha Mengetahui segala sesuatu. Semua ilmu manusia tidak ada di hujung jari pun dibandingkan dengan ilmu Allah s.w.t. Hanya Allah s.w.t., Zat yang memiliki kunci-kunci keghaiban tersebut dan tidak ada yang melihatnya selain daripada Dia.[25]

Sayyid Quthb juga telah membahaskan tentang ilmu Allah s.w.t. ketika mentafsirkan ayat tersebut. Dia mengatakan, "Imaginasi manusia mesti berlandaskan nas untuk mencari cakerawala yang diketahui mahupun yang tidak diketahui, dan alam ghaib atau alam yang nyata. Dia mengikuti bayang-bayang Allah s.w.t. di semua sudut alam semesta yang luas dan di sebalik batas-batas alam semesta yang nyata. Hati akan gementar ketika melihat bentuk dan pemandangan dari segala arah. Dia memakai atau berusaha memakai tabir-tabir keghaiban yang disimpan, baik di masa lalu, sekarang, mahupun yang akan datang. Tirai-tirai yang kuno, luas dan dalam. Semua kuncinya ada di tangan Allah s.w.t., tidak ada yang mengetahui selain Dia.

Manusia berjalan dalam menempuh misteri di daratan mahupun keghaiban di lautan yang semuanya

25 Lihat, Abu Hayyan, Tafsir al-Bahr al-Muhith; Tafsir Surah al-An`am, ayat 59.

terbuka bagi ilmu Allah s.w.t. Dia memperhatikan daun-daun yang jatuh daripada pohon tetapi tidak mampu menghitungnya. Sedangkan Allah s.w.t. melihat setiap daun yang jatuh. Dia melihat setiap biji yang tertanam dalam kegelapan tanah. Ia mengawasi segala yang basah mahupun yang kering dalam semesta yang luas ini, tidak ada yang keluar dari ilmu Allah s.w.t. yang Maha Luas. Ini semua adalah satu perjalanan yang memeningkan kepala dan memenatkan fikiran. Perjalanan yang sangat jauh yang membuatkan imaginasi manusia tidak mampu menggambarkannya. Tetapi, di dalam al-Qur'an semuanya digambarkan dengan terperinci, sempurna dan menyeluruh hanya dalam beberapa kata. Ini pastinya mukjizat. (Sayyid Quthb, azh-Zhilal, jilid 2, halaman 1111-1113, Q.S. Al-An`am: 59)

Setiap kali merenung tentang al-Qur'an dan alam semesta dengan cara tersebut, maka manusia mengetahui bahawa setiap langkahnya menunjukkan ilmu Allah s.w.t. Tetapi orang-orang yang tidak mahu berfikir, maka ia akan terperangkap dalam kehidupan hawa nafsu yang hina dan tidak mampu melihat rahsia-rahsia dan hikmah Ilahi.

Sa'di asy-Syirazi mengatakan: "Dalam setiap pandangan orang yang berakal, setiap daun yang hijau adalah *diwan* (perpustakaan) untuk mengenal Allah s.w.t. sedangkan bagi orang-orang yang lalai, seluruh pohon tidak senilai dengan satu daun pun."

Dalam ayat yang lain, Allah SWT berfirman:

"Dia mengetahui apa yang masuk ke bumi serta apa yang keluar daripadanya, dan apa yang turun dari langit serta apa yang naik kepadanya; dan Dia lah jua yang Maha Mengasihani, lagi Maha Pengampun." (Q.S. Saba', 2)

Ketika membaca ayat yang terungkap di atas, maka manusia merasakan bahawa di hadapan terlalu banyak benda, gerak, ukuran, bentuk, gambar, konsep dan keadaan yang tidak dapat dibayangkan. Seandainya seluruh penduduk bumi ini mewakafkan seluruh hidup mereka untuk mengikuti dan menghitung apa yang disebut oleh satu ayat al-Qur'an dan yang terjadi dalam satu detik tentu mereka tidak akan mampu mengikuti dan menghitungnya secara pasti.

Berapa banyakkah perkara yang masuk ke dalam bumi dalam satu detik ini? Berapa banyakkah perkara yang keluar dari bumi dalam satu detik ini? Berapa banyakkah perkara yang turun dari langit dalam satu detik ini? Berapa banyakkah perkara yang naik ke langit dalam satu detik ini? Berapa banyakkah perkara yang masuk ke dalam bumi? Berapa banyakkah biji yang tersembunyi atau tertutup dalam ruang-ruang bumi? Berapa banyakkah ulat, serangga, binatang dan reptilia yang masuk dalam sudut-sudut bumi ini? Berapa banyakkah titisan air, atom gas dan cahaya elektrik yang melimpah di segala sudut bumi yang luas? Berapa dan berapa banyakkah perkara yang masuk ke bumi, sementara kekuasaan Allah SWT

selalu mengawasi dan tidak pernah tidur? Berapa banyakkah yang keluar daripadanya? Dan berapa banyakkah tumbuhan yang merekah?

Allah s.w.t. berfirman:

"Masihkah mereka berdegil dan tidak memperhatikan bumi, berapa banyak kami tumbuhkan padanya dari berbagai jenis tanaman yang memberi banyak manfaat?" (Q.S. asy-Syu`ara', 7)

Dan ayat berikut:

(Kalaulah dia tidak memikirkan asal dan kesudahan dirinya), maka hendaklah manusia melihat kepada makanannya (bagaimana kami mentadbirkannya): Sesungguhnya kami telah mencurahkan hujan dengan curahan yang menakjubkan. Kemudian kami belah-belahkan bumi dengan belahan yang sesuai dengan tumbuh-tumbuhan, - Lalu Kami tumbuhkan pada bumi biji-bijian, dan buah anggur serta sayur-sayuran, dan Zaitun serta pohon-pohon kurma, dan taman-taman yang menghijau subur, dan berbagai buah-buahan serta bermacam-macam rumput, -Untuk kegunaan kamu dan binatang-binatang ternak kamu." (Q.S. Abasa: 24-32; lihat juga: Qaf, 7-11)

Berapa banyakkah mata air yang memancar? Berapa banyakkah gunung berapi yang meletus? Berapa banyakkah gas yang melantun ke udara? Berapa banyakkah benda-benda tersembunyi yang

terungkap? Berapa banyakkah serangga yang keluar dari rumahnya yang tersembunyi? Berapa dan berapa banyakkah sesuatu yang dilihat mahupun yang tidak dilihat yang diketahui oleh manusia dan yang tidak diketahui? Berapa banyakkah yang turun dari langit? Berapa banyakkah titisan air hujan? Berapa banyakkah api yang menyala? Berapa banyakkah sinar yang membakar? Berapa banyakkah cahaya yang menerangi?

Berapa banyakkah *qadha'* yang terjadi dan *qadar* yang ditentukan? Berapa banyakkah rahmat yang meliputi semua makhluk dan rahmat yang khusus bagi sebahagian hamba? Berapa banyakkah rezeki yang dimudahkan Allah s.w.t. kepada siapa yang Dia kehendaki dan berapa banyakkah yang disempitkan? Berapa dan berapa banyakkah perkara yang tidak ada yang dapat menghitung kecuali Allah s.w.t.?

Berapa banyakkah benda yang naik ke langit? Berapa banyakkah jiwa yang naik sama ada tumbuhan, binatang, manusia ataupun makhluk lain yang tidak diketahui oleh manusia? Berapa banyakkah doa kepada Allah s.w.t. secara jelas mahupun secara tersirat tidak ada yang mendengarnya selain Allah s.w.t.?

Berapa banyakkah ruh makhluk yang mati, sama ada yang kita ketahui mahupun tidak? Berapa banyakkah malaikat yang naik dengan membawa perintah daripada Allah s.w.t., berapa banyakkah

kehidupan dalam kerajaan (alam) ini dimana tidak ada yang mengetahuinya selain Allah s.w.t.

Kemudian berapa banyakkah titisan wap yang naik daripada laut, atom gas yang naik dari tubuh? Berapa dan berapa banyakkah yang tidak ada yang mengetahui selain Dia?

Berapa banyakkah peristiwa dalam satu detik? Di manakah ilmu dan hitungan manusia terhadap apa yang terjadi dalam satu detik ini, walaupun mereka menghabiskan usianya yang panjang untuk menghitung? Ilmu Allah s.w.t. begitu banyak dan menyeluruh. Meliputi segalanya dalam segala ruang dan waktu. Semua hati dan segala niat mahupun fikiran yang ada di dalamnya, juga segala gerak dan kakunya, semuanya diketahui oleh Allah s.w.t. Tetapi Dia (sendiri) tetap mengampunkan hamba-Nya kerana Dia Maha Pengasih lagi Maha Pengampun. (Sayyid Quthb, azh-Zhilal, jilid 5, halaman 2891-2892)

Surah al-Waqi'ah

Setiap surah dan ayat di dalam al-Qur'an hendaklah difikirkan dan direnungkan secara mendalam. Sebagai contoh, kita akan memahami beberapa ayat yang termaktub dalam surah al-Waqi'ah, al-Nahl dan al-Rum.

Pada permulaan surah al-Waqi'ah, Allah s.w.t. mengingatkan kita akan kebesaran dan kedahsyatan

hari kiamat. Dia menjelaskan bahawa pada hari itu, Dia akan mengangkat darjat sebahagian kaum dan merendahkan kaum yang lain. Dia menjelaskan bahawa setelah dihisab, maka manusia akan dibahagikan kepada tiga golongan.

Allah s.w.t. menggambarkan keindahan dan kemurahan yang tiada duanya dan akan diraih oleh hamba-hamba-Nya yang soleh di mana diberikan catatan amalan dengan tangan kanan.

Allah s.w.t. menggambarkan akibat dan kesengsaraan orang-orang yang menerima kitab dengan tangan kiri serta kadar azab yang menanti mereka. Allah s.w.t. mengingatkan hamba-hamba-Nya daripada dosa-dosa dengan kalimah-kalimah yang sangat mengerikan.

Setelah itu, Dia mengingatkan para hamba-Nya dengan menyeru mereka untuk berfikir sehingga tidak terjerumus ke dalam keadaan yang menyakitkan dan memilukan itu. Dia berfirman:

> *"Kamilah yang telah menciptakan kamu (dari tiada kepada ada - wahai golongan yang ingkar), maka ada baiknya kalau kamu percaya (akan kebangkitan kamu hidup semula pada hari kiamat). (Mengapa kamu masih berdegil?) Tidakkah kamu memikirkan keadaan air mani yang kamu pancarkan (ke dalam rahim)? Adakah*

kamu yang menciptakannya atau Kami yang menciptakannya?" (Q.S. al-Waqi'ah, 57-59)

Jadi alangkah besarnya ciptaan Allah s.w.t. yang telah menjadikan manusia daripada air yang hina, menjadi tubuh yang dihiasi dengan pelbagai sistem dan aturan kerja yang sangat teliti, seimbang dan saling melengkapi.

Kematian dan Kebangkitan

Allah s.w.t. berfirman:

"Kamilah yang menentukan (dan menetapkan masa) kematian (tiap-tiap seorang) di antara kamu, dan Kami tidak sekali-kali dapat dikalahkan atau dilemahkan; (Bahkan Kami berkuasa) menggantikan (kamu dengan) orang-orang yang serupa kamu (tetapi tidak seperti bawaan kamu), dan berkuasa menciptakan kamu dalam bentuk kejadian yang kamu tidak mengetahuinya. (Q.S. al-Waqi`ah, 60-61)

Betapa agungnya hakikat kematian. Tidak terdapat seorang pun yang mampu untuk menghindari kematian. Jika Allah s.w.t. menghendaki, maka sudah tentu Dia hancurkan orang-orang yang ingkar lalu menciptakan masyarakat yang lebih baik dan lebih beriman. Allah s.w.t. berfirman:

"Dan demi sesungguhnya, kamu telah sedia mengetahui tentang ciptaan diri kamu kali pertama,

maka ada baiknya kalau kamu mengambil ingatan (bahawa Allah yang telah menciptakan kamu dari tiada kepada ada, berkuasa membangkitkan kamu hidup semula pada hari akhirat kelak)" (Q.S. al-Waqi`ah, 62)

Allah s.w.t. yang telah menciptakan makhluk pertama dan menjadikannya dalam bentuk yang paling baik dan paling sempurna, sudah pasti berkuasa untuk mengembalikan manusia lagi kepada bentuknya semula. Dengan demikian, kita harus memikirkan persoalan ini, bersiap-siap untuk akhirat dan kebangkitan setelah mati.

Benih dan Tumbuhan

Allah s.w.t. berfirman:

"Maka (mengapa kamu masih berdegil?) Tidakkah kamu melihat apa yang kamu tanam? Kamukah yang menumbuhkannya atau Kami yang menumbuhkannya? Kalau Kami kehendaki, sudah tentu Kami akan jadikan tanaman itu kering hancur (sebelum ia berbuah), maka dengan itu tinggallah kamu dalam keadaan hairan dan menyesal, (Sambil berkata): "Sesungguhnya kami menanggung kerugian,bahkan kami hampa (dari mendapat sebarang hasil)" (Q.S. al-Waqi`ah, 63-67)

Jadi kita seharusnya merenung tentang tanaman, pepohonan dan tumbuhan yang ada di sekitar kita.

Menyaksikan dengan penuh kagum, hairan dan takjub terhadap ciptaan dan nikmat-nikmat Allah s.w.t. iaitu nikmat-nikmat yang seandainya tidak diberikan dan tidak dianugerahkan Allah s.w.t. kepada manusia, maka sia-sialah semua usaha dan kerja manusia.

Bahkan tidak layak untuk menanam sebatang rumput pun. Seterusnya, kita harus berfikir seandainya semua penghijauan yang ada di sekitar kita ini berubah menjadi padang yang tandus, maka pasti hidup ini menjadi gelap dan muram.

Air Tawar

Allah s.w.t. berfirman:

"Selain dari itu, tidakkah kamu melihat air yang kamu minum? Kamukah yang menurunkannya dari awan (sebagai hujan), atau Kami yang menurunkannya? Kalau Kami kehendaki, Kami akan jadikan dia masin, maka ada baiknya kalau kamu bersyukur." (Q.S. al-Waqi`ah, 68-70)

Air tawar yang turun dari langit adalah bentuk kemurahan dan pemberian Allah s.w.t. yang besar. Seandainya air ini turun dari langit dengan rasa masin, maka siapa yang mampu mengubahnya menjadi tawar. Atau jika berlaku kekeringan, maka siapakah yang mampu menciptakan mendung yang tebal dan menurunkan air dari langit?

Api

Firman Allah s.w.t. dalam al-Qur'an:

"Akhirnya, tidakkah kamu melihat api yang kamu nyalakan (dengan cara digesek)? Kamukah yang menumbuhkan pokok kayunya, atau Kami yang menumbuhkannya? Kami jadikan api (yang tercetus dari kayu basah) itu sebagai peringatan (bagi orang-orang yang lalaikan kebenaran hari akhirat) dan sebagai benda yang memberi kesenangan kepada orang-orang musafir." (Q.S. al-Waqi`ah, 71-73)

Kita wajib memikirkan tentang siapa yang menciptakan api yang begitu banyak manfaatnya bagi kehidupan manusia. Kita wajib berfikir tentang siapa yang telah menciptakan pokok-pokok yang kita bakar dan kita manfaatkan untuk pelbagai keperluan?

Kita hendaklah melihat kekuasaan Allah s.w.t. yang telah mengeluarkan api daripada pohon yang hijau. Kita seharusnya berfikir tentang fizikal api tersebut, bagaimanakah ia menyala dan bagaimana ia membakar?

Orang-orang yang berjalan di padang pasir yang tandus, berlindung kepada api ketika malam menjadi gelap dan sangat sejuk. Api merupakan alat yang diperlukan oleh para musafir untuk memanaskan tubuh, menerangi jalan dan memasak makanan. Semua manusia memerlukan api kerana hidup tanpa

api merupakan hidup yang sangat sukar bahkan mustahil.

Oleh yang demikian, api itu sendiri adalah mukjizat di samping merupakan keperluan mutlak sama halnya dengan air, udara dan tanah. Sehubungan dengan itu, Rasulullah s.a.w. ada bersabda: *"Orang Islam itu terikat dengan tiga hal; air, rumput dan api."* (H.R. Abu Dawud, *al-Buy*u`, halaman 60, hadith no. 3477)

Dari sudut yang lain, jika kita melihat kepada api dunia, maka kita hendaklah mengingati akan neraka Jahanam. Satu peringatan yang sangat menakutkan dan menggerunkan. Sekiranya kita berfikir tentang apa yang ada di dalam perut bumi seperti sulfur dan lahar yang mengalir, manakala di atas kita, matahari yang mempunyai bola api yang besar, namun tetap kita dapat hidup dengan tenang dan selamat di antara dua api tersebut. Walaupun kita bersyukur kepada Allah s.w.t. atas rahmat dan kasih sayang-Nya, namun syukur yang kita panjatkan itu terlalu sedikit dan tidak memadai.

Jadi untuk menghadapi semua nikmat ini, manusia harus memperbanyakkan bertasbih kepada Allah s.w.t. Dia berfirman:

> *"Oleh yang demikian - (wahai orang yang lalai) - bertasbihlah dengan memuji nama Tuhanmu Yang Maha Besar (sebagai bersyukur akan nikmat-nikmat-Nya itu)."* (Q.S.al-Waqi`ah, 74)

Lidah kita perlu sentiasa memuji Allah s.w.t dengan berzikir, membaca al-Qur'an dan menyampaikan kalam-Nya. Hati kita perlu sentiasa mengingati Allah s.w.t. dengan bersyukur dan tenggelam dalam perasaan ini. Sementara anggota badan pula perlu bertasbih dengan mendirikan solat, puasa dan melakukan ibadah-ibadah wajib yang lain mahupun ibadah sunat.

Bintang-Bintang

Allah s.w.t. berfirman:

> *"Aku bersumpah dengan tempat beredarnya bintang-bintang. Sesungguhnya sumpah itu adalah sumpah yang besar kalau kamu mengetahui."* (Q.S. al-Waqi`ah, 75-76)

Keagungan Ilahi yang tiada terbatas membawa kepada renungan tentang Allah s.w.t. dalam cakerawala yang tidak terbatas. Langit yang begitu luas sama seperti dengan lautan yang tidak bertepi.

Dalam ayat yang dinyatakan di atas, perhatian kita difokuskan untuk melihat waktu malam dan bangun (*tahajjud*) malam bermula setelah bintang-bintang tidak kelihatan di langit. Selain daripada itu, wahyu yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. digunakan oleh Allah s.w.t. sebagai ayat sumpah mengenai *najman* (bintang-bintang).

Al-Qur'an al-Karim

Allah s.w.t. berfirman:

"Bahawa sesungguhnya (yang dibacakan kepada kamu) itu ialah Al-Quran yang mulia, (yang sentiasa memberi ajaran dan pimpinan), Yang tersimpan dalam Kitab yang cukup terpelihara, Yang tidak disentuh melainkan oleh makhluk-makhluk yang diakui bersih suci." (Q.S. al-Waqi`ah, 77-79)

Kita sepatutnya mengagungkan al-Qur'an al-Karim dan menunjukkan rasa hormat kita kepada al-Qur'an. Oleh itu, kita dilarang menyentuh al-Qur'an tanpa berwuduk. Apabila seseorang tidak mempunyai wuduk maka dia tidak boleh menyentuh al-Qur'an walaupun dilapis dengan beberapa pakaian sekalipun.

Imam Malik berkata, "seseorang itu tidak boleh membawa al-Qur'an dengan menggantung atau diletakkan di atas bantal kecuali jika dia berwuduk. Seandainya hal sedemikian dibenarkan, sudah tentu mushaf ini boleh dibawa dalam bungkusan. Membawa mushaf itu tidaklah makruh bagi orang yang ada di tangannya sesuatu yang dapat mengotori mushaf, tetapi makruh adalah disebabkan membawanya dalam keadaan tidak berwuduk. Hal ini bertujuan untuk memuliakan dan mengagungkan al-Qur'an. Melakukan perbuatan yang bertentangan dengan kehormatan dan keagungan al-Qur'an adalah satu

bentuk kelalaian yang besar. Alasannya, Allah s.w.t. telah berfirman:

> *"Bahawa sesungguhnya (yang dibacakan kepada kamu) itu ialah Al-Quran yang mulia, (yang sentiasa memberi ajaran dan pimpinan), Yang tersimpan dalam Kitab yang cukup terpelihara, Yang tidak disentuh melainkan oleh makhluk-makhluk yang diakui bersih suci; Al-Quran itu diturunkan dari Allah Tuhan sekalian alam. Patutkah kamu (wahai golongan yang kufur ingkar) bersikap sambil lewa terhadap keterangan-keterangan Al-Quran ini? Dan kamu jadikan sikap kamu mendustakannya (sebagai ganti) bahagian dan nasib kamu (menerima dan bersyukur akan ajarannya)?"* (Q.S. al-Waqi`ah, 80-82)

Penurunan al-Qur'an adalah salah satu nikmat terbesar yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t. kepada kita. Mensyukuri nikmat ini diaplikasikan dengan menyedari keindahannya dan kesesuaian tuntutannya.

Kematian

Allah s.w.t. berfirman:

> *"Kenapa tidak kamu kembalikan nyawa itu, ketika ia telah sampai pada had kerongkong? Padahal waktu itu, kamu ada melihat* (Q.S. al-Waqi`ah, 83-84)

Ertinya ketika ajal manusia datang, maka tidak ada seorang pun mampu mengembalikan roh ataupun berbuat sesuatu.

Ayat-ayat di atas dilanjutkan dengan kalimat:

> *"Dan Kami lebih dekat kepadanya daripada kamu, tetapi kamu tidak melihat, Maka bukankah elok kalau kamu orang-orang yang tidak dikuasai (dan tidak tunduk kepada kekuasaan Kami), - Kamu kembalikanlah roh itu (kepada keadaan sebelumnya) jika betul kamu orang-orang yang benar ?"* (Q.S. al-Waqi`ah, 85-87)

Demikianlah kekuasaan Allah s.w.t. dan kelemahan upaya manusia. Seluruh manusia akan tunduk dan patuh secara terpaksa dan tidak berdaya terhadap keputusan Ilahi. Bahkan mereka yang sombong dan ingkar dengan perintah Allah s.w.t. serta hidup mengikut kehendaknya sendiri, tidak akan sanggup berbicara untuk menentang saat-saat kedatangan ajal itu. Orang yang mampu mencampakkan hijab kelalaian yang tidak terbatas, maka dia mampu seketika untuk mengetahui bahawa hanya Allah s.w.t. yang memiliki kekuasaan dan kekuatan sejati di alam semesta ini.

Tiga Keadaan Mayat

1. Tergolong dalam kalangan orang-orang yang mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. (*muqarrabun*), seperti yang disebutkan oleh ayat berikut:

"Kesudahannya: jika ia (yang mati itu) dari orang-orang " Muqarrabiin ". maka (ia akan beroleh) rehat kesenangan, dan rahmat kesegaran, serta syurga kenikmatan." (Q.S. al-Waqi`ah, 88-89).

2. Tergolong dalam kelompok golongan kanan (*ashabul yamin*), seperti yang disebutkan oleh ayat berikut:

"Dan jika ia dari puak kanan, Maka (akan dikatakan kepadanya):" Selamat sejahtera kepadamu, (kerana engkau) dari puak kanan." (Q.S. al-Waqi`ah, 90-91)

3. Tergolong dalam kalangan pendusta, sesat, kafir atau Muslimin yang derhaka dan pembuat dosa seperti yang disebutkan oleh ayat berikut:

"Dan jika ia dari (puak kiri) yang mendustakan (Rasulnya), lagi sesat, Maka sambutan yang disediakan baginya adalah dari air panas yang menggelegak, Serta bakaran api neraka." (Q.S. al-Waqi`ah,, 92-94)

Kemudian Allah SWT menutup surah ini dengan kalimah:

"Sesungguhnya (segala yang disebutkan) itu adalah kebenaran yang diyakini. Oleh itu, bertasbihlah dengan memuji nama Tuhanmu Yang Maha Besar." (Q.S. al-Waqi`ah, 95-96)

Surah al-Naml

Allah s.w.t. Tuhan Yang Maha Mengetahui atas segala sesuatu telah menjelaskan bahawa Dia-lah yang menurunkan al-Qur'an al-Karim. Surah al-Naml menceritakan tentang kekuasaan Allah s.w.t. serta ketinggian darjat-Nya. Ia berbicara tentang pelbagai mukjizat yang dianugerahkan Allah s.w.t. kepada Rasulullah s.a.w. Surah ini menjelaskan bahawa Allah s.w.t. Maha Tinggi yang mengatasi segala gambaran atau imaginasi manusia. Dan Rasul s.a.w. diutuskan merupakan berita gembira dan perantaraan untuk meningkatkan dan mengembangkan nilai kemanusiaan.

Dalam menjelaskan persoalan ini, maka surah al-Naml menyebutkan beberapa kisah para Nabi Allah s.w.t. seperti Nabi Musa, Nabi Daud, Nabi Sulaiman, Nabi Soleh, dan Nabi Luth a.s. Kisah-kisah tersebut merupakan dalil naqli yang menjelaskan tentang kekuasaan dan kesempurnaan Allah s.w.t. Dan ketika orang-orang musyrik tidak mempercayai para rasul itu, maka Allah s.w.t. mendatangkan dalil-dalil naqli yang lebih jelas dan lebih umum. Di antara dalil-dalil itu adalah ayat berikut:

> *"Bahkan siapakah yang telah mencipta langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit untuk kamu? Lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu tanaman kebun-kebun (yang menghijau subur) dengan indahnya, yang kamu tidak dapat dan*

tidak berkuasa menumbuhkan pohon-pohonnya. Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? (Tidak!) bahkan mereka (yang musyrik itu) adalah kaum yang menyeleweng dari kebenaran (tauhid)." (Q.S. an-Naml, 60)

Selesai sahaja Rasulullah s.a.w membaca ayat di atas, maka baginda bersabda, *"Tetapi Allah s.w.t. itu lebih baik, lebih bijaksana dan lebih mulia, serta lebih agung daripada apa yang mereka sekutukan."* (H.R. al-Baihaqi, *asy-Syu`ab*, jilid 2, halaman 372)

Ayat-ayat seterusnya menceritakan tentang ajakan untuk berfikir mengenai pelbagai makhluk yang menjadi bukti dan tanda-tanda kekuasaan Allah s.w.t. Firman Allah s.w.t.:

"Atau siapakah yang telah menjadikan bumi tempat penetapan dan telah menjadikan sungai-sungai di antara bahagian-bahagiannya dan telah menjadikan untuknya gunung-ganang yang menetapnya; dan juga telah menjadikan di antara dua laut (yang masin dan yang tawar) sekatan (semula jadi) yang memisahkannya? Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? (Tidak!) bahkan kebanyakan mereka (yang musyrik itu) tidak mengetahui. Atau siapakah yang memperkenankan doa orang yang menderita apabila ia berdoa kepada-Nya, dan yang menghapuskan kesusahan, serta menjadikan kamu pengganti (umat-umat yang telah lalu)

mendiami dan menguasai bumi? Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? Amat sedikit di antara kamu yang mengingati (nikmat Allah itu). Atau siapakah yang menunjukkan jalan kepada kamu dalam gelap-gelita darat dan laut, dan yang menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang menggembirakan sebelum kedatangan rahmat-Nya? Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? Maha Tinggilah keadaan Allah dari apa yang mereka sekutukan dengan-Nya. Atau siapakah yang memulakan kejadian sekalian makhluk, kemudian dia mengembalikannya (hidup semula sesudah matinya). Siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi? Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? Katakanlah (wahai Muhammad): "Bawalah ke mari keterangan-keterangan kamu, jika betul kamu orang-orang yang benar." (Q.S. an-Naml, 61-64)

Surah al-Rum

Allah s.w.t. telah menyeru kepada hamba-hamba-Nya untuk berfikir. Saranan ini termaktub dalam surah al-Rum di mana Allah s.w.t. berfirman:

"Patutkah mereka merasa cukup dengan mengetahui yang demikian sahaja, dan tidak memikirkan dalam hati mereka, (supaya mereka dapat mengetahui), bahawa Allah tidak menciptakan langit dan bumi serta segala yang

ada di antara keduanya itu melainkan dengan ada gunanya yang sebenar, dan dengan ada masa penghujungnya yang tertentu, (juga untuk kembali menemui Penciptanya)? Dan sebenarnya banyak di antara manusia, orang-orang yang sungguh ingkar akan pertemuan dengan Tuhannya. Tidakkah mereka telah berjalan dan mengembara di muka bumi, serta memerhatikan bagaimana kesudahan orang-orang yang terdahulu dari mereka? Orang-orang itu lebih kuat daripada mereka sendiri, dan orang-orang itu telah meneroka bumi serta memakmurkannya lebih daripada kemakmuran yang dilakukan oleh mereka, dan orang-orang itu juga telah didatangi oleh Rasul-rasulnya dengan membawa keterangan-keterangan yang jelas nyata (lalu mereka mendustakannya dan kesudahannya mereka dibinasakan). Dengan yang demikian, maka Allah tidak sekali-kali menganiaya mereka, tetapi merekalah yang menganiaya diri sendiri." (Q.S. al-Rum, 8-9)

Ayat seterusnya Allah s.w.t. menunjukkan bukti-bukti yang nyata tentang keesaan Allah s.w.t. serta kekuasaan dan keagungan-Nya. Dia berfirman:

"Dia mengeluarkan sesuatu yang hidup dari benda yang mati, dan mengeluarkan benda yang mati dari sesuatu yang hidup, serta menghidupkan bumi sesudah matinya; dan sedemikian itulah kamu akan dikeluarkan (hidup semula dari kubur).

Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya (menghidupkan kamu semula), bahawa Dia menciptakan kamu dari tanah; setelah sempurna sahaja peringkat-peringkat kejadian kamu, kamu menjadi manusia yang hidup bertebaran di muka bumi. Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmat-Nya, bahawa Dia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikan-Nya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir. Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan kebijaksanaan-Nya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan. Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kemurahan-Nya dan kasih sayang-Nya ialah tidurnya kamu pada waktu malam dan pada siang hari, dan usaha kamu mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya (pada kedua-dua waktu itu). Sesungguhnya keadaan yang demikian mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang mahu mendengar (nasihat

pengajaran). Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kebesaran-Nya dan kekuasaan-Nya, Dia memperlihatkan kilat kepada kamu, untuk menakutkan (dari panahan petir) dan memberi harapan (dengan turunnya hujan); dan Dia menurunkan hujan dari langit, lalu Dia hidupkan bumi sesudah matinya dengan hujan itu. Sesungguhnya yang demikian mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang menggunakan akal untuk memahami-Nya. Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan keluasan ilmu-Nya dan kekuasaan-Nya, ialah terdirinya langit dan bumi (dalam keadaan yang menakjubkan itu) dengan perintah dan penentuan takdir-Nya; akhirnya apabila Dia menyeru kamu dengan satu seruan (supaya kamu bangkit hidup semula) dari bumi, kamu dengan serta merta keluar (dari kubur masing-masing). Dan sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi adalah hak kepunyaan-Nya, masing-masing tetap tunduk kepada hukum peraturan-Nya." (Q.S. ar-Rum, 19-26)

Siapakah orang-orang yang berpaling dari ayat-ayat Allah s.w.t. dan tidak mahu merenungkannya?

Allah s.w.t. telah memberikan gambaran tentang hamba-hamba-Nya yang bertakwa sebagaimana firman Allah s.w.t. :

"Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang-orang) yang apabila diberi peringatan

dengan ayat-ayat keterangan Tuhan mereka, tidaklah mereka tunduk mendengarnya secara orang-orang yang pekak dan buta." (Q.S. al-Furqan, 73)

Allah s.w.t. juga menceritakan tentang orang-orang yang diberi peringatan daripada ayat-ayat al-Qur'an di mana mereka membaca dan diberi nasihat akan tetapi mereka tidak menerimanya dan tidak mahu merenungkan kandungannya berbanding golongan yang mendengar dan melihat. Golongan ini memperhatikan ayat-ayat itu dengan mendengarkan penuh perhatian dan melihat dengan sebaiknya.

Allah s.w.t. berfirman:

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifat-Nya) gementarlah hati mereka; dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah." (Q.S. al-Anfal, 2)

Dalam ayat yang lain, Allah s.w.t. telah menjelaskan tentang kerugian yang akan dirasakan oleh orang yang tidak memperoleh pancaran atau sinaran al-Qur'an al-Karim serta tidak mampu memahami rahsia dan tanda-tandanya. Malah tidak mampu untuk memahami takwilannya. Allah s.w.t. berfirman:

"Aku akan memalingkan (hati) orang-orang yang sombong takabbur di muka bumi dengan tiada

alasan yang benar dari (memahami) ayat-ayat-Ku (yang menunjukkan kekuasaan-Ku); dan mereka (yang bersifat demikian) jika mereka melihat sebarang keterangan (bukti), mereka tidak beriman kepadanya, dan jika mereka melihat jalan yang (membawa kepada) hidayah petunjuk, mereka tidak mengambilnya sebagai jalan yang dilalui. Dan sebaliknya jika mereka melihat jalan kesesatan, mereka terus mengambilnya sebagai jalan yang dilalui. Yang demikian itu, kerana mereka mendustakan ayat-ayat Kami dan mereka sentiasa lalai daripadanya." (Q.S.al-A`raf, 146)

Orang-orang yang sombong, membangga diri dan merasa lebih hebat daripada orang lain tidak akan berfikir tentang makna ayat al-Qur'an dan tidak mampu untuk mengambil pengajaran daripadanya. Sebabnya, Allah s.w.t. tidak memberi kemudahan kepada orang-orang yang zalim untuk memahami hikmah al-Qur'an dan melihat keagungan fenomenanya. Allah s.w.t. membiarkan mereka untuk tidak mendapat kemurahan Ilahi yang besar ini kerana al-Qur'an merupakan gudang rahsia dan hikmah Ilahi yang tidak layak untuk berada dalam telaga yang penuh kekotoran tersebut iaitu dalam hati orang-orang yang zalim. Al-Qur'an hanya menjadi cahaya yang menembusi ke dalam hati para hamba yang bertakwa serta yang sentiasa menerangi jalan mereka.

Bagi orang-orang yang lalai yang tidak bertakwa, mereka ini tidak mampu untuk memahami al-Qur'an

dengan fahaman yang sebenarnya kerana mereka telah tergoda dengan nafsu syahwat mereka. Seandainya mereka mahu berfikir dengan sebaiknya tentang al-Qur'an al-Karim, sudah tentu mereka tidak akan menjadi orang-orang yang bodoh, jahil, dan bingung tentang ajaran-ajaran Allah s.w.t. Tetapi sebaliknya jika mereka mengaku kebenaran, berakhlak mulia, mengambil iktibar daripada pelbagai rahsia dan hikmah Ilahi, sudah tentu mereka akan dapat menuju kebahagiaan dan ketenangan abadi.

Oleh itu, jika difahami dengan penjelasan yang telah diberikan, mustahil atau tidak masuk akal sekiranya orang yang beriman tidak mahu berfikir dan mensia-siakan akal fikirannya. Allah s.w.t. telah mengingatkan kepada orang yang tidak mahu berfikir dalam firman-Nya:

> *"Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian - Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan kesabaran."* (Q.S. al-Ashr, 1-3)

Oleh sebab itu, orang beriman yang bertakwa hendaklah mengambil pengajaran dan sentiasa berfikir. Mereka wajib memikirkan tentang al-Qur'an dan kebenaran-kebenaran Ilahi yang terkandung dalam ayat-ayat tersebut serta berusaha keras untuk mencapai *ma'rifatullah*.

Selain daripada itu, orang yang beriman sepatutnya menerima al-Qur'an al-Karim sebagai perantaraan daripada Allah s.w.t. untuk hamba-Nya. Mereka hendaklah merenungi al-Qur'an yang merupakan sumber kebahagiaan abadi dan menggamit perasaan cinta hamba-Nya.

Kamu Hendaklah Sentiasa Mengingati Allah s.w.t.

Mengingati Allah s.w.t. dalam setiap perkara (muraqabah) akan membawa kepada beberapa makna di antaranya dapat menguasai hati dan memusatkan perhatian terhadap fokus tertentu. Dalam perspektif tasawuf, *muraqabah* didefinisikan sebagai "menjaga hati daripada perkara yang membahayakannya." Juga didefinisikan, "Allah s.w.t. melihatku setiap detik, dan Dia melihat hatiku."

Jadi *muraqabah* dapat membimbing hati manusia, merenung dan selalu bermuhasabah diri kerana hati yang sentiasa sedar akan memperoleh spiritual yang membuatnya selalu bergantung dan berlindung kepada Allah s.w.t.

Jalan Pintas Menuju Allah s.w.t.

Sesungguhnya alam hati merupakan tempat bertafakur yang sangat luas seperti mana dengan alam zahir yang lain. Maulana Jalaluddin Rumi

mengungkapkan kepentingan *muraqabah*. Dia berkata: "Suatu hari seorang sufi pergi ke sebuah taman yang dihiasi bunga untuk memusatkan fikirannya. Dengan keindahan taman yang berwarna-warni itu telah menyebabkan dia khayal dan terpesona. Dia pun menutup kedua matanya dan tenggelam dalam muraqabah dan merenung. Di situ terdapat seorang lelaki yang lalai (tidak dapat berfikir), lalu dia menyangka bahawa sufi itu sedang tidur. Lelaki itu pun kebingungan lalu berkata kepada sang sufi, "Mengapa kamu tidur, bukalah dua matamu dan saksikanlah tandan-tandan kurma, bunga-bunga yang berkembang mekar serta pepohonan dan rumput yang menghijau! Lihatlah bukti atau tanda rahmat Allah s.w.t."

Lelaki sufi itu menjawab dan berkata, "Wahai orang yang lalai, ketahuilah bahawa hati merupakan tanda rahmat Allah s.w.t. yang paling besar sedangkan yang lainnya hanyalah bayang-bayang tanda rahmat tersebut. Air sungai yang mengalir di antara pepohonan, maka saksikanlah bayang-bayang pohon di kiri kanan sungai yang air di permukaannya berkilauan. Sesiapa melihat bayangan ini, maka dia menyangkanya sebagai taman khayalan. Sedangkan taman hakiki dan kebun sejati berada dalam hati kerana hati merupakan tempat yang dilihat oleh Allah s.w.t. Seandainya segala sesuatu di alam ini bukan merupakan bayangan atau cerminan daripada pohon kebahagiaan yang terdapat di dalam hati itu, maka Allah s.w.t. tidak akan menamakan

khayalan ini dengan "kesenangan yang menipu", sebagaimana Dia berfirman:

> *"Dan (ingatlah bahawa) kehidupan di dunia ini (meliputi segala kemewahannya dan pangkat kebesarannya) tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya."* (Q.S. Ali Imran, 185)

Orang-orang yang menyangka bahawa dunia ini adalah syurga dan berkata "Inilah syurga, tiada yang lain", maka mereka adalah orang-orang yang tertipu dengan pemandangan sungai tersebut. Orang-orang yang menjauhi taman-taman dan kebun-kebun iaitu menjauhi para wali Allah s.w.t., maka mereka adalah orang-orang yang tertipu dan cenderung kepada angan-angan tersebut. Suatu hari nanti tidur yang nyenyak itu pasti akan berakhir, mata akan terbuka dan kebenarannya pasti tersingkap. Tetapi apa ertinya pemandangan itu sekiranya berlaku pada degupan nafas yang terakhir (*sakaratul maut*)? Jadi alangkah bahagianya orang yang mengenal mati sebelum mati dan ruhnya terikat dan terpesona dengan wangian daripada taman tersebut.

Muraqabah adalah cara yang penting untuk sampai kepada Allah s.w.t. dengan memastikan ia menguasai ilmu pengetahuan, hikmah dan rahsia-rahsianya. Sehinggalah dia dianggap sebagai menuju jalan tasawuf yang paling banyak mengandungi hikmah dan cahaya.

Orang beriman yang berusaha melakukan *muraqabah* wajib mempersiapkan hatinya terlebih dahulu. Dia duduk seperti mana dalam solat dan menundukkan kepala. Dalam keadaan seperti itu, dia memusatkan seluruh jiwanya menghadap kepada Rabbnya. Kemudian dia menanamkan keyakinan dan berkata "Allah SWT selalu melihatku, Dia bersamaku setiap masa dan Dia lebih dekat dariku daripada aku." Kesan daripada perilaku ini akan membuatkan Nur Ilahi akan menghilangkan segala sesuatu yang menyusur masuk ke dalam hatimu.

Bagi para pencinta, *muraqabah* adalah jalan yang paling selamat dan singkat untuk mendekatkan hamba kepada Allah s.w.t. kerana menghadapkan hati kepada-Nya lebih penting dan lebih berpengaruh daripada menghadapkan anggota tubuh badan yang lain. Alasannya, dengan hati, seorang hamba akan mudah untuk menghadap Allah s.w.t. setiap masa. Seterusnya dapat mengukuhkan amalan yang dilakukannya dengan anggota tubuh badan yang lain dalam pelbagai keadaan sama ada semasa tua ataupun sakit.

Seorang ahli hikmah berkata, "Satu nafas dengan bermuraqabah kepada Allah s.w.t. dan menghadirkan hati kepadanya adalah lebih baik daripada engkau memiliki kerajaan nabi Sulaiman."

Rasulullah SAW memberitahu kepada kita tentang besarnya pahala bermuraqabah. Baginda bersabda, "*Terdapat tujuh golongan yang mendapat*

naungan dan lindungan Allah s.w.t. pada hari ketika tidak ada naungan selain daripada naungan-Nya ; pemimpin yang adil, pemuda yang hidupnya sentiasa beribadah kepada Tuhannya, lelaki yang hatinya selalu ingat kepada masjid, dua lelaki yang saling mencintai kerana Allah s.w.t., berkumpul kerana Allah s.w.t. dan berpisah kerana Allah s.w.t. Lelaki yang diajak seorang perempuan yang cantik, maka ia berkata "Aku takut kepada Allah s.w.t." Lelaki yang bersedekah secara sembunyi-sembunyi sehingga tangan kirinya tidak mengetahui apa yang dibelanjakan oleh tangan kanannya. Dan lelaki yang mengingati Allah s.w.t. seorang diri, lalu berguguran air matanya." (H.R. Bukhari, *al-Adzan,* 36)

Bentuk Muraqabah

Bermuraqabah adalah dengan kamu menghidupkan perasaan ihsan seperti mana yang didefinisikan oleh Rasulullah di dalam komunikasinya dengan malaikat Jibril a.s. ketika ditanya apakah ihsan itu? Maka baginda menjawab, "*Hendaknya kamu menyembah Allah SWT seolah-olah* kamu *melihat-Nya. Jika kamu tidak melihat-Nya maka Allah SWT melihatmu*." (H.R. al-Bukhari, al-Iman, 38)

Mencapai kesempurnaan Islam dan iman adalah jambatan menuju kemantapan ihsan. Bagi mengukuhkan kehidupan dalam keadaan ihsan, maka kita hendaklah meyakini bahawa Allah s.w.t. selalu

melihat kita. Lalu kita hendaklah sentiasa mengawasi nafsu serta mengawalnya agar tidak terjerumus ke lembah yang hina.

Selain daripada itu, hakikat di atas perlu diubah menjadi pengetahuan yang abadi dalam hati iaitu bahawa "Allah s.w.t. lebih dekat kepada kita daripada urat nadi."

Ketika mana kesedaran-kesedaran di atas telah berakar-umbi dalam hati, maka dapat dikatakan bahawa hamba tersebut telah beralih daripada iman kepada ihsan. Selain daripada itu, ia hendaklah menunaikan amalan soleh dengan disertai hati yang penuh dengan rohaniah dan cahaya. Dia menghabiskan waktunya untuk merenungkan al-Qur'an, alam semesta dan manusia.

Ahli tasawuf hendaklah belajar untuk memikirkan beberapa ayat al-Qur'an agar mereka mampu membaca seluruh ayat al-Qur'an dengan merenungi dan memikirkan maknanya. Oleh itu, mereka hendaklah memilih ayat-ayat yang mendatangkan kesan kepada hati manusia serta menguatkan pertalian dan cintanya dengan Allah s.w.t. Di dalam tarekat Naqsyabandiyah, tenggelam dalam memikirkan tentang ayat-ayat al-Qur'an ini disebut dengan "*al-Muraqabah*."

Muraqabah itu memiliki empat fasa, iaitu:

1. Muraqabah Ahadiyah (Mengesakan Allah s.w.t.)

Dalam fasa ini cuba kita renungi "Surah al-Ikhlas" dan keesaan Allah s.w.t. yang memiliki segala sifat kesempurnaan dan suci daripada segala macam kekurangan.

Lalu digambarkan makna ayat-ayat yang menjadi dasar dan tunjang bagi muraqabah tanpa dibelenggu dalam penyerupaan (*tasybih*) dan menyandarkan hanya kepada Allah s.w.t.

Sekiranya gambaran mengenai keesaan Allah s.w.t. semakin lemah dan menghilang dalam hati manusia, maka kita perlulah mengulangi bacaan ayat-ayat al-Qur'an tersebut agar fikiran dan renungan kita kembali mendalam tanpa rasa ragu-ragu. Jika seseorang mukmin melakukan amalan ini secara berterusan, maka perasaan ihsannya semakin kuat sehingga mampu memasuki *ma'rifatullah*.

Secara pastinya, Surah al-Ikhlas mengingatkan kita bahawa "Allah s.w.t. itu Esa, tidak ada yang menyerupai dan menyamai-Nya serta memiliki sifat-sifat keesaan."

Di dunia ini tidak ada yang sama dengan Zat Allah s.w.t. kerana Dia tidak menyerupai mana-mana makhluk. Dia bersifat "Berbeza dengan Makhluk" (*mukhalafah li al-hawadits*). Sejauh mana pun kamu berfikir dan sepintar mana pun fikiranmu tentang

alam semesta, maka Zat Allah s.w.t. itu lebih agung. Allah s.w.t. adalah Zat Yang Maha Tinggi yang tidak tercapai untuk kita ketahui. Kemampuan manusia yang terbatas tidak akan mampu untuk mengetahui-Nya. Oleh kerana tidak ada yang menyerupai dan menyamai-Nya, maka mustahillah untuk kita dapat mengetahui Zat-Nya.

Allah s.w.t. adalah "tempat bergantung", namun Allah s.w.t. tidak pernah bergantung kepada apa pun bahkan semua makhluk yang amat perlu kepada-Nya. Semua kekuatan di alam semesta ini berasal dan datang daripada-Nya. Manusia sepatutnya mengetahui tentang kelemahan dirinya dan memikirkan tentang kekuasaan dan kebesaran Allah s.w.t. Mereka hendaklah tunduk patuh sepenuhnya kepada-Nya. Manusia harus membersihkan diri daripada segala sifat marah, menyedari tentang kelemahan dan selalu mengatakan "Sayangilah aku wahai Tuhan", lalu dia berusaha untuk menjadi medan bagi fenomena keindahan (*jamal*) Allah s.w.t.

Keesaan tidak menerima pembahagian, bilangan, mahupun sekutu daripada yang lain. Ini kerana, Allah s.w.t. tidak beranak dan tidak dilahirkan serta tidak ada satu pun yang menyerupai-Nya. Ertinya, Allah s.w.t. tidak memiliki ayah, ibu ataupun anak seperti mana yang didakwa oleh ajaran Nasrani kerana doktrin tauhid tidak memberi ruang adanya persekutuan atau persamaan. Zat yang beranak itu terbahagi

dan setiap yang terbahagi adalah fana. Sesuatu yang beranak itu akan berakhir dengan fana. Beranak dan pembiakan (*reproduction*) adalah keadaan makhluk yang fana, yang diri dan zatnya tidak abadi sehingga memerlukan keturunan dan zuriat demi kelangsungan hidup. Sifat perlu seperti ini adalah bentuk kelemahan dan kekurangan makhluk yang mengharapkan Allah s.w.t., Yang Maha Esa, menjadi tempat bergantung dan *wajibul wujud*. Dia bersifat suci daripada segala bentuk kelemahan dan kekurangan.

Kesimpulannya, hati yang merupakan pusat renungan dan tafakur hendaklah benar-benar menyedari tentang fenomena kekuasaan Ilahi dan makhluk ciptaan-Nya serta sentiasa mengucapkan puji dan syukur kepada tuhan yang Maha Esa.

2. Muraqabah Ma`iyah (Sentiasa Dengan Allah s.w.t.)

Dalam fasa ini, manusia haruslah memikirkan secara mendalam tentang makna ayat-ayat berikut:

> *"Dialah yang telah menciptakan langit dan bumi dalam enam masa, kemudian Dia bersemayam di atas Arasy; Dia mengetahui apa yang masuk ke bumi serta apa yang keluar daripadanya; dan apa yang diturunkan dari langit serta apa yang naik padanya. Dan Dia tetap bersama-sama kamu di mana sahaja kamu*

berada, dan Allah Maha Melihat akan apa yang kamu kerjakan." (Q.S. al-Hadid, 4)

Mereka sepatutnya menyedari bahawa hamba hendaklah sentiasa bersama dengan Allah SWT dan seterusnya akan berubah menjadi kesedaran dalam hati.

Walau bagaimanapun manusia tidak akan mungkin hidup (bertahan) di luar ilmu (pengetahuan) dan hukum Allah s.w.t.. Mustahil dia dapat hidup di luar ilmu Allah s.w.t., sama ada di bumi mahupun di atas langit. Setiap degupan jantung, pernafasan, paru-paru, pendengaran dan aktiviti semua anggota tubuh yang lain bergerak secara teratur adalah bukti menunjukkan bahawa Allah s.w.t. selalu bersama dengan hamba-Nya.

Ketika ajal tiba, maka Allah s.w.t. mencabut semua kemudahan tersebut lalu mematikan mereka. Allah s.w.t. berfirman:

"Tidakkah engkau memikirkan, bahawa sesungguhnya Allah mengetahui segala yang ada di langit dan yang ada di bumi? Tiada berlaku bisikan antara tiga orang melainkan Dialah yang keempatnya, dan tiada (berlaku antara) lima orang melainkan Dialah yang keenamnya, dan tiada yang kurang dari bilangan itu dan tiada yang lebih ramai, melainkan Dia ada bersama-sama mereka di mana sahaja mereka berada. Kemudian

Dia akan memberi tahu kepada mereka - pada hari kiamat - apa yang mereka telah kerjakan. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu." (Q.S. al-Mujadalah, 7)

Allah s.w.t. adalah kekasih yang paling dekat dengan manusia. Dia lebih dekat dengan manusia berbanding kerabat yang paling dekat sekalipun, dalam segala yang berkaitan dengan manusia sama ada ilmu, kekuasaan, zat mahupun para malaikat-Nya. Para kerabat dapat mengetahui hanya keadaan lahiriah atau luaran kita sahaja, sedangkan Allah s.w.t. mengetahui segala keadaan manusia dan apa yang diinginkan manusia. Ketika ajalnya manusia, maka saat itu tidak ada yang lebih dekat kepadanya selain daripada Allah s.w.t. Ayat-ayat berikut menyebutkan:

"*Maka alangkah eloknya kalau semasa (roh seseorang dari kamu yang hampir mati) sampai ke kerongkongnya, - Sedang kamu pada masa itu (berada di sekelilingnya) menyaksikan keadaannya, - Dan Kami lebih dekat kepadanya daripada kamu, tetapi kamu tidak melihat."* (Q.S. al-Waqi`ah, 83-85)

Allah s.w.t. menyedarkan para hamba-Nya yang lupa dan leka bahawa Dia selalu berada di sisi mereka, tetapi kesedaran ini belum muncul dalam hati mereka. Dia berfirman:

"Mereka menyembunyikan (kejahatan mereka) daripada manusia, dalam pada itu mereka tidak menyembunyikan (kejahatan mereka) daripada Allah. Padahal Allah ada bersama-sama mereka, ketika mereka merancangkan pada malam hari, kata-kata yang tidak diredai oleh Allah. Dan (ingatlah) Allah sentiasa Meliputi Pengetahuan-Nya akan apa yang mereka lakukan." (Q.S. al-Nisa', 108)

Setiap hamba yang merasakan sentiasa bersama Allah s.w.t. dan mengetahui bahawa Allah s.w.t. melihat apa yang mereka lakukan, maka sudah pasti mereka menjauhi dosa-dosa dan maksiat serta mematuhi batas-batas (peraturan) Allah s.w.t.

3. Muraqabah Aqrabiyah (Mendekatkan diri dengan Allah s.w.t.)

Dalam fasa ini, manusia merenungkan ayat berikut:

"Dan demi sesungguhnya, Kami telah mencipta manusia dan Kami sedia mengetahui apa yang dibisikkan oleh hatinya, sedang (pengetahuan) Kami lebih dekat kepadanya daripada urat lehernya." (Q.S. Qaf, 16)

Sebagaimana yang kita ketahui bahawa Allah s.w.t. lebih dekat dengan kita berbanding diri kita sendiri. Dia Maha Mengetahui segala fikiran, niat dan perasaan kita. Hanya Allah s.w.t. yang mengetahui

fikiran dan idea yang terlintas dalam hati manusia. Tidak ada makhluk yang mengetahuinya walaupun para malaikat yang diberi tugas untuk mencatat amal dan perbualan manusia. Ini kerana Allah s.w.t. yang menciptakan fikiran tersebut sepertimana menciptakan segalanya.[26] "Dan Dialah yang Maha Halus lagi Maha mengetahui."

Setiap orang yang memikirkan kenyataan ini secara normal, maka dia pasti merasa menggigil dan takut serta bersegera menghisab dirinya sendiri. Jika orang mampu memahami sepenuhnya akan makna ayat di atas dalam hati dan fikirannya, maka dia tidak akan berani mengucap sepatah kata pun yang tidak disenangi oleh Allah s.w.t., bahkan tidak berani memiliki satu fikiran yang tidak diterima-Nya. Satu

26 Allah s.w.t. itu ber-*tajalli* ketika muncul kebaikan atau keburukan. Ertinya ketika hamba hendak melakukan perbuatan buruk, maka Tuhan –jika berkehendak- ber-*tajalli* dengan sifat Sang Maha Pencipta, dan mengizinkannya untuk melaksanakan maksud dan keinginannya. Tetapi jika Dia menyayangi hamba-Nya, maka dilaranglah hamba itu untuk melaksanakan maksudnya. Hal yang sama juga terjadi pada perbuatan baik. Jika seorang hamba berkehendak untuk melakukan perbuatan baik, maka Allah s.w.t. –jika berkehendak– ber-*tajalli* dengan sifat Sang Maha Pencipta dan mengizinkan hamba itu untuk melaksanakan maksud dan tujuannya. Tetapi jika Dia tidak berkehendak sedemikian, maka tidak diizinkan hamba itu untuk merealisasikan maksud dan tujuannya. Dalam hal ini, maka hamba mendapat pahala atas niatnya untuk berbuat baik. Kerana Allah s.w.t. adalah pencipta kebaikan dan keburukan. Tetapi Dia hanya meredai kebaikan.

ayat ini sahaja sudah cukup untuk membuat orang hidup dalam takwa setiap masa dan selalu sibuk bermuhasabah.

Allah s.w.t. memberitahu bahawa Dia menutupi antara manusia dan hatinya sebagaimana firman-Nya:

> "*Wahai orang-orang yang beriman, sahut dan sambutlah seruan Allah dan seruan Rasul-Nya apabila Dia menyeru kamu kepada perkara-perkara yang menjadikan kamu hidup sempurna; dan ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah berkuasa mengubah atau menyekat di antara seseorang itu dengan (pekerjaan) hatinya, dan sesungguhnya kepada-Nya lah kamu akan dihimpunkan.*" (Q.S. al-Anfal, 24)

Jadi Allah s.w.t. menguasai hati manusia dan lebih dekat kepada hati manusia berbanding manusia itu sendiri. Kekuasaan Allah s.w.t. seperti ini tidak hanya berlaku pada seseorang dengan orang lain tetapi juga berlaku pada seseorang dengan dirinya sendiri. Dalam sekelip mata, Dia mampu menutup harapan dan keinginan manusia yang ada dalam hatinya. Dia mampu merosakkan azam dan keinginan manusia serta mengubahnya menjadi sebaliknya dari apa yang dikehendaki manusia tersebut. Atas sebab itu, ketika Allah s.w.t. menurunkan pelbagai hijab antara manusia dan hatinya serta menyerunya kepada kematian, maka manusia tidak punya pilihan selain memenuhi seruan

tersebut, tidak punya kemampuan untuk menentang perintah-Nya. Di samping itu, manusia tidak mampu mengetahui apa yang akan terjadi setelah kehidupan ini.

Abu Musa al-Asy`ari menceritakan, "Kami bersama Rasulullah s.a.w. dan ketika kami hendak menaiki bukit-bukau, kami membaca tahlil dan takbir dengan suara yang kuat. Maka Nabi s.a.w. bersabda, "*Wahai manusia, cukuplah diri kalian yang mendengar kerana kalian tidak menyeru Zat yang pekak dan tidak pula yang jauh. Sesungguhnya Dia bersamamu. Dia Maha Mendengar dan Maha Mengabulkan doa. Maha Suci nama-Nya dan Maha Tinggi Kemuliaan-Nya.*" (H.R. al-Bukhari, al-Jihad, halaman 131)

Sebagaimana difahami daripada hadith dan ayat-ayat di atas serta ayat-ayat yang sama, maka Allah s.w.t. lebih suka jika hamba mendekatkan diri kepada-Nya sebagaimana Dia mendekatkan kepada hamba-Nya. Allah SWT berfirman:

> "*Ingatlah! Janganlah engkau (wahai Muhammad) menurut kehendaknya, dan (sebaliknya) sujudlah dan dampingkanlah dirimu kepada Allah (dengan taat dan beramal soleh)!.*" (Q.S. al-Alaq, 19)

Manusia dalam golongan *muraqabah aqrabiyah*, -iaitu golongan yang memahami Allah s.w.t. mengetahui apa yang terlintas dalam hati- bukan sekadar berusaha menjauhi amal buruk sahaja bahkan

boleh menjauhi perasaan dan fikiran buruk. Mereka juga harus berusaha memperbaiki, meluruskan dan membenarkan niatnya. Natijahnya, hamba tersebut akan merasa cinta dan damai bersama Allah s.w.t.

4. Muraqabah Mahabbah (Cinta kepada Allah s.w.t.)

Dalam *muraqabah* ini, manusia merenungkan firman Allah s.w.t. berikut:

> *"Maka Allah akan mendatangkan suatu kaum yang Dia kasihkan mereka dan mereka juga kasihkan Dia."* (Q.S. al-Ma'idah, 54)

Hasil daripada tafakur ini, hamba akan semakin mencintai Allah s.w.t. Selain daripada itu, hamba akan berkomunikasi dan berinteraksi dengan semua makhluk beserta perasaan cinta sehinggakan dia melihat segala sesuatu bahkan terhadap kucing dan anjing di hadapan rumahnya serta ranting-ranting pohon yang menghijau di kebunnya dengan perasaan cinta. Ketika melihat bunga yang kembang mekar, dia berkata, "Maha suci Allah SWT, betapa indah nikmat-Mu, Engkau telah menganugerahkan, memuliakan dan memberikan bunga ini!" Lalu hamba itu selalu memuji, tidak menyakiti hati sesiapa dan selalu memaafkan orang yang berbuat buruk kepadanya kerana dia tahu bahawa dirinya memiliki banyak kekurangan yang tidak terhingga dalam hubungannya dengan Allah

s.w.t. Dia berfikir jika dia tidak mahu memaafkan kejahatan yang dilakukan terhadap dirinya bagaimana ia dapat meminta maaf kepada Allah s.w.t. atas dosa-dosa yang dia lakukan dalam hubungan dengan Allah s.w.t.

Memaafkan manusia (orang lain) agar ia menjadi keadaan yang patut mendapat keampunan Allah s.w.t. adalah cakerawala keimanan yang tidak boleh dilupakan oleh kaum Mukmin yang sempurna.

Kemenangan yang hakiki sekiranya kamu mampu memaafkan orang yang berbuat zalim kepadamu tanpa ada sedikit pun rasa dengki mahupun dendam di hatimu. Memaafkan orang lain kerana Allah s.w.t. merupakan perbuatan yang sangat murni di mana ia adalah salah satu bukti cinta kita kepada Allah s.w.t. Jika hamba tidak menunjukkan sifat sedemikian, maka dakwaan bahawa dia mencintai Allah s.w.t. hanyalah pengakuan palsu sahaja.

Dengan muraqabah ini, setiap mukmin selalu merenungkan ayat-ayat di atas dan mengambil pengajaran daripadanya. Seiring dengan peredaran masa, dia berusaha untuk meningkatkan diri ke tahap yang membolehkannya untuk membaca seluruh al-Qur'an dengan tafakur yang mendalam.

Akibat daripada muraqabah ini, maka hamba akan menghadapkan alam rohaninya (batinnya) kepada Allah s.w.t. sehingga dia tidak berurusan dengan yang

lainnya selain Allah s.w.t. Dia selalu berpegang dengan perintah Allah s.w.t. dan selalu menyibukkan lidah untuk berzikir kepada Allah s.w.t.

Hamba yang ikhlas itu boleh diibaratkan seperti seorang kanak yang sangat mencintai permainannya. Ketika anak itu tidur dengan membawa cinta kepada permainan, maka ketika bangun, dia segera bangkit untuk mencari permainan tersebut. Seperti inilah nanti kematian dan kebangkitan serta perjalanan seseorang menuju ke Padang Mahsyar. Oleh itu, manusia harus memikirkan apa yang dia rasakan dan yang menjadi fokusnya ketika hendak tidur di malam hari.

Jika yang menjadi fokus dan kesibukan seseorang mukmin itu adalah Allah s.w.t., maka kebangkitannya setelah mati dalam keadaan yang diredai Allah s.w.t. Atas alasan itu hadith yang diriwayatkan oleh Jabir r.a. mengatakan, "Aku mendengar Nabi s.a.w. bersabda, "*etiap hamba dibangkitkan (dari kubur) menurut sebab kematiannya.*" (H.R. Muslim, *al-Jannah*, 83)

Hadith lain menyebutkan, "Aku mendengar Nabi s.a.w. bersabda, '*Setiap hamba itu mati menurut kebiasaannya dalam hidup, dan dikumpulkan (di Padang Mahsyar) menurut sebab kematiannya.*" (H.R. Muslim, *al-Jannah*, 83)

Jika diperhatikan dalam hadis tersebut mendapati bahawa keinginan dan tujuan hidupnya adalah sesuatu selain daripada Allah s.w.t., maka dia

akan dibangkitkan dengan cara yang sama (dengan perhatian itu). Adapun pada hari kiamat nanti, tidak ada sesiapa yang boleh menolongnya lagi.

Rasulullah s.a.w. memberitahu kepada kita bahawa istiqamah dalam berzikir dan bertafakur akan membolehkan hamba mencapai keadaan muraqabah secara sempurna. Baginda bersabda, "*Jagalah Allah s.w.t., nescaya Dia menjagamu, jagalah Allah s.w.t. nescaya engkau temukan Dia di depanmu. Kenalilah Dia ketika lapang, nescaya Dia mengenalimu ketika kesusahan.*" (H.R. Ahmad, jilid 1, halaman 307)

Untuk mendapat manfaat khusus daripada *muraqabah* ini, maka kita harus memerhatikan etika dan syarat-syaratnya. Hati yang sibuk dengan sifat marah, tidur atau lapar maka ia bukanlah termasuk dalam etika dan syarat tersebut. Dan sekiranya kita memilih waktu ketika hati sedang lapang dan tenang, nescaya etika dan syarat tersebut telah pun dipatuhinya.

ETIKA TAFAKUR

Semua makhluk adalah cerminan bagi mengenal Ilahi yang digenggam oleh tangan kekuasaan, di hadapan pengetahuan dan kesedaran manusia sebagai hamba. Mengetahui rahsia dan hikmah yang ada dalam cermin ini bergantung kepada kejernihan dan kebersihan cermin hati.

Gelombang cinta Ilahi yang memancar dari atas berjalan menyeberangi jaring-jaring keimanan dalam hati. Manusia pada umumnya adalah cermin yang indah di dunia. Bukti sebenar tentang kewujudan Ilahi. Bagi orang yang mencapai kesempurnaan melalui berfikir, agama Islam adalah yang kekal abadi.

ETIKA TAFAKUR

Tafakur Para Kekasih Allah SWT

Suatu hari, Saidina Abu Bakar ash-Shiddiq teringat tentang hari kiamat, beliau merenungkan tentang timbangan, syurga, neraka, barisan malaikat, dilipatnya langit, diratakannya gunung-ganang, terbelahnya matahari dan bintang-bintang yang berselerakan. Beliau berkata, "Aku ingin menjadi salah satu tumbuhan hijau yang didatangi oleh binatang lalu mereka memakan aku, atau mungkin aku tidak diciptakan." Kemudian turunlah ayat di bawah ini kepada Rasulullah s.a.w.

> *"Dan orang yang takut akan keadaan dirinya di mahkamah Tuhannya (untuk dihitung amalnya), disediakan baginya dua Syurga."* (al-Alusi, Ruh al-Ma`ani, Tafsir Surah ar-Rahman, ayat 46)

Pada waktu yang lain, Saidina Abu Bakar ash-Shiddiq melihat seekor burung di atas pohon. Beliau berkata, "Beruntunglah engkau wahai burung! Demi Allah aku ingin sepertimu. Hinggap di atas pohon

dan makan buah-buahan, lalu terbang. Kamu tidak mempunyai tanggungan hisab mahupun seksaan. Demi Allah, aku ingin menjadi pohon di tepi jalan yang dilalui oleh seekor unta lalu mencabutku, memasukkanku ke dalam mulut lalu mengunyah dan menelanku. Akhirnya mengeluarkanku sebagai kotoran. Dan aku tidak menjadi manusia." (Ibnu Abi Syaibah, *al-Mushannaf*, jilid 8, halaman 144)

Diriwayatkan daripada Saidina Ali ibn Abi Thalib r.a. Beliau berkata, "Orang faqih yang benar-benar faqih adalah ulama yang tidak membuat orang berputus asa daripada rahmat Allah, tidak memberi keringanan untuk berbuat maksiat dan tidak membuat mereka merasa aman daripada azab Allah s.wt. Semuanya kerana tidak ada manfaatnya dalam ibadah tanpa ilmu dan tanpa pemahaman. Begitu juga tidak ada manfaatnya membaca al-Qur'an tanpa merenungkannya." (Sunan ad-Darimi, *al-Muqaddimah,* 29)

Saidina Ali ibn Abi Thalib juga mengatakan, "Tidak ada manfaat bersolat tanpa jiwa yang khusu'. Tidak ada manfaat dalam puasa tanpa mencegah perbuatan yang tidak berguna. Tidak ada manfaat dalam bacaan tanpa sebarang renungan. Tidak ada manfaat dalam ilmu tanpa wira`i (warak). Tidak ada manfaat dalam berharta sekiranya tidak membawa sifat dermawan. Tidak ada manfaat dalam persaudaraan sekiranya tidak dijaga. Tidak ada manfaat dalam nikmat sekiranya tidak abadi. Dan tidak ada manfaat

dalam doa sekiranya tidak mengandungi keikhlasan. (Ibnu Hajar, *al-Munabbihat*, halaman, 31)

Pada waktu yang lain, Saidina Ali r.a. melihat segala sesuatu dengan pandangan renungan yang mendalam. Beliau sentiasa berfikir secara mendalam, menangis seperti anak yatim dan gementar seperti orang sakit kerana takut kepada Allah s.w.t. Beliau suka melaksanakan ibadah, selalu zuhud, sedikit makan dan banyak berbuat kebaikan. Baginya agama itu lebih mulia berbanding segalanya. Beliau mengatakan, "Semua kebaikan terkumpul dalam empat perkara; diam, bicara, melihat dan bergerak. Setiap ucapan yang bukan untuk *zikrullah* adalah sia-sia. Setiap diam (tidak bicara) yang tidak untuk berfikir adalah lupa. Setiap melihat yang bukan untuk mengambil pengajaran adalah lalai. Dan setiap gerakan yang bukan untuk beribadah adalah kosong. Semoga Allah menyayangi orang yang menjadikan ucapannya sebagai zikir, diamnya untuk berfikir, pandangannya untuk mengambil pengajaran dan geraknya sebagai ibadah. Sementara orang lain terjaga daripada lidah dan tangannya." (Abu Nashr ath-Thusi, *al-Luma` fi al-Tashawuf,* halaman 182)

Seorang sahabat yang masyhur, Saidina Abdullah ibn Mas`ud r.a. menjelaskan tentang ahli al-Qur'an sebagai berikut: "Seorang ahli Al-Qur'an, dikenali dengan diamnya ketika orang lain saling berbicara; seorang ahli Al-Qur'an, titisan air matanya adalah

satu keindahan. Seorang ahli al-Qur'an seharusnya berwibawa, senantiasa bertafakur dan diam; dan hendaklah memiliki keperibadian dan sahsiah yang agung. (Abu Nu`aim, *al-Hilyah*, jilid 1, halaman 130)

Daripada Aun ibn Abdillah ibn Utbah, dia berkata, "Aku bertanya kepada Ummu Darda', "Apakah ibadah Abu Darda' yang paling utama?" Maka dia menjawab, "Berfikir dan mengambil pengajaran." (Waki` ibn al-Jarrah, *az-Zuhd*, halaman 474)

Amir ibn Abd Qais, seorang pembesar tabi`in, berkata, "Aku mendengar bukan hanya daripada seorang, dua atau tiga orang, tetapi daripada ramai sahabat Rasulullah s.aw. Mereka mengatakan bahawa sinar atau cahaya keimanan adalah dengan merenung (dengan penuh penghayatan)." (Ibnu Katsir, *at-Tafsir*, jilid 1, Surah Ali Imran, 190).

Seseorang berkata kepada Rabi` ibn Haitsam, "Tunjukkan kepadaku orang yang lebih baik daripada kamu?" Maka dia menjawab, "Dia adalah orang yang ucapannya adalah zikir, diamnya adalah berfikir, jalannya adalah merenung (berfikir), maka dia lebih baik daripada aku." (Abu Nu`aim, *al-Hilyah*, jilid2, halaman 106)

Abu Sulaiman ad-Darani berkata, "Biasakanlah matamu untuk menangis dan hatimu untuk merenungi." Dia juga berkata, "Memikirkan dunia, sebagaimana ia adalah hijab bagi akhirat, bagi para ahli *walayah* (kewalian) ia adalah satu kerugian. Memikirkan

akhirat melahirkan hikmah dan menghidupkan hati."
(al-Ghazali, *al-Ihya`*, jilid 6, halaman 45)

Dalam Kitab *Rutbatul Hayah*, Yusuf al-Hamadani berkata, "Ketika tafakur, iman berkilauan pada seseorang, maka diikuti oleh amalan solehnya. Oleh sebab itu, kita hendaklah menyertakan pemikiran dengan amal soleh dalam segala keadaan."

Al-Fudhail ibn 'Iyadh berkata, "Berfikir adalah cermin bagi keagungan dan kekuasaan Allah s.w.t.; ia juga penunjuk kebaikan dan keburukan untukmu."
(al-Ghazali, *al-Ihya'*, jilid 6,halaman 44)

Muhammad ibn Abdullah berkata, "Berfikir itu ada lima keadaan. Pertama, berfikir tentang ayat-ayat Allah s.w.t. akan mendatangkan ma'rifat. Kedua, berfikir tentang nikmat Allah s.w.t. akan mendatangkan kecintaan. Ketiga, berfikir tentang janji dan pahala Allah s.w.t. akan mendatangkan semangat dan motivasi. Keempat, berfikir tentang ancaman dan balasan Allah s.w.t. akan mendatangkan rasa takut. Kelima, berfikir tentang bantahan nafsu terhadap pemberian Allah s.w.t. akan mendatangkan malu dan penyesalan."

Abu Thalib al-Qadhi berkata, "Rangkuman kebaikan terdapat dalam lamanya berfikir. Diam adalah keselamatan. Melakukan kebatilan adalah kerugian dan penyesalan. Pada hari kiamat nanti, dia akan meratapinya kerana telah mengabaikan akhirat

dan menjadikan dunia sebagai tujuan." (al-Baihaqi, *Syu`ab al-Iman*, jilid 7, halaman 417, riwayat no. 10812)

Alirkan Sungai Fikiran ke Tanah yang Subur

Allah telah memberikan kemampuan berfikir kepada setiap hamba-Nya. Dia telah ciptakan sungai perenungan yang memancar dan mengalir dalam diri setiap manusia. Sungai ini tidak pernah berhenti mengalir kerana ia selalu memancar. Jika sungai ini dibiarkan berjalan sendiri dan tidak diarahkan, maka ia akan tersesat hingga tidak tahu di mana ia mengalir dan ke arah mana hendak dituju. Ia pun berselerakan di setiap tempat di mana mungkin benar dan salah. Kadangkala ia mengalir secara sia-sia di padang yang tandus. Dengan kata yang lain, mungkin sahaja ia mengarah ke tempat yang tidak diketahui seperti dahan yang terapung dibawa banjir.

Kepandaian yang sejati adalah mengarahkan sungai renungan tersebut ke tanah yang subur dan menumbuhkan hasil tuaian yang berkat.

Allah s.w.t. mengingatkan kepada mereka yang tidak mahu berfikir dan merenungi tentang reda-Nya dalam firman:

> *"Sesungguhnya sejahat-jahat makhluk yang melata, pada sisi (hukum dan ketetapan) Allah, ialah orang-orang yang pekak lagi bisu, yang*

tidak mahu memahami sesuatupun (dengan akal fikirannya)" (Q.S. al-Anfal, 22)

Allah s.w.t. juga berfirman:

"Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam ramai dari kalangan jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keesaan Allah) dan yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat); mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang yang lalai." (Q.S. Al-A`raf, 179)

Hati itu diumpamakan seperti cermin. Cermin ini menjadi kotor dan gelap kerana perbuatan lalai dan ingkar. Cermin ini akan menjadi jernih sekiranya membenarkan Allah s.w.t. kemudian menghadap kepada-Nya dengan perasaan cinta. Manusia hendaklah sentiasa berfikir tentang pertanyaan-pertanyaan seperti: Mengapa kita datang ke dunia ini? Dalam kerajaan siapa kita hidup? Siapa yang memberi rezeki kepada kita? Dan ke mana perjalanan ini akan berakhir?

Setiap orang yang tenggelam dalam hawa nafsu hingga menjauhkan diri daripada kebenaran-kebenaran ini tidak berfikir bagi mengetahui tentang Allah s.w.t. dan dalil-dalil atas kewujudan Allah s.w.t.,

maka dia akan pergi ke akhirat dengan rasa sedih dan menderita dengan penuh rasa kerugian. Atas sebab itu, mereka disamakan dengan binatang yang sesat dan lalai disebabkan semua keinginannya hanya berfokuskan kepada makanan, minuman dan hawa nafsunya. Seiringan itu, Allah s.w.t. berfirman:

> *"Nampakkah (wahai Muhammad) keburukan keadaan orang yang menjadikan hawa nafsunya: tuhan yang dipuja lagi ditaati? Maka dapatkah engkau menjadi pengawas yang menjaganya jangan sesat? Atau adakah engkau menyangka bahawa kebanyakan mereka mendengar atau memahami (apa yang engkau sampaikan kepada mereka)? Mereka hanyalah seperti binatang ternak, bahkan (bawaan) mereka lebih sesat lagi."* (Q.S. al-Furqan, 43-44)

Seorang kekasih Allah mengatakan, "Bagi orang-orang yang berakal, alam semesta ini adalah bukti indahnya ciptaan Allah s.w.t sedangkan bagi orang yang jahil dan bodoh, alam semesta ini hanyalah makanan dan minuman."

Dari sudut yang lain, berfikir – seperti telah kami jelaskan di atas – merupakan senjata bermata dua. Ia dapat digunakan untuk kebaikan dan dapat juga digunakan untuk keburukan. Ia dapat memasuki amal hawa nafsunya dan juga dapat memasuki amal batiniah yang suci dan luhur. Allah s.w.t. telah memperingatkan

mereka yang menggunakan potensi berfikir ke jalan kejahatan dan keburukan dalam firman-Nya :

> *"Dan tiadalah sebarang kuasa bagi seseorang untuk beriman melainkan dengan izin Allah (melalui undang-undang dan peraturan-Nya); dan Allah menimpakan azab atas orang-orang yang tidak mahu memahami (perintah-perintah-Nya)."*
> (Q.S. Yunus, 100)

Noda dan keburukan terbesar yang dilakukan oleh manusia adalah penyakit derhaka atau ingkar. Sesiapa yang tidak menyibukkan hati dan akalnya terhadap ayat-ayat Allah s.w.t., yang tertulis mahupun yang terlihat, tidak memikirkan dan tidak memahaminya, maka dia tidak akan dapat keluar daripada penyakit dan noda ini.

Akal yang makan daripada cahaya keimanan dan berjalan mengikuti petunjuk wahyu, maka akan menemukan jalan untuk mengetahui dan mengesakan Allah s.w.t. sedangkan akal yang tidak dapat berbuat seperti itu, maka tidak akan dapat mencapai kebenaran dan kebaikan. Ini adalah penipuan terbesar yang dialami oleh ahli falsafah yang meyakini bahawa mereka mampu beroleh kebenaran dengan akal sahaja tanpa petunjuk daripada wahyu. Ini adalah kerana mereka menyangka bahawa akal mereka yang jauh daripada cahaya iman itu dapat menemukan jalan menuju kebenaran dan kebaikan.

Dari sudut yang lain, dapat menggunakan nikmat berfikir secara benar, akal dan hati yang tidak sibuk dengan hal-hal remeh yang tidak membawa makna. Sebagai contoh, ayat-ayat di bawah ini mengatakan:

> *"Dan mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia."* (Q.S. al-Mukminun, 3)

Dan ayat berikut:

> *"Dan mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang-orang) yang tidak menghadiri tempat-tempat yang melakukan perkara-perkara yang dilarang, dan apabila mereka bertembung dengan sesuatu yang sia-sia, mereka melaluinya dengan cara membersihkan diri daripadanya."* (Q.S. al-Furqan, 72)

Hadith Nabi s.a.w. berikut mengatakan, *"Salah satu tanda kebenaran Islam seseorang adalah meninggalkan hal-hal yang tidak berguna."* (H.R. Turmudzi, *az-Zuhd*, 11)

Ubat yang paling mujarab untuk mengubati penyakit nafsu atau syahwat ialah meletakkan akal fikiran dan memusatkannya terhadap perkara yang berguna dan menghindari daripada perkara yang tidak berguna. Apabila memikirkan perkara remeh yang tidak berguna adalah pintu bagi seluruh keburukan dan kekalahan. Orang-orang yang memikirkan perkara yang tidak berguna akan kehilangan perkara bermanfaat dan penting yang wajib dipenuhi bagi diri mereka.

Ibnu al-Jauzi berkata, "Ingatan hati kepada perkara mubah menyebabkan hati menjadi gelap apatah lagi menguruskan perkara yang haram" Jika ada air yang berubah sifatnya kerana minyak wangi, maka air itu tidak dapat digunakan untuk berwudhu', apatah lagi jilatan anjing. Oleh kerana itu, seorang ulama besar ada mengatakan, "Sesiapa yang membiasakan perkara mubah, ia tidak dapat merasai kelazatan munajat." "Ya Allah jadikanlah kami termasuk orang yang ahli munajat." (al-Barsawi, *Tafsir Ruh al-Bayan*, al-Mukminun, ayat, 51)

Jika terdapat manusia yang mendorong ke arah berfikir, merenung, berkhayal dan berimaginasi untuk kebaikan, maka syaitan mengarahkannya kepada keburukan. Dengan demikian, manusia tidak akan merasai nikmat berfikir, melainkan kemudahan akal dan hati yang diberikan Allah kepadanya akan membahayakan dan menjadi bencana bagi dirinya, bukan menjadi sesuatu yang bermanfaat. Dalam hal ini, maka setiap mukmin harus sentiasa menggunakan akal dan fikiran untuk kebenaran dan kebaikan bertepatan apa yang dijelaskan oleh al-Qur'an al-Karim dan sunnah Rasul s.aw.

Berfikir dan berzikir hendaklah seiringan

Syekh Yusuf al-Hamadani berkata, "Hati dan zikir bagaikan pohon dan air. Sedangkan hati dan fikiran adalah pohon dan buah. Dan adalah tidak tepat menunggu hijaunya pohon tanpa disirami dengan air,

dan mengharapkan buah dari pohon tersebut tanpa menunggu kembang mekarnya daun dan bunga. Jika kita menghendaki hal tersebut, maka pohon itu tidak akan berbuah. Sebabnya pada ketika itu belum tibanya masa berbuah, tetapi baru masa untuk memberi makan dan memelihara pohon. Jadi pohon itu harus disirami air dan dijauhkan daripada serangga-serangga perosak serta benda-benda asing yang lain. Seterusnya dia hendaklah menunggu sinaran matahari. Jika semua perkara telah dipenuhi, maka pohon tersebut akan tumbuh, berkembang dan dihiasi dengan daun-daun yang menghijau. Setelah pohon menjadi indah seperti ini, maka tunggulah buah daripada dahan-dahannya. Musim itu merupakan musim berbuah dan mengutip hasilnya." (al-Hamadani, *Rutbah al-Hayah*, halaman 71)

Hasan al-Bashri berkata, "Orang berakal selalu membiasakan berfikir untuk berzikir dan zikir untuk berfikir sehingga membuat hati dapat berbicara. Hati pun mengucapkan kata-kata hikmah." (al-Ghazali, *al-Ihya'*, jilid 6, halaman 46)

Pendek kata, berzikir dan merenung merupakan perkara yang saling tidak terpisah. Ciri zikir yang paling penting adalah jika melakukannya dengan penuh kesedaran dan merenungi maknanya. Sayyid Khwaja Muhammad Parisa – seorang wali besar – mengungkapkan konsep ini dengan kalimah berikut: "Ketika dalam bersyahadah kamu mengucapkan kata "tiada tuhan", maka kamu berfikir bahawa semua

makhluk akan berakhir dalam kefanaan. Jadi daripada itu, kamu hendaklah mengosongkan semuanya daripada hatimu serta menjauhkan semua selain Allah daripada hati dan akal fikiran. Kemudian penuhi hati dengan pengetahuan dan kesedaran bahawa dirimu tiada lain adalah hamba Allah s.w.t. Semasa mengucapkan"*illa Allah*", maka kamu hendaklah berfikir tentang maujud yang tiada duanya, Yang Satu dan Esa, lalu kamu hadapkan cinta dan penyerahan kepada Allah s.w.t. Dengan cara ini, maka sifat-sifat keindahan Allah s.w.t. menjadi jelas dalam hatimu."

Muhammad Baha'uddin Naqsyabandi mengatakan, "Tujuan zikir bukan semata-mata mengucapkan "Allah" dan "*la ilaha illa Allah*", akan tetapi kamu hendaklah pergi menghadap Allah secara menyeluruh dan melihat nikmat daripada-Nya." Ertinya, hakikat zikir adalah kamu menapak dari arena kelalaian menuju cakerawala persaksian (*musyahadah*)."

Sedangkan Maulana Jalaluddin al-Qunawi berkata, "Tuhan s.w.t., Yang Satu dan Esa, yang tiada yang menyerupai dan tiada dua-Nya, telah berkata kepada kita, "Berzikirlah mengingati Allah", kerana ketika Dia melihat kita dalam api, maka diberi-Nya cahaya. Zikir yang diucapkan dengan mulut dan lidah sahaja tanpa difikirkan hanyalah khayalan sahaja. Sedangkan zikir yang dilakukan dengan ruh, hati dan

perasaan batin yang murni, bererti bersih dan bebas daripada kata dan ucapan."

Cinta akan bertambah seiringan dengan peredaran waktu bagi orang yang menyebut *asma'* dan sifat-sifat Allah dengan berfikir dan merenung kerana *zikrullah* bukanlah dengan cara mengulang-ulang lafaz "Allah" sahaja, akan tetapi menekankan rasa cinta kepada Allah s.w.t. dalam hati yang merupakan pusat kesedaran.

Dalam bentuk gambaran zikir dan fikir, manusia mencapai rasa cinta kepada Allah dan dalam bingkai cinta itu dia mula mencapai *ma'rifatullah*. Dan akhirnya dia dicintai dan dipilih oleh Allah s.w.t. serta menjadi wali-Nya.

Zikir terbahagi kepada tiga jenis :

- Zikir dengan lidah.
- Zikir dengan anggota badan.
- Zikir dengan hati.

Zikir lisan adalah menyebut Allah dengan *asma'* dan sifat-Nya yang tinggi, memuji, bertasbih dan mensucikan-Nya, membaca kitab-Nya serta berdoa kepada-Nya.

Sedangkan zikir anggota badan adalah semua anggota tubuh manusia menjalankan perintah-

perintah Allah dan meninggalkan larangan-larangan-Nya.

Sementara zikir hati adalah seperti yang dijelaskan oleh al-Malili Hamdi Afandi, "Zikir hati adalah mengingati Allah dengan hati. Zikir ini terbahagi menjadi tiga bahagian utama, iaitu;

1. Merenungkan bukti-bukti yang menunjukkan adanya zat dan sifat-sifat Allah serta mencari jawapan atas kesangsian-kesangsian tentang Allah s.w.t. yang terlintas dalam hati.

2. Merenungkan tentang kewajipan-kewajipan kita terhadap Allah serta kewajipan kehambaan kita melalui merenungkan perintah dan larangan Allah, dalil-dalil serta hikmah-hikmahnya. Ini kerana ketika orang mengetahui intipati *taklif* dan ketaatan kepada perintah-perintah Allah, maka dia semakin mudah untuk beramal soleh.

3. Merenungkan makhluk-makhluk Allah yang ada di alam nyata mahupun alam ghaib. Serta menyedari bahawa setiap atom dalam makhluk itu merupakan cerminan bagi alam Ilahi. Cermin itu pasti mendapat pantulan cahaya alam keindahan dan keagungan tersebut. Setiap percikan perasaan hati yang diambil daripada cahaya itu dengan sedar akan menyebabkannya sampai kepada alam keindahan dan kemuliaan tersebut."

Jadi tidak ada kemuncak dalam tingkatan zikir ini. Dan dalam tingkatan ini, manusia lepas daripada dirinya dan lari daripada alam. Seluruh kesedarannya fana dalam Allah s.w.t., sehingga tidak ada lagi jejak atau tanda dari zikir mahupun orang yang berzikir. Apa yang dirasakan hanyalah "Yang Diingat" (*madzkur*). Banyak orang yang berbicara dan membahas maqam ini, tetapi sedikit orang yang mencapainya dan tidak bercerita tentang dirinya melainkan dia hanya berbuat dan beramal.[27]

Semua *maujud* adalah cermin fenomena Ilahi yang berada dalam tangan kekuasaan di hadapan pengetahuan dan kesedaran manusia. Sedangkan mengetahui hikmah dan rahsia yang ada dalam cermin ini bergantung kepada kebersihan dan kejernihan cermin hati.

Gelombang cinta Ilahi yang memancar dari atas berjalan menyeberangi jaring-jaring keimanan dalam hati. Manusia pada umumnya adalah cermin yang indah di dunia. Manusia adalah titik bagi menampakkan tanda Ilahi yang sejati. Bagi orang yang mencapai kesempurnaan berfikir, agama Islam adalah agama yang kekal abadi.

27 Al-Malili Muhammad Hamdi Yazir, *Haqqun Diniyyun Qur'an Daily*, Istanbul, 1935, al-Baqarah, 152)

Malam Merupakan Waktu Yang Paling Baik Untuk Berzikir Dan Berfikir

Seorang pencinta sering menyebut hal kekasihnya. Orang yang banyak menyebut sesuatu akan lebih mencintai perkara tersebut. Besarnya cinta seseorang diukur dengan pengorbanan yang dicurahkan demi kekasihnya. Oleh yang demikian, meninggalkan tidur di waktu tengah malam lalu menghadap dan bermunajat kepada Allah s.w.t. adalah salah satu fenomena cinta sejati yang paling indah.

Kita hendaklah berfikir bahawa waktu tengah malam membawa rahmat dan keampunan Ilahi. Ini kerana ilham daripada berkat Ilahi itu, burung Bulbul berkicauan begitu merdu. Dengan murah hatinya, bunga-bunga yang berkembang memberikan aroma paling harum di malam hari. Maka alangkah rugi, celaka dan sengsara bagi orang yang tidak dapat merasakan hidangan rahmat Ilahi ini!

Dalam sehari semalam, saat yang paling berharga adalah waktu tengah malam, iaitu sepertiga malam yang terakhir. Waktu itu adalah saat di mana fikiran kita jauh daripada kesibukan, hati menjadi jernih dan peka, ketenangan menyelimuti cakerawala dan pergantungan yang fana akan menjadi lemah. Masa ini, turunlah rahmat Allah. Tuhan menjadi sangat dekat dengan hamba-Nya. Waktu sepertiga malam adalah masa paling sesuai untuk merenung (menghayati) bagi

orang yang mahu berfikir dan mengambil pengajaran. Ia adalah saat jauh daripada kesibukan dan waktu itu hati dapat menghadap Allah secara keseluruhan. Waktu itu juga adalah saat yang paling banyak memberi idea, anugerah dan berkat untuk berfikir.

Allah s.w.t. berfirman:

"Wahai orang yang berselimut!. Bangunlah sembahyang Tahajud pada waktu malam, selain dari sedikit masa (yang tak dapat tidak untuk berehat), iaitu separuh dari waktu malam, atau kurangkan sedikit dari separuh itu, ataupun lebihkan (sedikit) daripadanya; dan bacalah Al-Quran dengan "Tartil". (Sayugialah engkau dan pengikut-pengikutmu membiasakan diri masing-masing dengan ibadat yang berat kepada hawa nafsu, kerana) sesungguhnya Kami akan menurunkan kepadamu wahyu (Al-Quran yang mengandungi perintah-perintah) yang berat (kepada orang-orang yang tidak bersedia menyempurnakannya). Sebenarnya sembahyang dan ibadat malam lebih kuat kesannya (kepada jiwa), dan lebih tetap betul bacaannya.(Kami galakkan engkau dan umatmu beribadat pada waktu malam), kerana sesungguhnya engkau pada siang hari mempunyai urusan-urusan yang panjang kira bicaranya; (Q.S. al-Muzammil, 1-7)

Siang yang berlawanan dengan ketenangan malam adalah saat di mana detik-detik itu bertebaran, hiruk

pikuk dan kebisingan yang meningkat. Orang yang tidak mengetahui nilai waktu malam yang banyak ganjarannya, tidak akan dapat menghadap kepada Allah di tengah kesibukan di siang hari. Lagi tidak dapat mencapai kerohanian dan cahaya ibadah yang berada di siang hari.

Pendeknya, waktu tengah malam itu adalah saat untuk memusatkan fikiran dan mengambil pengajaran, khusus untuk beribadah. Sedangkan siang hari adalah nikmat indah yang diberikan untuk berusaha dan mencari rezeki. Ertinya, saat malam hari orang beriman hanya bersama Allah sahaja sedangkan di siang hari dia bersama Allah di tengah-tengah masyarakat. Atas alasan itu, Sayyidah 'Aisyah r.a. bercerita tentang keprihatinan Rasulullah yang mulia terhadap waktu yang berkat tersebut. Beliau berkata, "Janganlah kamu tinggalkan *qiyamullail* kerana Rasulullah s.a.w. tidak pernah meninggalkannya. Ketika sakit atau letih sehingga tidak mampu berdiri, maka baginda akan solat dengan duduk." (H.R. Abu Dawud, *at-Tathawwu'*, 18)

Rasulullah s.a.w. menggunakan waktu malam hanya untuk merenung (berfikir). Baginda melaksanakan *qiyamullail*, ruku' dan sujud terus-menerus hingga air matanya bertitisan dan kedua kakinya bengkak.

Seorang ulama besar berkata, "Tidak ada kunci yang lebih besar untuk membuka pintu Allah s.w.t. dan membuka kunci lautan berfikir dengan bangun

di waktu tengah malam. Sebabnya, pada waktu itu, manusia jauh dari pelbagai hubungan, kesusahan dan nikmat dunia yang fana, lalu masuk bersama Tuhannya ke dalam secara bersama. Tubuhnya beristirahat, khusyuk, fikirannya jernih dan hatinya lembut. Pendek kata, waktu tersebut adalah saat yang paling sesuai sepanjang siang dan malam. Angin terindah dan paling lembut meniup adalah pada waktu tersebut. Hal itu kerana di waktu tengah malam itu, cahaya menyusup di antara tirai-tirai kegelapan. Sedangkan di waktu petang, situasinya adalah sebaliknya, di mana kegelapan menuruni cahaya sehingga hilang.

Allah SWT berfirman:

> *"Mereka merenggangkan diri dari tempat tidur, (sedikit sangat tidur, kerana mengerjakan sembahyang tahajud dan amal-amal soleh); mereka sentiasa berdoa kepada Tuhan mereka dengan perasaan takut (akan kemurkaan-Nya) serta dengan perasaan ingin memperoleh lagi (keredaan-Nya); dan mereka selalu pula mendermakan sebahagian dari apa yang Kami beri kepada mereka."* (Q.S. as-Sajdah, 16)

Istighfar yang dilakukan oleh orang beriman pada waktu tengah malam, merenungkan dan merasakan azab Allah, mengingati kematian dan membuat perancangan yang baik untuk sisa umurnya serta memikirkan al-Qur'an al-Karim adalah bentuk-bentuk amal soleh yang dicintai dan diredai Allah s.w.t.

Allah s.w.t. telah memberi berita gembira kepada para hamba yang menghidupkan waktu tengah malam dan menghabiskan umur untuk berinfak di jalan Allah s.w.t. Dia berfirman:

> *"Maka tidak ada seseorang pun yang mengetahui satu persatu persediaan yang telah dirahsiakan untuk mereka (dari segala jenis nikmat) yang amat indah dipandang dan mengembirakan, sebagai balasan bagi amal-amal soleh yang mereka telah kerjakan."* (Q.S. as-Sajdah, 17)

Rasulullah s.a.w. menjelaskan ayat di atas dalam hadithnya: *"Allah berfirman, "Aku telah menyiapkan untuk hamba-hambaKu yang soleh, apa yang tidak pernah dilihat oleh mata, tidak pernah didengar oleh telinga dan tidak terlintas dalam hati manusia."* (H.R. al-Bukhari, *Bad' al-Khalq*, 8)

Dari sini, dapat kita difahami bahawa nikmat syurga yang belum kita ketahui jauh lebih banyak daripada nikmat yang kita sudah ketahui. Dalam beberapa riwayat disebutkan bahawa nikmat-nikmat itu tidak diketahui bahkan oleh para rasul dan para malaikat.

KESIMPULAN

Tafakur: Kunci Hakikat dan Keselamatan

Hakikat itu mungkin dicapai hanya dengan berfikir dan mengambil iktibar. Bagaimana mungkin orang yang berjalan seperti orang buta dan pekak itu melihat dan memandang bukti-bukti iaitu ukiran kekuasaan dan fenomena keagungan dapat menemukan dan mengetahui kebenaran? Oleh itu dikatakan, "Jika pengetahuan tidak dapat membangunkan perasaan dan kesedaran, maka ia bukanlah pengetahuan dan bukan pula ilmu."

Dalam kitab-Nya, Allah s.w.t. telah berbicara tentang keadaan orang-orang kafir yang tidak dapat mencapai hakikat. Dia berfirman:

> *"Sesungguhnya engkau tidak dapat menjadikan orang-orang yang mati (hatinya) itu menerima ajaranmu, dan tidak dapat menjadikan orang-orang yang pekak itu mendengar seruanmu, apabila mereka berundur ke belakang (disebabkan keingkarannya)."* (Q.S. an-Naml, 80)

Orang yang memastikan dirinya bebas daripada *waham*, ilusi dan hawa nafsu; jika berusaha untuk mendapat akal yang terdidik oleh wahyu; dan daripada hati yang terpaut dengan Rasulullah s.a.w.; maka dia akan mencapai hakikat dan kebaikan. Tanpa melihat kepada mukjizat baginda pun, jika dia memikirkan akhlak dan sirah Nabi s.a.w. dengan sewajarnya, pasti dia akan menyedari bahawa baginda adalah Nabi yang sebenar, dan apa yang baginda serukan adalah kebenaran yang sejati. Dengan bertafakur sebegini dia akan selamat dan bebas –atas izin Allah s.w.t.- daripada belenggu hawa nafsu dan kegelapan akal.

Allah s.w.t. telah menjelaskan tentang keadaan orang yang menyesal dan kerugian dalam firman-Nya:

> *"Dan mereka menjerit-jerit di dalam neraka itu (sambil merayu): "Wahai Tuhan kami, keluarkanlah kami (dari azab ini); kami akan mengerjakan amal-amal yang soleh, yang lain dari apa yang kami pernah kerjakan. (lalu Allah menempelak mereka): "Bukankah Kami telah melanjutkan umur kamu dan memberikan masa yang cukup untuk berfikir dan beringat padanya oleh sesiapa yang suka berfikir dan beringat? Dan kamu pula telah didatangi oleh Rasul (Kami) yang memberi amaran oleh itu, rasalah (azab seksa), kerana orang-orang yang zalim tidak akan dapati sesiapapun yang dapat memberikan pertolongan."* (Q.S. Fathir, 37)

Dapat dikatakan bahawa manusia akan mencapai hakikat dan keselamatan abadi dengan dua cara :

1. Menemui orang-orang yang beriman dan menyerahkan diri kepada mereka, lalu bersama-sama melakukan ketaatan.

2. Menggunakan kemudahan berfikir dan merenungi apa yang diberikan Allah kepadanya, mengikut petunjuk al-Qur'an al-Karim dan sunnah Rasulullah s.a.w. serta menundukkan hawa nafsu, hati dan akal kepada keduanya.

Jika manusia tidak patuh kepada ahli hakikat dan menyimpang dari jalan yang dijelaskan oleh akal yang berfikir dengan benar dan adil, maka pasti akan berakhir dengan seksaan yang pedih.

Tafakur yang hakiki adalah memastikan adanya *"Wajib al-Wujud"* (Wujud Allah SWT)

Seperti yang telah dijelaskan bahawa manusia tidak mampu untuk mengetahui Zat Allah s.w.t. kerana ilmu manusia terbatas dalam pancaindera yang lima, akal dan hati. Kemampuan bagi semua kemudahan ini adalah terbatas dan dengan perantara yang terbatas ini tidak mungkin untuk memahami wujud yang mutlak, azali dan abadi. Pengetahuan melalui perantara yang terbatas juga adalah terbatas.

Oleh itu, melakukan amalan yang melampaui batas kemampuan manusia seperti memikirkan Zat Allah s.w.t. dan berusaha menganalisis hakikat rahsia kekuasaan dan hikmah-Nya adalah sesuatu yang diharamkan oleh al-Kitab dan sunnah. Sekiranya tidak memikirkan tentang hakikat Ilahi menjadi penyebab datangnya sesuatu musibah, maka kebodohan manusia terhadap keterbatasan dirinya dan menyibukkan diri dengan perkara yang di luar kemampuannya, adalah merupakan satu musibah lebih besar yang menimbulkan kerugian besar.

Oleh itu, Rasulullah s.a.w. bersabda, *"Berfikirlah tentang kebesaran Allah –iaitu keagungan-Nya- dan jangan berfikir tentang Allah."* (H.R. al-Baihaqi, *Syu'ab al-Iman*, jilid 1, halaman 136; dan ad-Dailami, jilid 11, halaman 56)

Syaikh al-Akbar, Muhyiddin Ibnu Arabi mengatakan, "Segala sesuatu yang terlintas dalam hatimu bukanlah Allah," kerana salah satu hakikat yang diajarkan Islam kepada kita adalah bahawa salah satu sifat Allah "*mukhalafah li al-hawadits*", iaitu tidak menyerupai sebarang makhluk. Oleh itu ketika mana kita gambarkan manusia dengan beberapa sifat milik Allah s.w.t. seperti mengetahui dan adil, maka perkara ini tidak tergolong dalam syirik. Kerana kita yakin dan percaya bahawa sifat Allah s.w.t. itu sememangnya berbeza dengan makhluk.

Walaupun kita tidak mampu untuk mengetahui dan memahami hakikat Zat Allah s.w.t., namun kita

dapat membuktikan sama ada melalui hati mahupun akal tentang kewujudan Allah dan keEsaannya melalui pelbagai fenomena sifat-Nya dalam semua perkara. Ini merupakan satu-satunya perkara yang boleh dilakukan oleh manusia yang memiliki kemampuan dan kemudahan terbatas seperti mana makhluk yang lain. Ini sudah memadai bagi orang yang beriman dalam hubungannya dengan Allah. Oleh sebab itu para ulama Islam mengatakan, "Ilmu yang paling utama dan paling afdal adalah ma'rifatullah."

Pada dasarnya, manusia adalah makhluk yang memiliki pengetahuan hanya diarahkan dari sifat kepada yang disifati (*mawshuf*), dari jejak kepada Pemberi jejak dan dari ciptaan kepada Pencipta. Apabila hendak melihat nikmat-nikmat Allah s.w.t. yang diberikan kepada semua makhluk-Nya, maka manusia dapat memahami keagungan, kekuasaan dan kasih sayang Allah s.w.t. Jadi setiap manusia itu dapat meraih air laut *ma'rifatullah* s.w.t. sesuai dengan muatan hatinya sahaja.

Maulana Jalaluddin al-Qunawi berkata, "Suatu hari muncul dalam hati saya keinginan untuk melihat cahaya Allah s.w.t. pada diri manusia. Seolah-olah saya ingin melihat samudera pada setitis air atau matahari pada sebiji atom."

Seandainya manusia mahu melihat sifat-sifat, perbuatan dan karya-karya Allah dengan merenungi dan bertafakur secara bersungguh-sungguh dengan

fikirannya yang waras, maka dia tidak akan berfikir untuk menjadi orang yang ingkar. Ini kerana perbuatan ingkar itu bermula daripada kesedaran hati, pengaruh akal dan fikirannya yang telah rosak.

Ertinya tidak mungkin seseorang mengheret hati yang lurus dan fikirannya yang suci dan bersih ke lembah kekufuran. Jadi sekiranya orang ini membuka seluas-luas matanya terhadap alam kekufuran, takkan mungkin dia selamat daripada kekufuran.

Sebagai contoh Sayyidina Ibrahim a.s. yang lahir dan membesar dalam lingkungan musyrik. Tetapi fitrah hati dan fikirannya yang murni (bersih) dan lurus membawanya untuk mengesakan Allah dan menimba ilmu tentang kewujudan-Nya. Hal seumpama ini telah dijelaskan dalam ayat-ayat al-Qur'an. Oleh yang demikian, pengingkaran sepatutnya tidak mungkin dilakukan oleh seseorang yang mampu berfikir secara normal. Menyebut sesuatu dengan kata "fana" hanyalah kata-kata yang tidak membawa sebarang makna. Tambahan lagi, ucapan harus dibuktikan dengan dalil-dalil dan bukti-bukti yang benar dan memuaskan.

Mereka yang tidak mampu untuk menghurai teka-teki kehidupan, alam semesta dan alam setelah kematian, hanya boleh mereka buktikan dengan mengatakan "tidak ada"? Keadaan ini sama dengan sikap orang-orang yang perutnya lapar tetapi mereka tidak merasakannya kerana kesihatan tubuh mereka sudah rosak. Dalam hal ini, pernyataan mereka mengatakan kami tidak

lapar padahal mereka lapar hanya membuktikan bahawa mereka sedang sakit. Sebagaimana orang yang menderita lumpuh dan sistem sarafnya tidak berfungsi, maka dia tidak merasakan paku yang menusuk dalam tubuh atau pisau yang memotong anggota tubuhnya. Orang-orang yang ruhnya tidak dapat melihat cahaya ini dan tidak dapat melihat hakikat yang tinggi tersebut, maka keadaan mereka seperti yang digambarkan Allah s.w.t. dalam firman-Nya:

> *"Mereka (seolah-olah orang yang) pekak, bisu dan buta; dengan keadaan itu mereka tidak dapat kembali (kepada kebenaran)."* (Q.S. al-Baqarah, 18)

Allah s.w.t. telah menanamkan keperluan untuk beriman dalam setiap hati manusia serta keperluan untuk mencari hakikat dan kemampuan untuk mencapainya. Oleh kerana itu, menyimpang daripada keimanan dan hakikat adalah disebabkan rohnya yang buta dan hatinya yang tertutup. Roh orang yang tidak beriman itu adakalanya sedang berusaha mengetahui Allah s.w.t. dan adakalanya sudah mengetahui-Nya, namun ia tidak mampu untuk menggunakan perasaan tersebut kerana hati sudah buta dan rohaninya sudah pekak. Keadaan ini samalah seperti mimpi yang kita lihat tetapi tidak kita ingat.

Dengan kata lain, kecenderungan jiwa manusia kepada iman adalah sesuatu yang fitrah. Bagi kita, kecenderungan untuk beriman ini merupakan keperluan yang tidak dapat dihindari, seperti keperluan kepada

makanan ketika kita merasa lapar. Setiap anak kecil yang melihat kedua orang tuanya sedang solat, maka dia tidak akan bertanya tentang cara menunaikan solat kerana dia tidak mampu memahami kebesaran Allah secara abstrak, maka dia akan mencuba mengungkapkannya secara pasti atau konkrit.

Manusia mempunyai keinginan yang abadi sehingga dia selalu bertanya tentang sejauh mana keagungan dan kebesaran Allah s.w.t.? Ke mana kita pergi setelah mati? Dan bagaimana gambaran syurga dan neraka? Hal itu adalah kerana kesedaran iman dalam fitrah manusia itu tetap disimpan dan dipelihara. Ketika potensi yang disimpan itu berada di alam sedar, maka manusia menjadi orang yang beriman. Tetapi jika kesedaran ini terpenjara di bawah alam sedar, maka manusia menjadi orang yang kafir seperti burung yang terbelenggu di dalam sangkar. Walaupun ia bebas setelah hidup dalam belenggu dalam waktu yang lama, namun ia tidak akan dapat terbang kerana sayapnya telah rapuh dan kering. Begitu juga dengan perasaan iman yang tidak berada di alam sedar, maka butalah potensi iman yang dimiliki manusia.

Oleh yang demikian, kita hendaklah berusaha mengenal Allah mengikut kemampuan dan potensi kita. Allah yang telah menciptakan kita daripada tidak ada, maka secara mutlak dan pasti kita harus mengetahui sifat-sifat dan perbuatan-perbuatan Allah secara benar. Hal ini supaya kita dapat benar-benar mengenal-Nya.

Allah s.w.t. adalah pemilik hikmah dalam segala sesuatu ketika mana mengutuskan Rasul-Nya untuk menyampaikan agama-Nya kepada kaum Musyrikin. Seandainya ayat pertama yang diturunkan adalah "Bacalah dengan nama Tuhanmu yang tidak ada sekutu bagi- Nya, tiada dua-Nya dan tiada banding-Nya" sudah tentu akan mendatangkan penolakan yang ketara. Kesedaran orang-orang musyrik itu untuk mendapat cahaya iman semakin sukar. Tetapi Allah memulakan wahyu-Nya dengan sifat "penciptaan-Nya" hingga tidak ada seorang pun Musyrik yang menolaknya. Oleh itu, Dia berfirman:

> *"Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk)."*
> (Q.S. al-`Alaq, 1)

Orang-orang Musyrik mengetahui bahawa berhala-berhala itu tidak mampu menciptakan sesuatu pun, mereka sememangnya telah memahami secara semula jadi bahawa Allah adalah Tuhan yang sebenarnya dan hanya Dia-lah yang berhak dipuji dan disanjung.

Al-Baidhawi telah mengupas hal tersebut dalam tafsirannya, "Allah s.w.t. mengingatkan permulaan dan pengakhiran hidup manusia untuk menunjukkan nikmat yang telah Dia berikan, iaitu dipindahnya manusia dari taraf yang paling rendah ke darjat yang paling tinggi sebagai bukti ketuhanan dan kedermawanan-Nya. Pada permulaannya Dia menyentuh perkara yang menunjukkan penciptaan-

Nya secara akal yang membawa kepada mengenal Allah. Kemudian Dia mengingatkan kepada dalil *sam'i* yang berupa tulisan dan bacaan iaitu dengan menggabungkan antara dalil *aqli* dan *naqli*." (al-Baidhawi, *at-Tafsir*, Surah al-`Alaq, 5)

Kesimpulannya, Allah s.w.t. menjadikan tafakur terhadap makhluk sebagai alat untuk orang-orang musyrik masuk ke dalam Islam dan iman. Sedangkan untuk orang-orang yang beriman, tafakur ini adalah alat untuk menguatkan keimanan dan meningkatkan keyakinannya.

Segala Sesuatu Bergerak dan Berubah

Jika kita mahu berfikir dan merenungi, maka kita tahu bahawa segala sesuatu di alam yang kita lihat ini berubah dari satu bentuk ke bentuk yang lain. *Nuthfah* berubah menjadi segumpal darah. Segumpal darah berubah pula menjadi secebis daging. Dan secebis daging berubah menjadi tulang dan daging. Perubahan seperti ini terjadi dalam segala benda, bintang, planet mahupun tumbuhan.

Di dalam atom terdapat gerakan yang luar biasa. Elektron berpusing dengan cepat sehingga tidak dapat dibayangkan oleh akal. Proton dan neutron ketika berada dalam ruang yang sangat sempit, maka kecepatannya meningkat luar biasa dibandingkan dengan elektron. Contohnya ia bergerak hampir 60.000 km per saat. Kecepatan yang begitu tinggi ini membuatkannya dilihat

seperti "titik-titik cecair yang mendidih, memancar dan bergolak" dengan cara yang sukar diterima akal.

Penyair Turki, Syinasi, mengungkapkan bahawa sebiji atom sudah cukup untuk menjadi perantara dalam mengetahui Pencipta Yang Maha Agung. Beliau berkata:

Wahai Tuhanku, tidak perlu semesta
untuk mengetahui wujud-Mu
Untuk memastikan wujud-Mu,
cukuplah sebutir atom

Jika kita fikirkan bahawa luas yang hanya 1 mm2 lebih kurang sebesar lubang jarum yang berisi 100 trilion atom, maka kita benar-benar memahami bagaimana pengaruh kekuasaan Allah dalam pergerakan alam semesta.

Jadi semua pergerakan dan perubahan ini memerlukan pencipta yang sejati untuk melakukannya. Sang pencipta itu adalah Allah s.w.t., Yang Maha Pencipta dan Maha Tinggi. Kerana kemunculan perkara luar biasa yang menakjubkan dan membingungkan akal itu tidak akan terjadi dengan sendirinya tanpa pencipta yang abadi.

Tujuan Penciptaan Sesuatu

Sesuatu yang ada di alam ini menunjukkan dengan jelas bahawa ia diciptakan dengan suatu hikmah, tujuan dan manfaat tertentu. Seperti telah kami katakan, bahawa sinar matahari dan bulan begitu

bermanfaat bagi semua makhluk di atas bumi ini serta mendatangkan kebaikan kepada pertumbuhan. Seiring dengan putaran bumi dan bulan mengelilingi matahari, maka muncullah waktu. Bersama dengan putaran bumi, maka lahirlah pelbagai musim, tahun, siang dan malam. Dan seiring dengan putaran bulan, maka muncullah (nama-nama fasa) bulan.

Udara yang selalu kita gunakan untuk bernafas, menyucikan dan membersihkan darah yang masuk ke dalam paru-paru kita begitu banyak dan mudah diperolehi. Ini adalah kerana tubuh kita lebih memerlukan udara daripada segala-galanya.

Angin membawa dan menghala udara ke tempat yang memerlukan air. Di samping itu ia juga membersihkan udara, mengawal suhu panas dan mengahwinkan tumbuhan. Demikian pula manfaat-manfaat pada laut yang tidak terbatas.

Semua benda-benda di atas dan banyak lagi benda yang tidak mungkin dihitung, jelas menunjukkan ia sangat penting dalam kehidupan manusia. Atas sebab itu, setiap manusia harus memandang segala benda dan hal di atas dengan pandangan mencari pengajaran. Seterusnya, memikirkannya sehingga dapat membuat kesimpulan bahawa semua makhluk yang diciptakan mempunyai hikmah dan tujuan yang besar.

Sedangkan akal fikiran yang menganggap semua itu hanyalah secara kebetulan adalah merupakan

penyimpangan daripada kebenaran dan pengetahuan. Alasannya, setiap benda-benda di atas adalah bukti Sang Pencipta, Yang memiliki ilmu, hikmah, kekuasaan dan keagungan. Dia adalah Allah, Tuhan sekalian alam.

Pelbagai Ciptaan daripada Bahan yang Sama

Pelbagai jenis makhluk yang kita lihat di sekeliling kita adalah berasal daripada bahan yang sama. Semuanya berasal daripada satu bahan tetapi mempunyai unsur yang berbeza-beza mengikut fungsi-fungsi yang tertentu. Sebagai contoh, benda-benda yang berada di langit yang beraneka ragam itu diciptakan dari satu bahan. Tetapi masing-masing memiliki keistimewaan, umur, ukuran dan kedudukan yang tertentu. Ada di antaranya yang sangat sejuk, ada sebahagian lagi sangat panas. Demikian juga semua tumbuhan dan haiwan itu berasal daripada unsur-unsur seperti karbon, nitrogen, oksigen dan hidrogen sedangkan antara material tersebut tidak ada hubungannya dengan kehidupan. Begitu juga dengan sifat-sifat seperti ilmu, keinginan, kekuatan, pendengaran dan penglihatan.

Jadi semuanya wujud adalah menunjukkan keindahan ciptaan Allah s.w.t.. Kewujudan yang sempurna dan menarik seperti ini yang kita lihat dalam alam semesta adalah bukti dari Sang Pencipta, Pemilik kekuasaan yang mutlak. Dan tidak mungkin jika zat yang telah menciptakan pelbagai keindahan luar biasa

ini disamakan dengan sesuatu kerana Dia adalah "*Wajibul Wujud*", iaitu yang menciptakan kewujudan dengan seorang diri. Dia adalah Zat azali dan abadi.

Kesimpulannya, bagi manusia yang berfikir, tidak ada kesukaran untuk menemui Tuhannya lalu mengaguminya dengan berfikir dan bertafakur sehingga menjadikan orang kafir itu dapat merasai iman. Manakala orang yang beriman akan semakin beriman di bawah naungan tafakur dan melangkah maju dalam tingkatan-tingkatan ma'rifat dan kecintaan kepada Allah s.w.t.

Jalan Untuk Mengenal Allah (*Ma'rifatullah*)

Para ahli teologi mengatakan, "Kefarduan yang pertama yang diperintahkan kepada manusia adalah *Ma'rifatullah*; Iaitu mengenal Allah s.w.t. Bertafakur boleh membawa kepada ma'rifat tersebut." Maksud dan tujuan dasar al-Qur'an adalah membebaskan akal dan hati daripada kesibukan selain daripada Allah s.w.t. dan mendorong keduanya untuk mengenal Allah s.w.t.

Allah s.w.t. telah menciptakan manusia untuk menyembah dan mengenal-Nya. Dan manusia dapat mencapai tujuan ini melalui zikir dan berfikir. Kemudian, ibadah adalah harta bagi kehidupan manusia. Zikir merupakan salah satu bentuk ibadah kepada Allah s.w.t. yang paling indah. Jadi zikir dan

fikir adalah dua saudara kembar yang tidak mungkin dapat dipisahkan.

Tidak diragukan lagi bahawa perkara yang paling penting bagi manusia adalah mencapai kebahagiaan dan kesenangan yang kekal abadi. Segala hal yang dicari manusia bila dibandingkan dengan tujuan ini nampak remeh dan tidak penting. Ma'rifat adalah alat terpenting yang akan membawa manusia kepada kebahagian dan kemenangan abadi.

Kajian ilmiah menjelaskan sesuatu kejadian itu melalui hubungan sebab-akibat. Sedangkan ma'rifat lebih daripada itu, ia menjelaskan bahawa apa yang terjadi sebagai memperlihatkan *iradah* Allah s.w.t. Oleh itu, pelbagai pengetahuan yang berkaitan dengan Allah s.w.t. disebut dengan "*Ma'rifatullah* s.w.t." iaitu mengetahui dan memahami kewujudan Allah s.w.t.

Maka dalam ayat 84-87 Surah al-Mu'minun, tafakur disebutkan dahulu sebelum takwa kerana manusia mencapai ma'rifat melalui berfikir dan merenung. Setelah mengenal Allah s.w.t. dengan selayaknya, mereka akan berhati-hati untuk mengingkarinya dan memahami kewajipan mereka untuk menjadi insan yang bertakwa. Ini kerana setiap amalan tanpa ma'rifatullah, maka sama sekali tidak bernilai. Dalam hal ini, Allah s.w.t. berfirman:

"Tanyakanlah (wahai Muhammad): "Kepunyaan siapakah bumi ini dan segala yang

ada padanya, kalau kamu mengetahui?" Mereka akan menjawab: "Kepunyaan Allah". Katakanlah: "Mengapa kamu tidak mahu ingat (dan insaf)?" Tanyakanlah lagi: "Siapakah Tuhan yang memiliki dan mentadbirkan langit yang tujuh, dan Tuhan yang mempunyai Arasy yang besar?" Mereka akan menjawab: "(Semuanya) kepunyaan Allah". Katakanlah: "Mengapa kamu tidak mahu bertaqwa?" (Q.S. Al-Mu'minun, 84-87)

Kesimpulannya, ilmu yang paling tinggi dan unggul adalah mengenal Allah s.w.t. Al-Junaid al-Baghdadi r.h. berkata: "Seandainya aku tahu di bawah langit ini ada yang lebih mulia daripada ilmu yang senantiasa dicari oleh para ahli makrifat, maka tanpa henti aku akan terus berusaha mendapatkannya, aku pasti mencarinya."

Al-Imam Ibn al-Qayyim r.h. berkata, "Dalam al-Qur'an, Tuhan menyeru hamba-Nya untuk mengenal-Nya melalui dua cara. Pertama, melihat perbuatan dan ciptaan-Nya. Kedua, berfikir dan merenungkan ayat-ayat-Nya. Bahagian yang pertama adalah ayat-ayat yang nampak (disaksikan), dan yang kedua adalah ayat-ayat yang didengar dan difahami akal." (Ibn al-Qayyim, *al-Fawa'id*, halaman 31)

Alangkah indahnya ucapan penyair di bawah ini"

"Seluruh semesta adalah Kitab Allah dan setiap hurufnya menunjukkan Allah."

Daripada Tafakur Menuju Pelaksanaan

Pengetahuan yang diperoleh melalui berfikir, merenung dan *muraqabah* harus diamalkan demi mencapai hakikat. Dapat dikatakan bahawa setiap manusia yang berfikir tentang hakikat-hakikat Ilahi dan ayat-ayat al-Qur'an al-Karim tetapi dia tidak mengamalkannya, maka dia tidak akan mampu merealisasikan bentuk tafakur dalam martabat yang sewajarnya dan dapat diterima. Puncanya kerana amalan merupakan cerminan lahiriah bagi pemikiran dan renungan yang mendalam.

Dalam hal ini, al-Imam al-Ghazali berkata: "Adapun berfikir adalah ilmu, ahwal dan amal, tetapi yang khususnya adalah ilmu. Jika ilmu sudah terpateri dalam hati, maka berubahlah keadaan hati. Jika keadaan hati sudah berubah, maka berubahlah amalan anggota badannya. Dari sini, amalan itu mengikut keadaan, keadaan mengikut ilmu, ilmu pula mengikut tafakur. Jadi, tafakur walaupun menjadi perintis, ia juga menjadi kunci seluruh kebaikan. Tafakur yang sebenarnya adalah tafakur yang membawa manusia daripada keburukan kepada kebaikan, daripada kerakusan kepada zuhud dan qanaah. Tafakur seperti ini begitu hebat sehingga ia mampu menciptakan

keadaan *musyahadah* dan taqwa." (Al-Ghazali, *al-Ihya'*, jilid 6; *Rub` al-Tafakur*, halaman 47)

Dalam lingkungan tafakur yang berubah menjadi perbuatan, seseorang akan bebas daripada penyakit dilihatnya perkara yang luar biasa dan keindahan ciptaan di alam semesta dilihat sebagai perkara yang biasa.

Sayangnya, manusia biasanya termangu-mangu dan tercengang di hadapan lakaran-lakaran yang diciptakan oleh pelukis yang meniru alam. Tetapi ia tidak merasakan perkara sedemikian ketika melihat lakaran-lakaran yang sama di hadapan Penciptanya, di alam semesta. Lalu menerima perkara luar biasa dan keindahan ciptaan itu sebagai perkara biasa.

Adapun para kekasih Allah yang memiliki hati bersih dan jernih, mereka merasa hairan, kagum, dan takjub di hadapan Sang Pencipta sejati dan bukti-bukti-Nya di alam semesta daripada kagum terhadap lakaran-lakaran yang diciptakan oleh seorang pelukis untuk mengabadikan namanya. Mereka melihat ciptaan yang luar biasa ketika memandang bunga-bunga dan dedaunan yang beraneka warna dan bentuk di atas tumbuhan yang tumbuh di tanah yang sama dan disirami dengan air yang sama; ketika mereka melihat ukiran-ukiran dan indahnya kekuasaan Allah s.w.t. dalam bunga-bunga dan daun-daun tersebut; ketika mereka melihat buah-buah pepohonan yang beraneka warna, bau, bentuk dan rasanya; ketika mereka melihat ukiran-ukiran indah pada warna kupu-kupu yang

umurnya tidak lebih dari satu atau dua minggu sahaja; dan ketika melihat penciptaan manusia.

Mereka meneliti dan mengkaji tentang keindahan Ilahi yang tiada batasan seperti penglihatan mata dan pengetahuan akal serta rahsia-rahsia tersembunyi yang ada di dalamnya dengan penuh perhatian dan kecintaan kepada Allah s.w.t.

Bagi mereka seluruh alam semesta adalah kitab yang disiapkan untuk dibaca. Mereka mampu melalui ilmu pengetahuan yang ditulis menuju ilmu yang ada di dalam dada. Seperti mana Maulana Jalaluddin al-Rumi yang memencilkan diri dengan kitab-kitab ketika mengajar di *Madrasah Saljuqiyah*. Tetapi apabila terkena sinaran gelombang seorang Darwisy "Syams Tabrizi" menyebabkan Maulana berubah. Kitab-kitab yang ada di dalamnya dikhatamkan, umur itu tidak lagi berharga baginya. Beliau membaca rahsia-rahsia alam semesta dan keindahan ciptaan Ilahi. Beberapa ketika kemudian, beliau menulis kitab "al-Matsnawi" yang menjadi risalah tentang bisikan, munajat dan *tadharru`* yang menjelaskan tentang rahsia-rahsia yang berkaitan dengan manusia, alam dan al-Qur'an.

Jadi alangkah bahagianya para hamba yang mana kehidupannya dihabiskan dengan berfikir dan merenung, dengan hati yang lembut, penuh dengan cahaya keimanan dan dengan akal yang waras berdasarkan petunjuk wahyu. Mereka mampu untuk mencapai *ma'rifatullah*.

Penutup

Mutakhir ini, sebahagian manusia mencari ketenteraman dan ketenangan dalam pelbagai program motivasi diri yang berasal daripada Barat atau ajaran-ajaran yoga yang berasal daripada Timur. Sedangkan ketenangan sejati yang dicari oleh manusia itu berada dalam *muraqabah* yang didahului oleh zikir, tafakur dan perenungan. Tiga perkara inilah merupakan kunci hakikat dan hikmah Ilahi yang disampaikan oleh ajaran Islam.

Fikiran yang dimatangkan dengan renungan hati akan menjadi sumber kelapangan rohani dan ketenangan hati kerana tafakur sedemikian akan membawa seseorang individu menuju kepada hikmah. Sedangkan permulaan bagi hikmah tersebut adalah takut kepada Allah s.w.t. Pendek kata, dengan berfikir akan membawa kita kepada reda dan cinta Allah s.w.t.

Manusia yang berfikir secara waras tentang alam semesta dan pelbagai peristiwa akan mencari jawapan terhadap pertanyaan-pertanyaan seperti: Apakah dunia ini? Mengapa dia diciptakan? Apakah hakikat sebenarnya hari-hari yang fana ini? Bagaimanakah jalan menuju kebahagiaan? Siapakah aku? Bagaimana seharusnya aku hidup? Dari mana aku datang? Dan ke mana aku hendak pergi? Adalah pasti bahawa pemikiran seperti ini akan melepaskannya daripada nafsu dunia yang sementara dan membawanya ke jalan yang benar dan kebahagiaan yang kekal abadi.

Dalam lembaran yang terbatas ini, kami telah berusaha menyentuh sebahagian kecil daripada rahsia, hikmah dan hakikat yang ada di alam semesta, manusia dan al-Qur'an al-Karim dengan merujuk kepada data-data ilmiah masa kini.

Selain daripada itu, permasalahan yang kami bahaskan di sini hanya sebagai contoh, sesuai dengan ketebalan buku kecil ini. Insya Allah, para pembaca yang dihormati, dengan perantaraan beberapa contoh yang kami cuba kemukakan, diharapkan hatinya akan dapat mencapai keluasan ufuk tafakur yang merangkumi seluruh kewujudan dan peristiwa. Dengan yang demikian, mereka akan dapat mengutip mutiara-mutiara hikmah dan rahsia agung daripada samudera *ma'rifatullah*.

Wahai Tuhan, anugerahkanlah kepada kami semua kemampuan berfikir yang luas. Mudahkanlah kepada kami untuk menghidupkan hati dan perasaan kami untuk membaca rahsia-rahsia al-Qur'an, manusia dan alam semesta, dengan merenungkan dan mengambil pengajaran. Jadikanlah kami semua sebagai hamba-Mu yang bahagia, yang selalu hidup dalam keadaan muraqabah dan mencapai pengenalan terhadap-Mu dengan cara yang sepatutnya bagi keagungan-Mu, wahai Tuhan semesta alam. Amin.